

Konsep Utama Dalam
Alkitab



DAVID GOODING & JOHN LENNOX

KANDUNGAN

Prakata	ii
1. Pendahuluan	1
2. Kesucian: Keagungan, Kemurnian, Keindahan, dan Kasih Tuhan	6
3. Dosa: Satu Penyakit, Gejala-gejalanya dan Ubatnya	11
4. Perdamaian: Jalan menuju Kedamaian	16
5. Pembenaran: Pembenaran Menurut Hukum	21
6. Wang Tebusan dan Penebusan: Harga Kebebasan	26
7. Hidup Kekal: Di Sini dan Masa Ini	31
8. Pertaubatan: Lebih Daripada Penyesalan	36
9. Iman: Bukan Lompatan ke dalam Kegelapan	41
10. Iman: Tanggapan terhadap Bukti (Bahagian 1)	45
11. Iman: Tanggapan terhadap Bukti (Bahagian 2)	50
12. Iman: Siapa Yang Anda Percaya	55
13. Pemurnian: Sebagaimana Bapa, Begitulah Anak	60
14. Pemurnian: Anak Bukan Hamba	65
15. Penghakiman Akhir: Tuntutan Keadilan	70
16. Penghakiman Akhir: Kebaikan/Ketegasan Tuhan	75
17. Penyelamatan: Istilah Agung yang Menyeluruh	80

Prakata

Penerbitan buku ini untuk orang Kristian yang menggunakan Bahasa Malaysia memberikan kepuasan hati yang amat besar kepada para penulis. Mula-mula, bahasa Inggeris digunakan dalam penulisannya, lalu diterbitkan dalam bahasa Rusia, dan sejak itu diterjemahkan ke dalam beberapa bahasa lain, termasuk bahasa Cina dan Sepanyol. Kami sungguh bersukacita kerana kini kami dapat menyambut para pengguna Bahasa Malaysia sebagai pembaca buku ini.

Alkitab merupakan buku yang dihormati dan dibaca oleh ramai orang di seluruh dunia selama turun-temurun, termasuk mereka yang menganut agama lain. Buku ini tebal dan sukar difahami, tetapi merupakan gudang kekayaan rohani. Kekayaan rohani ini sangat besar sehingga ramai orang, pada waktu mereka mula-mula menjadi Kristian, tidak menyedari dengan sepenuhnya kekayaan yang menjadi milik mereka melalui iman kepada Kristus. Matlamat buku ini adalah membantu orang seperti itu untuk menemukan harta yang penting dan bernilai itu dengan menerangkan beberapa istilah teknikal yang digunakan dalam konsep utama yang terdapat di dalam Alkitab Kristian.

Buku ini, mungkin juga, boleh membantu orang yang bukan Kristian, yang atas alasan tertentu, ingin penjelasan yang menggunakan bahasa biasa, tentang apa sebenarnya konsep-konsep utama dalam Alkitab.

Bagaimanapun, harapan kami sebagai penulis buku ini adalah agar semua pembaca mendapat faedah ketika membacanya.

DWG & JCL
November 2004

1

PENDAHULUAN

Tiada seorang pun yang benar-benar dapat menggelar dirinya terpelajar tanpa ada kaitan dengan Alkitab yang telah, dan masih, memberikan kesan besar kepada pemikiran dunia. Alkitab itulah buku utama yang mula-mula dicetak dengan jenis cetakan bergerak (dalam terjemahan Latin di percetakan Gutenberg di Mainz, Jerman, pada 1455). Alkitab itulah buku yang dibaca oleh paling ramai orang dan paling banyak diterbitkan dalam berbagai-bagai bahasa.

Semasa kita membacanya, kita akan menemukan kata-kata dan konsep-konsep, yang walaupun agak biasa dalam beberapa hal, namun kita tidak dapat memahaminya dengan serta-merta kerana digunakan sebagai istilah teknikal. Hal ini tidak seharusnya menawarkan minat kita – sebaliknya, meningkatkannya. Dalam dunia yang moden ini, lambat-laun kita semua harus mempelajari erti istilah teknikal dalam satu atau beberapa bidang pengetahuan, dan minat yang sebenar terletak pada pemahaman istilah-istilah itu. Seorang perempuan muda yang ingin menjadi tukang masak yang baik harus mempelajari perbezaan antara membakar, memanggang, menggoreng, mencelup dan merebus. Dia juga harus tahu sebabnya proses tertentu digunakan dengan beberapa jenis bahan makanan dan proses lain bagi bahan makanan yang lain. Seorang lelaki muda yang bercita-cita untuk menjadi mekanik kereta mesti mengetahui apa yang disebut ombok, karburetor, dan silinder; apa perbezaan antara enjin petrol dan enjin diesel; apa gunanya klac, gear, dan pemecut. Semua kita yang ingin (atau harus) belajar menggunakan komputer untuk apa pun tujuan, dicabar oleh berbagai-bagai istilah teknikal yang perlu kita pelajari.

Sebagaimana dalam bidang lain, pengertian akan istilah-istilah teknikal dalam Alkitab, menuntun bukan hanya kepada pemahaman yang lebih dalam akan istilah-istilah tersebut, tetapi juga kepada kemampuan untuk mengkomunikasikan ertinya kepada para pelajar dalam kelas kita. Justeru itu, membuka tingkap bagi mereka kepada dunia yang baru sama sekali.

Oleh itu, dalam siri artikel ini, kita akan mempelajari istilah-istilah teknikal tersebut, dan dalam bahagian pendahuluan ini, dengan singkat kita akan meninjau bidang yang kita akan jelajahi.

Tempat untuk memulakannya secara logik adalah dengan Allah, dan oleh sebab salah satu istilah penting yang menggambarkan Tuhan itu adalah “suci”, kita akan bermula dengan istilah ini. Bagaimanapun, mungkin di sinilah kita akan menghadapi tentangan. “Saya tidak percaya akan Tuhan,” kata seseorang, “Oleh itu saya tidak berminat dengan kesuciannya, apa pun ertinya. Saya menjalani hidup tanpa mengakui tuhan mana pun.”

Baiklah, kenyataan dan dakwaan seperti itu amat menarik. Dua kenyataan yang pertama boleh diterima, tetapi kenyataan yang ketiga hampir tidak benar. Sejarah pengalaman manusia selama berabad-abad menentang kenyataan tersebut. Memang bergantung juga dengan apa yang anda maksudkan dengan tuhan. Sepanjang zaman ramai sekali orang yang telah mengambil keputusan seperti Nietzsche dan menyatakan

bahawa “Tuhan sudah mati” dan bertekad untuk membuang segala kepercayaan kepada Tuhan Maha Esa yang benar dari minda mereka. Mereka telah berjaya dalam beberapa perkara, tetapi dengan membayar harganya. Mereka telah mendapati bahawa hidup dengan intelek dan emosi dalam dunia yang tidak bertuhan sama sekali merupakan perkara yang mustahil. Dengan sengaja atau tidak sengaja, mereka telah memenuhi rongga kosong yang wujud dengan berjenis-jenis tuhan pengganti setelah Tuhan Yang Esa disingkirkan.

Bahkan ateis yang paling kuat pendirian pun tidak dapat mengelak pertanyaan mengenai kuasa apa yang telah membuat dirinya dan alam semesta wujud, dan kuasa apa yang akhirnya memusnahkan kedua-duanya. Kemungkinan dia tidak menyebutnya ‘tuhan-tuhan,’ tetapi lebih baik dia mengatakan demikian; kerana itulah kuasa yang akan akhirnya menguasai dia, dan bukan dia yang menguasai kuasa tersebut. Ateis membuang pendapat mengenai satu peribadi yang menjadi Pencipta, dan mengambil kesimpulan bahawa tenaga dan unsur yang tidak berminda, tidak mempunyai peribadi dan buta itulah yang bertanggungjawab terhadap kewujudannya dan segala sesuatu yang ada dalam alam semesta. Dengan demikian, dia memusnahkan segala harapan mengenai tujuan kewujudannya dengan satu pukulan. Bagaimanapun, dia mendapati bahawa dia tidak boleh wujud tanpa apa-apa tujuan hidup, tanpa percaya kepada sesuatu yang lebih besar daripada dirinya sendiri, tanpa ada nilai yang lebih tinggi untuk dihormati, dan tanpa apa-apa perjuangan yang disokong, dan jika perlu, untuk diberikan pengorbanan. Oleh sebab dia tidak boleh hidup dan melayani Tuhan Maha Esa yang benar, maka dia menciptakan tujuan-tujuan dan sasaran-sasaran yang lebih kecil, sebahagiannya besar serta mulia dan yang lain pula kecil dan amat tidak mulia. Dia tidak menyebutnya ‘tuhan-tuhan’ tetapi sebenarnya adalah lebih sesuai disebut demikian: akhirnya semua itu menuju kepada kesudahan yang sama.

Sepanjang sejarah, manusia telah menjadikan seks itu dewi (orang Yunani menyebutnya Aphrodite), dewa alkohol (orang Yunani menyebutnya Dionysus atau Bacchus), dewa perang (Ingat tak dewa-dewa perang Teutonik yang menjadi inspirasi besar kepada orang Jerman pada masa lalu?), dewa wang, keseronokan, kemasyhuran, dewa Pemerintah atau bahkan dewa diri mereka sendiri (seperti yang dilakukan oleh ramai diktator kuku besi). Apabila menghadapi keadaan hidup yang tidak dimengerti, orang ateis yang biasa sering kali mengambil keputusan bahawa segala sesuatu dikuasai oleh nasib. Apabila dia membeli tiket loteri, dia mengharapkan Nasib untuk senyum kepadanya. Ramai orang Yunani purba berfikiran seperti itu dan membuat satu dewi baginya, yang disebut Tyche. Penganut faham evolusi percaya bahawa akhirnya nasib itulah yang bertanggungjawab atas kewujudan manusia di bumi. Orang lain mengambil pandangan yang bertentangan dan mengatakan bahawa manusia adalah mesin yang sudah ditentukan sebelumnya, dan kebebasan memilih itu hanya ilusi. Dunia purba juga mempunyai nama untuk ini. Mereka menyebutnya Takdir dan menjadikannya dewa.

Pengalaman selama berabad-abad telah menunjukkan bahawa soalnya bukanlah sama ada anda percaya kepada Tuhan atau tidak, melainkan sama ada anda percaya kepada Tuhan yang Maha Esa dan Maha Benar. Orang ateis pun mendapatinya menolong untuk membandingkan karakter dan sifatnya dengan tuhan-tuhan yang dijadikan pengganti.

Sebaik saja ada kemungkinan bagi kita manusia dicipta oleh Tuhan yang peribadi dan suci, maka tentu sekali soal mengenai dosa akan timbul tidak lama lagi (dan inilah istilah teknikal kita yang kedua) dan memaksa masuk ke dalam perbualan. Semua orang yang berfikiran waras akan menentang jenayah, dan berpendirian kuat bahawa jenayah patut ditangani dengan adil dan tegas. Itulah sebabnya ada institusi bagi orang yang sakit jiwa dan ada penjara. Bagaimanapun, penjenayah merupakan peratusan yang kecil sahaja

dalam keseluruhan jumlah penduduk. Hal yang lebih nyata adalah hakikat bahawa setiap orang penduduk dalam kadar kecil atau besar, pada suatu ketika, memang merupakan orang yang cacat akhlak. Tiada seorang pun yang sempurna secara moral di seluruh dunia. Penjenayah tentu sekali menyebabkan banyak kerosakan dan kegelisahan. Bagaimanapun, orang yang biasa mengalami penderitaan yang lebih berat kerana ketamakan, kemarahan dan ketiadaan timbang rasa yang membuat kawan-kawan baik sekalipun menjadi orang yang sukar digauli kadang-kadang. Oleh sebab ada kecurangan, kebencian, kekejaman mental, penderaan fizikal yang meretakkan keluarga, maka perceraian yang menyebabkan anak-anak mengalami trauma pun berlaku. Pelajaran daripada sejarah sendiri telah menyatakan bahawa di banyak negara dan selama berabad-abad, rakyat telah menderita dengan lebih teruk kerana janji-janji kosong para ahli politik, falsafah palsu dan penindasan oleh golongan atasan, berbanding penderitaan yang disebabkan oleh penjenayah yang dimasukkan dalam penjara oleh pihak pemerintah.

Oleh itu, bagaimana pula, kita semua tanpa kecuali, cacat secara moral? Bolehkah kita berkata bahawa semua itu disebabkan oleh gen kita, maka tiada suatu pun yang dapat kita lakukan, lalu melepaskan semua tanggungjawab terhadap kelakuan kita dan menjadikan diri kita sebagai mesin semata-mata? Perkara inilah yang pasti: kecuali kita sampai kepada diagnosis yang cukup dan benar tentang apa yang salah secara moral dengan manusia, maka kita tidak mempunyai harapan yang realistik untuk menjadi lebih baik, apalagi mendapatkan kesembuhan.

Oleh itu, kita akan mempelajari diagnosis Alkitab tentang apa yang tidak betul dengan manusia. *Dosa* adalah istilah umum yang digunakan untuk merujuk kepada penyebab asas penyakit itu sendiri dan juga penerangannya yang berlainan. Tetapi istilah umum 'dosa' merangkumi banyak unsur yang dirujuk oleh Alkitab dengan menggunakan istilah-istilah khas dan gejala-gejalanya dalam diri individu. Oleh itu, kita akan mengkaji apa penyebab asas dan gejala-gejalanya agar kita dalam kedudukan untuk menilai berapa realistiknya skim yang dicadangkan oleh Alkitab untuk menanganinya.

Istilah umum Alkitab bagi skim itu tentu sekali adalah *penyelamatan*. Tetapi istilah ini memerlukan kajian yang teliti dan berhati-hati, kerana pendapat kebanyakan orang mengenai erti 'penyelamatan' sangat berbeza.

Pandangan kebanyakan orang akan erti penyelamatan menyempitkan maknanya kepada dorongan untuk menjalani hidup yang berakhlak baik semata-mata, dan setiap hari memperbaiki kelakuan, sambil didorong oleh suatu harapan yang lemah mengenai syurga, disertai oleh ketakutan dimasukkan ke dalam neraka. Bagi ramai orang, masalah dengan hal ini adalah kebenarannya yang jelas. Mereka memberikan hujah bahawa sekiranya anda pergi ke syurga, maka nyatalah bahawa anda sememangnya baik. Jika anda tidak baik, maka nyatalah bahawa anda tidak akan masuk syurga. Pendapat ini amat kuat dalam minda mereka sehingga merasa bahawa tiada keperluannya untuk membaca Perjanjian Baru untuk mengetahui apa yang tertulis di sana. Mereka hanya menganggap bahawa buku itu akan bercakap apa yang difikirkan.

Bagaimanapun, hakikatnya adalah Perjanjian Baru mengajar perkara yang amat bertentangan dengan pandangan kebanyakan orang ini. Istilah 'penyelamatan' bukan semata-mata satu nama lain bagi satu kod moral yang harus kita ikuti untuk mendapatkan restu Tuhan dan tempat di syurga. Erti 'penyelamatan' adalah tepat seperti yang dikatakannya. Ertinya pada permukaan memang sama dengan makna sebenar. Inilah operasi penyelamatan Tuhan bagi orang yang tidak pernah dapat menyelamatkan diri sendiri, walaupun mereka berusaha dengan sedaya upaya. Ia bukan nasihat mengenai caranya melakukan perbuatan baik yang secukupnya untuk menjadi layak bagi syurga. Dengan terus terang dan berulang kali, Perjanjian Baru mengisytiharkan bahawa

penyelamatan bukan berdasarkan perbuatan kita: ia adalah kurnia Tuhan kepada orang yang tidak pernah dapat membayarnya, ataupun layak menerimanya.

Ini adalah asas bagi kata-kata yang digunakan oleh Perjanjian Baru (dan yang akan kita pelajari kemudian) untuk menggambarkan beberapa unsur dalam penyelamatan. *Penebusan* adalah salah satunya, dan ia menyatakan harga yang telah dibayar oleh Tuhan – bukan apa yang kita harus bayar – untuk membebaskan kita daripada belenggu secara moral dan rohani dan memerdekakan kita. Kata selanjutnya adalah *pembenaran*. Ini pun berasaskan rahmat Tuhan dan bukan oleh pekerjaan atau kebaikan kita. Hasilnya adalah mendamaikan kita dengan Tuhan dan memberi kita perdamaian dengan Dia di sini, pada masa sekarang.

Oleh itu, kita tidak menjalani hidup dengan ketidakpastian sama ada selepas kematian nanti kita diterima oleh Tuhan atau tidak. Seseorang yang sudah *dibenarkan* boleh menjalani hidup dalam keyakinan dan sukacita kerana dia sudah diterima oleh Tuhan. Dan istilah *pendamaian*, yang juga akan kita pelajari, akan menitikberatkan fakta ini. Apa yang telah dilakukan oleh Kristus adalah untuk menghasilkan pendamaian yang sempurna antara Tuhan dan manusia, agar di sini dan sekarang dalam hidup ini, kita boleh didamaikan dan bersekutu dengan Tuhan.

Hal ini membawa kita, di sini dan sekarang, untuk memiliki dan menikmati *kehidupan kekal*. Kerana berbeza dengan pendapat umum, ‘kehidupan kekal’ bukan kehidupan yang dialami oleh manusia hanya selepas kematian. Ia adalah kehidupan yang kita alami dan nikmati di dunia ini, dan perlu masuki sekarang, kerana jika tidak, kita tidak akan pernah mengalaminya di dalam dunia yang akan datang.

Tetapi ramai orang, apabila mereka mula-mula mendengar seseorang menerangkan doktrin penyelamatan dari Perjanjian Baru dengan cara ini, dia merasakan bahawa ia salah sama sekali, ataupun aneh. Pertama sekali, kata mereka, ia memintas semua usaha jujur untuk memperbaiki hidup, jika penyelamatan itu bukan hadiah bagi pekerjaan yang dilakukan dengan baik, melainkan merupakan hadiah semata-mata bagi orang, tidak peduli sama ada mereka telah berbuat baik atau tidak, hanya kerana mereka mendakwa menjadi orang percaya. Memang, menurut hujah mereka, jika seseorang boleh benar-benar yakin bahawa dia sudah diselamatkan “oleh iman dan bukan oleh perbuatan,” maka ia bererti dia dapat menjalani sisa hidupnya dengan cara yang tidak bertanggungjawab, namun masih selamat pada akhirnya, yang merupakan moral yang tidak bererti.

Bantahan-bantahan ini memang diakui mempunyai suatu kekuatan pada permukaannya; tetapi ia berasaskan pada salah faham dan ia lenyap apabila seseorang membuka Perjanjian Baru dan mempelajari apa yang sebenarnya dikatakannya. Tiada buku lain di bumi ini yang menuntut kesucian lebih daripada Perjanjian Baru. Oleh itu, pembelajaran kita akan ‘kesucian’ bertujuan untuk menemukan apa yang dimaksudkan oleh Perjanjian Baru dengan istilah ini; apa yang dianggapnya sebagai satu-satunya perangsang yang boleh diterima untuk menjadi suci (yang juga mempertahankan bahawa penyelamatan itu semestinya pemberian dan bukan pembayaran kerana menjadi suci); dan ia memberi kuasa kepada manusia agar menjalani hidup dengan kebaikan yang sesungguhnya menjadi suatu kemungkinan yang pasti.

Kuasa ini, menurut Perjanjian Baru, boleh diperoleh dengan dua syarat, dan yang pertama adalah *pertaubatan*. Makna istilah itu kemungkinan jelas. Bagaimanapun, kita akan mendapati, bahawa di dalam Perjanjian Baru, istilah tersebut sering membawa makna yang lebih radikal daripada percakapan sehari-hari.

Syarat yang kedua adalah *iman*. Tetapi hal ini, menurut perasaan ramai orang, merupakan kelemahan agama Kristian. “Agama,” kata mereka, “semuanya bergantung pada iman, sedangkan sains berurusan dengan fakta. Oleh itu, sains mempunyai dasar

yang kukuh. Ia boleh dibuktikan benar. Agama Kristian tidak boleh dibuktikan benar, dan oleh itu tidak mempunyai dasar yang boleh dipercayai.”

Tetapi orang seperti itu lupa bahawa sains sendiri bergantung pada iman, dan banyak antara teori semasanya dan pentafsiran alam semesta tidak bergantung pada fakta yang sudah dibuktikan melainkan pada andaian falsafah para ahli sains. Mereka juga lupa bahawa semua perhubungan peribadi harus didasarkan pada iman pada akhirnya. Oleh sebab Tuhan di dalam Alkitab ialah Peribadi dan bukan tenaga tanpa peribadi, maka hubungan kita dengan Dia harus dan memang pun berdasarkan iman. Soalan yang sebenar adalah: Apakah yang dimaksudkan oleh Perjanjian Baru dengan ‘iman’? Satu hal yang kita pasti temukan adalah ia tidak bererti mempercayai sesuatu dengan membabi buta tanpa bukti. Alkitab memberikan banyak bukti yang boleh menjadi asas iman kita.

Akhirnya, kita akan menyelidik apa yang dimaksudkan oleh Alkitab dengan *kematian kedua*. Ia merujuk kepada apa yang dikatakan oleh kebanyakan orang sebagai neraka. Sekarang, bagi ramai orang, perkataan ‘neraka’ memberikan gambaran iblis yang menusuk manusia dan mencampak mereka ke dalam relau api, dan mereka membuang seluruh konsep itu sebagai kepercayaan kolot orang primitif. Nyata sekali, konsep ini amat jauh daripada maksud Perjanjian Baru dengan ‘kematian kedua’. Memang, Alkitab secara positif mengajar bahawa Tuhan harus menghukum dosa, bukan hanya kerana Dia suci dan adil, tetapi juga kerana kasih-Nya tidak berubah. Tiada seorang pun yang bertanggungjawab secara moral di dalam masyarakat yang bertamadun, yang menganggap jenayah itu dibenarkan untuk berterusan tanpa halangan dan tidak dihukum. Tuhan juga mempunyai pandangan yang sama terhadap dosa.

Dalam artikel-artikel ini, kita tidak akan mengutip ayat-ayat Alkitab dengan panjang lebar tetapi kita akan merujuknya. Kita mencadangkan bahawa memang baik merujuk setiap ayat, membacanya dengan kuat dan melihat bagaimana ia menyokong kenyataan yang diberi di dalam buku ini.

2

KESUCIAN

Keagungan, Kemurnian, Keindahan, dan Kasih Tuhan

Tidak dapat dinafikan bahawa bagi ramai orang, fikiran tentang Tuhan tidak disambut baik dan apa pun peringatan mengenai kesuciannya adalah suatu ancaman. Tuhan bagi mereka adalah seorang penguasa kukuh besi yang menggerunkan, yang bertekad untuk membatasi kebebasan manusia dan menghalangnya daripada menikmati kesenangan hidup dengan sepenuhnya. Oleh itu, mereka memberitahu diri sendiri bahawa pendapat tentang kewujudan Tuhan itu merupakan sisa pemikiran manusia sebelum zaman sains datang, dan mereka cuba melenyapkan Dia daripada minda mereka (tetapi tidak pernah berjaya dengan sepenuhnya).

Walau bagaimanapun, semua ini bertentangan dengan cara orang merasa dan memikirkan Tuhan di dalam Alkitab. Mereka menggambarkan Tuhan sebagai kesukaan mereka yang besar (Mazmur 43.4); dan dengan semangat mereka menceritakan apa yang disebut mereka sebagai nilai-nilainya yang mulia. Tentu sekali mereka bercakap tentang takut akan Tuhan, dengan maksud menghormati Dia, dan berdiri dengan takwa di hadapan-Nya. Tetapi perasaan dan emosi sedemikian bukan seperti reaksi hamba abdi yang tunduk dan mengalah, melainkan respons yang sihat daripada makhluk yang pandai ketika berhadapan dengan keagungan, kuasa, dan kemurnian Pencipta mereka yang maha kuasa. Bahkan ahli sains yang mempunyai faham ateis pun kadang-kadang berasa kagum terhadap keluasan, dan kerumitan, serta keindahan alam semesta. Di mana pula ibu bapa yang tidak kagum dan hairan dengan kesempurnaan jari-jari kecil bayi mereka yang baru lahir, lengkap dengan kuku-kuku yang comel! Oleh itu, memang tidak menghairankan untuk mendapati lelaki dan perempuan di dalam Alkitab, yang berseru kepada satu sama lain dengan penuh semangat untuk menyembah Tuhan dalam keindahan kesucian (lihat 1 Tawarikh 16.29).

Kesucian Tuhan, dalam contoh yang pertama, merupakan cara untuk menggambarkan perhubungan Pencipta dengan alam semesta yang dicipta dan kepada semua makhluknya, termasuk manusia. Ia menunjukkan bahawa:

1. Tuhan terpisah dan terasing dari alam semesta. Dia bukan sebahagian daripada bahan asasnya. Dia bukan salah satu tenaganya: Dia bukan pun yang terkuat antara tenaga tersebut. Dia menciptakan semua itu: tiada sesiapa pun atau suatu benda pun yang menciptakan Dia. Dia wujud sebelum semua itu dan bebas daripadanya. *“Kristus sudah ada, sebelum segala sesuatu ada. Kerana Dia juga, segala sesuatu mempunyai tempat yang bersesuaian.”* (Kolose 1.17). Dia memegang, memelihara, dan mengawal alam semesta: tiada sesiapa pun yang memegang Dia (lihat Yesaya 46.1-7). Dia bukan Tuhan yang tertinggi dalam satu hierarki malaikat (walaupun orang kafir kadang-kadang merujuk kepada-Nya dengan cara ini). Mereka bukan dalam kategori yang sama dengan Dia. Mereka makhluk: Dia Pencipta. *“Tiada sesiapa pun yang suci*

seperti TUHAN; Dia tidak ada tandingan; hanya Allah kita yang dapat memberikan perlindungan” (1 Samuel 2.2).

2. Tuhan itulah satu-satunya pencipta alam semesta. Dia tidak, seperti yang dicadangkan oleh beberapa agama, menurunkan penciptaan alam semesta dan manusia kepada beberapa dewa atau agen. Firman, yang olehnya segala sesuatu telah diciptakan, dan tanpanya tiada sesuatu pun yang dapat dicipta, adalah Tuhan sendiri (Yohanes 1.1-3). Unsur dan manusia bukan suatu produk kelas kedua yang dihasilkan oleh tuhan kelas kedua. Mereka mempunyai keistimewaan dicipta dengan sengaja oleh Satu-satunya Pencipta yang maha suci bagi segala sesuatu. *“TUHAN, Allah Israel, Allah yang suci, TUHAN yang menentukan masa depan berfirman, “Kamu tidak berhak menyoal Aku tentang anak-anak-Ku, ataupun memberitahu Aku apa yang harus Aku buat. Akulah yang menjadikan bumi; dan menciptakan manusia untuk mendiaminya. Dengan kuasa-Ku, Aku membentangkan langit; Aku menguasai matahari, bulan, dan bintang. TUHAN yang menjadikan langit, Dialah Allah! Dia membentuk dan menjadikan bumi, Dia menjadikan bumi teguh. Dia menjadikan bumi tempat kediaman manusia, bukan suatu tempat yang lengang. Dialah yang berfirman, “Akulah TUHAN, dan tidak ada yang lain.” (Yesaya 45.11, 12, 18).*

3. Sebagai Pencipta manusia, Tuhan mempunyai hak mutlak mendapatkan penyembahan daripada hati manusia. Manusia bukan hanya diciptakan oleh Tuhan, melainkan dia juga dicipta untuk Tuhan. *“Setiap makhluk itu mempunyai enam buah sayap. Keempat-empat makhluk itu diliputi mata, bahkan bahagian bawah sayap. Siang malam makhluk-makhluk itu tidak henti-hentinya menyanyi, “Suci, suci, sucilah Tuhan, Allah Maha Kuasa, yang ada, yang sudah ada, dan yang akan datang.” Keempat-empat makhluk itu menyanyikan lagu-lagu kemuliaan, penghormatan, dan kesyukuran kepada Dia yang duduk di atas takhta itu, iaitu Dia yang hidup selama-lamanya. Ketika makhluk-makhluk ini menyanyi, dua puluh empat orang pemimpin itu bersujud di hadapan Dia yang duduk di atas takhta itu dan menyembah Dia yang hidup selama-lamanya. Mereka meletakkan mahkota mereka di hadapan takhta itu dan berkata, “Ya Tuhan dan Allah kami! Engkau sahaja yang layak menerima kemuliaan, penghormatan, dan kekuasaan, kerana Engkaulah yang menciptakan segala sesuatu, dan dengan kehendak-Mu juga segala sesuatu itu wujud dan hidup.” (Wahyu 4.8-11). “Hormatilah TUHAN, Allah kamu dan sembahlah Dia sahaja, dan buatlah janji kamu demi nama-Nya sahaja” (Ulangan 6.13).*

Di sinilah letaknya keistimewaan dan kemuliaan manusia. Kehidupan dan pekerjaan manusia bukanlah tidak bertujuan dan sia-sia seperti yang diajarkan oleh ahli falsafah yang mempunyai faham kewujudan. Melakukan kehendak Pencipta memberi manusia satu-satunya tujuan, yang akhirnya cukup besar untuk memuaskan intelek, emosi, dan usahanya.

Di sinilah juga letaknya kebebasan manusia. Untuk menyembah sesiapa, atau apa pun, selain Tuhan, sentiasa memperkecil dan memperhamba roh manusia pada akhirnya. Orang Kristian yang mula-mula akhirnya menghadapi pemerintah mutlak yang menuntut agar mereka menyembah Ketua Negara. Tetapi para rasul mengajar mereka supaya tidak takut akan pemerintah melainkan memuliakan Kristus sebagai Tuhan di dalam hati mereka (1 Petrus 3.14-15). Hal itu, di dalam lubuk hati mereka, haruslah sentiasa mempunyai kesedaran akan kesucian Anak Allah, dan hak mutlaknya untuk disembah. Dalam peringatan mereka akan kesuciannya, mereka mendapat keberanian untuk menolak tuntutan penyembahan berhala pihak pemerintah mutlak mereka, dan justeru itu, dengan harga nyawa mereka, berjuang bagi pembebasan untuk roh manusia.

Dengan menyebut bahawa Tuhan itu suci merupakan cara untuk merujuk kepada kemurnian Tuhan yang mutlak dan mengagumkan. *“Hal ini menunjukkan bahawa*

TUHAN adil, dan tidak terdapat kecurangan pada pembelaku.” Kata Perjanjian Lama (Mazmur 92.16). *“Allah itu cahaya,”* Kata Perjanjian Baru, *“dan pada-Nya tidak ada kegelapan sama sekali”* (1 Yohanes 1.5), bukan secara intelek, atau moral, atau rohani. Dalam alam fizikal, cahaya fizikal itulah yang memberikan warna kepada benda-benda. Dalam alam rohani pula, cahaya kesucian Tuhan itulah yang membuat keindahan dan erti hidup itu menyerlah. Dosa melakukan hal yang bertentangan: ia memudarkan warna hidup, mematikan kepekaannya, menggelapkan minda, dan membutakan roh.

Pada pihak lain pula, cahaya kesucian Tuhan mendedahkan dosa. Bukan saja mendedahkannya; kerana kesucian Tuhan bukan semata-mata suatu ciri yang pasif, seperti tiang salji yang putih bersih, yang beku. Kesucian tersebut secara aktif menyatakan diri dengan melaksanakan kemurkaan dan hukumannya yang adil terhadap dosa manusia. Kadang-kadang hukuman ini menyatakan diri dalam cara pergerakan alam semula jadi, seperti yang telah ditetapkan oleh Tuhan. Jika manusia terus-menerus dalam perbuatan seksual yang sumbang, misalnya, mereka mendapati bahawa alam semula jadi sendiri berbalik dan memusnahkan tubuh mereka: *“Oleh itu mereka menerima hukuman yang setimpal dengan dosa mereka”* (Roma 1.27). Pada masa-masa lain pula, Tuhan mengizinkan bencana ekonomi dan politik untuk melanda orang yang telah memberontak terhadapnya. Apabila Dia berbuat demikian, Alkitab berkata bahawa Tuhan *“menyatakan kesucian-Nya”* dengan menghukum dosa secara adil.

Pada zaman nabi Yesaya, bangsanya bersalah kerana ketidakadilan dan kekejaman, kerana penipuan dan kezaliman dalam perdagangan, kemabukan, pencabulan yang disengajakan, pemberontakan dan penafian terhadap Tuhan. Oleh itu, Yesaya, bukan saja mempersalahkan dosa mereka: dia memberi mereka amaran bahawa Tuhan akan menyatakan kesucian-Nya dengan menjatuhkan hukuman atas mereka dan menjatuhkan bangsa dalam hal ekonomi, sosial, dan politik.

“Tiap-tiap orang akan dipermalukan, dan semua orang yang sombong akan direndahkan. Demikianlah TUHAN Yang Maha Kuasa menunjukkan kebesaran-Nya dengan melakukan apa yang benar, serta menyatakan kesucian-Nya dengan menghakimi umat-Nya ... kerana kamu telah menolak ajaran TUHAN Yang Maha Kuasa, Allah Israel, Allah yang suci ” (Yesaya 5.7-30).

Tetapi kita mesti melihat lebih dekat. Kesucian Tuhan bukan saja mempersalahkan orang berdosa. Apabila dilihat dalam terang-Nya, hal yang terbaik yang ada pada kita ternyata berdosa. Ketika Yesaya yang sama diberi penglihatan mengenai Tuhan, sambil dikelilingi oleh malaikat-malaikat yang terus-menerus berseru, *“Suci, suci, suci! Sucilah TUHAN Yang Maha Kuasa! Bumi penuh dengan hadirat-Nya yang mulia.”* Yesaya sendiri dikuasai oleh kesedaran akan keadaan dirinya sendiri yang berdosa, lalu berseru, *“Malanglah aku! Tiada harapan lagi bagi aku, kerana tiap-tiap perkataanku itu dosa, dan aku hidup di kalangan orang yang begitu juga. Namun dengan mataku sendiri, aku telah melihat Raja, TUHAN Yang Maha Kuasa”* (Yesaya 6.5). Sepatutnya, begitulah perasaan kita semua jika kita sedar akan hakikat kesucian Allah. Dusta, kemunafikan, penipuan, percakapan kotor, fitnah, menikam dari belakang, sindiran, kesombongan, dengan semua dosa lain akan tiba-tiba terdedah sebagai hal-hal yang jahat dan buruk yang sememangnya sifat semuanya. Kita seharusnya menyedari, meskipun menyakitkan, bahawa kejahatan tidak akan pernah dibenarkan masuk untuk mencemari kebenaran dan keindahan syurga Tuhan.

Tetapi tepat pada tempat ini kita bertemu dengan satu paradoks yang luar biasa. Orang di dalam Alkitab yang telah mengalami kesakitannya didedahkan oleh terang kesucian Tuhan, tiba-tiba mulai bercakap dengan bersemangat mengenai terang Tuhan yang amat mengagumkan. Berikut adalah ayat yang biasa ditemui: *“Tetapi kamu bangsa yang terpilih, imam-imam yang mengabdikan diri kepada Raja, bangsa yang suci, umat*

Allah sendiri. Allah memilih kamu untuk mengisytiharkan perbuatan-Nya yang luar biasa. Allah sudah memanggil kamu keluar daripada kegelapan supaya masuk ke dalam cahaya-Nya yang gemilang. Dahulu kamu bukan umat Allah, tetapi sekarang kamu umat Allah. Dahulu kamu tidak mengenal rahmat Allah, tetapi sekarang kamu sudah menerima rahmat-Nya” (1 Petrus 2.9-10). Nyata sekali orang tersebut telah menemukan bahawa kesucian Tuhan bukan semata-mata kuasa negatif. Ia adalah kuasa positif yang oleh kasih dan rahmat-Nya dapat menyucikan orang berdosa dan menjadikan mereka orang salih.

Di dalam Imamat 19, pertama-tama Tuhan memerintah umat-Nya, “Kamu harus suci kerana Aku TUHAN, Allah kamu suci” (ayat 2). Kemudian dia menerangkan secara terperinci ertinya menjadi suci dengan menggunakan istilah yang praktis. Salah satu istilah tersebut adalah ini: “*Kasihilah sesama kamu sebagaimana kamu mengasihi diri kamu sendiri*” (ayat 18). Kesucian bererti mengasihi; dan Tuhan maha suci, maha mengasihi, kerana Tuhan ialah kasih (1 Yohanes 4.16). Ciri yang sama dalam kesucian Tuhan dinyatakan di dalam pengisytiharan nama Tuhan yang ajaib dan suci (lihat Keluaran 34.5-7).

Oleh itu, kita menutup bab ini dengan menunjukkan bahawa falsafah-falsafah yang menentang kesucian Pencipta akhirnya akan merosakkan manusia itu sendiri.

i. Ateisme: Dengan tidak mengakui Pencipta, ateis terpaksa menganggap kuasa alam semula jadi yang buta dan tidak ada keperibadian sebagai kuasa yang tertinggi yang tanpa disedari telah mencipta, dan kini mengawal, dan akan akhirnya memusnahkan manusia yang bijaksana dan bermoral. Justeru itu, manusia menjadi tawanan secara fizikal pihak kuasa alam semesta. Nilai kepintarannya menjadi kurang. Dia tidak lagi mempunyai alasan dan maksud bagi kewujudannya dan pengharapan serta sasaran dirampas daripadanya.

ii. Panteisme: Panteisme menyamakan Tuhan dengan ciptaan. Ia mengajarkan bahawa alam semesta adalah Tuhan, bumi adalah Tuhan, matahari adalah Tuhan, manusia adalah Tuhan, haiwan adalah Tuhan, segala sesuatu adalah Tuhan. Tetapi jika segala sesuatu adalah Tuhan, maka kejahatan secara moral dan juga kebaikan secara moral adalah juga Tuhan. Bagaimanapun, kenyataan ini salah. Semasa Tuhan menciptakan dunia, dia melihat bahawa segala sesuatu yang diciptakan-Nya itu baik (Kejadian 1.31). Tuhan tidak boleh disamakan dengan kejahatan secara moral. Dia suci. Dalam hakikat ini terletak pengharapan bahawa suatu hari kelak, kejahatan akan diatasi.

Sekiranya kejahatan itu Tuhan, sebagaimana yang diajarkan oleh panteisme, maka tiadalah harapan untuk mengalahkan kejahatan. Panteisme bukan saja salah; ia juga merupakan bentuk pesimisme yang paling parah, meskipun ia menarik secara luaran.

iii. Berbagai bentuk Penjelmaan semula: Beberapa agama dan falsafah agama berpendirian bahawa unsur pada dasarnya adalah jahat. Mereka mengajarkan bahawa Tuhan yang maha tinggi tidak mungkin telah menciptakan unsur. Apa yang dilakukannya, menurut mereka, adalah menciptakan tuhan-tuhan yang lebih rendah, yang menyerupai-Nya kerana memiliki kuasa untuk mencipta. Mereka juga menciptakan tuhan-tuhan yang lebih rendah, dan akhirnya salah satu antara tuhan-tuhan tersebut, dengan amat tidak bijak, menciptakan unsur alam semesta dan manusia. Justeru itu, manusia malang sekali kerana merupakan gabungan jiwa (bahagian yang baik) dan unsur (bahagian yang jahat). Unsur menjangkiti dan mencemarkan jiwa, lalu mengheretnya sehingga jatuh ke dalam kelakuan yang jahat, yang akhirnya melibatkan orang tersebut dalam penderitaan yang tidak boleh dielakkan. Jika penderitaan ini belum habis ketika orang tersebut meninggal, jiwanya tetap dijelmakan semula dalam unsur tubuh yang lain. Kemudian, jika dalam hidup ini jiwa itu bersalah lagi dalam kelakuan, maka ia akan terus menanggung penderitaan dan penjelmaan semula. Satu-satunya pengharapan adalah jiwa itu menghabiskan segala penderitaan, dengan cara bagaimanapun, dan mengelakkan

semua perbuatan dosa, dengan itu ia dapat kembali kepada Alam-Jiwa yang sejati dan tidak lagi mengalami penjelmaan semula dalam unsur tubuh.

Doktrin ini dua kali melanggar kesucian Tuhan: a) Sebenarnya, hanya satu Pencipta, bukan penggandaan pencipta-pencipta yang lebih rendah. b) Unsur pada dasarnya tidak jahat; melainkan ia baik pada dasarnya, sebagaimana yang kita sudah lihat. Masalah manusia tidak berasal daripada fakta bahawa dia mempunyai unsur tubuh, melainkan disebabkan oleh penyalahgunaan yang berdosa terhadap kebebasannya untuk memilih dan daripada ketidaktaatannya kepada Tuhan.

Tambahan pula, doktrin ini bukan sahaja salah, tetapi juga kejam. Ia mengajarkan bahawa sekiranya seorang anak dilahirkan dengan kecacatan, maka ini diakibatkan oleh perbuatan dosanya pada penjelmaan sebelumnya. Jika sekiranya (kemungkinan) ribuan penjelmaan semula ini habis, dan anak itu belum juga menyelesaikan segala penderitaan akibat dosa yang lampau, apa lagi harapan anak itu untuk menghabiskan penderitaan dalam hidup sekarang ini – apatah lagi kemungkinannya dia melakukan dosa lain dalam kehidupan sekarang dan sehingga menambahkan keperluan untuk melalui penjelmaan semula yang seterusnya?

Oleh itu, doktrin ini, merupakan ajaran palsu dan kejam yang amat dahsyat. Manusia tidak diselamatkan oleh penderitaannya sendiri melainkan oleh penderitaan Kristus.

Tetapi dia dilukai kerana dosa kita, dia disiksa kerana perbuatan jahat kita. Kita diselamatkan kerana hukuman yang ditanggungnya, kita disembuhkan kerana lukanya (Yesaya 53.5).

Manusia tidak perlu menjalani kehidupan mereka atas sebab ketakutan terhadap tuhan-tuhan yang lebih rendah, tidak bertanggungjawab, dan kadang-kala kejam. Hanya ada satu Tuhan, dan Tuhan itu mengasihi kita dan menyerahkan diri-Nya untuk menjadi Penyelamat kita:

“Bodohlah orang ... berdoa kepada dewa yang tidak dapat menyelamatkan mereka... Bukankah Aku, TUHAN? Tiada tuhan-tuhan lain kecuali Aku. Akulah Allah yang adil dan yang menyelamatkan, tiada yang lain kecuali Aku. Berpalinglah kepada-Ku sekarang hai bangsa-bangsa di seluruh dunia, supaya kamu diselamatkan! Akulah satu-satunya Allah, selain Aku, tiada yang lain” (Yesaya 45.20-22).

Akulah TUHAN, Allah kamu, Allah Israel, Allah yang suci, yang telah menyelamatkan kamu (Yesaya 43.3) ... nama-Nya TUHAN Yang Maha Kuasa. Allah Israel, Allah yang suci ialah Penyelamat kamu, Dialah Allah penguasa seluruh dunia (54.5).

3

DOSA

Penyakit, Gejala dan Ubatnya

Seseorang tidak perlu hidup terlalu lama untuk menemukan bahawa ada sesuatu yang tidak betul dengan manusia. Sebilangan kanak-kanak yang malang menemukan hakikat ini dengan terlalu cepat, apabila ibu-bapa, yang seharusnya boleh dianggap bersikap sentiasa baik hati dan mengasih, akan bertindak dengan tidak wajar, naik marah lalu mendera mereka. Kemudian anak-anak itu akan mendapati bahawa ‘hal yang tidak betul’ itu bukan saja ibu-bapa dan keluarga mereka: dalam bentuk yang berlainan, dan kadar yang berbeza, ada sesuatu yang tidak betul dengan setiap orang.

Sejarah menunjukkan bahawa ‘sesuatu yang tidak kena’ ini selalu ada dalam perhubungan antarabangsa pada sepanjang zaman tanpa kekecualian; dan sehingga hari ini, meskipun ada kemajuan pesat dan besar dalam setiap bidang sains dan teknologi, ia menyatakan diri dalam kelakuan yang amat tidak masuk akal. Sekiranya bangsa-bangsa dapat mempercayai satu sama lain dan bekerjasama dan bukan bersaing dalam pengembangan sumber-sumber bumi, maka mereka boleh menjadikan bumi ini sebagai firdaus. Tanah gurun boleh dijadikan berhasil; kemiskinan, kebuluran, dan wabak dilenyapkan; dan kebajikan serta jangka hayat setiap orang dilanjutkan. Tetapi tidak, bangsa-bangsa tidak mempercayai satu sama lain; akibatnya, bagaikan lautan banyaknya wang, masa, dan tenaga digunakan untuk senjata pemusnah yang lebih canggih.

Tetapi bukan hanya bangsa-bangsa yang berkelakuan tidak masuk akal. Kita semua pun berkelakuan seperti itu. Anda juga, dan saya pun. Lambat laun, di samping semua resolusi dan niat baik kita, namun tetap kita akui, sebagaimana yang dikatakan Paulus beberapa abad yang lalu, “*Aku tidak melakukan perkara baik yang ingin aku lakukan, sebaliknya aku melakukan perkara jahat yang tidak ingin aku lakukan*” (Roma 7.19).

Jika demikian, apakah yang tidak betul dengan kita? Apakah penyakit sejagat ini yang kita semua hidap? Pakar bencana dalam dunia purba Yunani, Aeschylus, Sophocles, dan Euripides, mempelajari gejala-gejalanya dan cuba menyelidiki penyebabnya. Demikian juga para ahli falsafah purba, dan juga yang ada zaman moden ini. Begitu juga dengan raksasa kesusasteraan seperti Dostoyevsky, Tolstoy, dan Solzhenitzin. Tentu sekali kita tidak akan pernah memahami diri kita sendiri dengan sepenuhnya atau dunia tempat tinggal kita, kecuali kita menghadapi penyakit ini secara realistik. Dengan yakin dan sukacitanya Alkitab menegaskan bahawa kita boleh mendapatkan pembebasan yang terus-menerus dan yang semakin kuat daripadanya; dan ia menyebut pembebasan ini penyelamatan. Bagaimanapun, kita tidak akan dapat memahami apa yang dimaksudkan oleh penyelamatan, atau cara ia bekerja, kecuali kita mula-mula mengerti istilah Alkitab bagi penyakit itu.

Istilah itu ‘dosa’. Untuk membantu kita memahaminya, marilah menggunakan analogi penyakit jasmani. Pegawai perubatan mesti membezakan antara gejala penyakit itu sendiri dan akar penyebab penyakit tersebut. Jika seseorang ingin mendapatkan ubat,

maka tidak berguna untuk hanya menghilangkan gejala tanpa melenyapkan penyakit itu sendiri. Tidak ada harapan baginya berlaku kecuali akar penyebab itu dilawan dan dilenyapkan.

Misalnya, penyakit kuning, yang sebenarnya bukan penyakit melainkan satu gejala luaran sesuatu gangguan dalaman, seperti kecederaan pada limpa, atau kanser dalam paru-paru, dan sebagainya. Jelas sekali kesia-siaannya jika hanya berusaha menghilangkan penyakit kuning, jika penyebab asas itu tidak dibuang.

GEJALA-GEJALA DOSA

Perjanjian Baru memberi kita berbagai-bagai senarai gejala dosa, dan biasanya menambahkan amaran bahawa gejala-gejala ini sudah amat parah. Berikut adalah salah satu senarainya:

Keinginan tabiat manusia nyata dalam semua perbuatan cabul, lucah, dan tidak senonoh; dalam penyembahan berhala dan penggunaan ilmu sihir. Orang bermusuhan dan berkelahi; mereka cemburu, lekas marah, dan mementingkan diri sendiri. Mereka berpecah dan berpihak-pihak, mereka iri hati, suka mabuk, berpesta liar, dan sebagainya. Aku memperingatkan kamu sekarang sebagaimana aku telah memperingatkan kamu dahulu: Orang yang melakukan perbuatan-perbuatan itu tidak akan menikmati Pemerintahan Allah (Galatia 5.19-21).

Berikut adalah senarai yang selanjutnya, yang memberikan gambaran yang menggerunkan mengenai gejala-gejala yang boleh berlaku apabila penyakit dosa itu sudah mencapai tahap bahaya:

Seperti yang tertulis di dalam Alkitab, "Tidak seorang pun yang benar di sisi Allah, tidak seorang pun yang memahami apa yang benar, dan tidak seorang pun menyembah Allah. Semua orang sudah menjauhkan diri daripada Allah; semuanya sudah sesat. Tidak seorang pun berbuat benar; seorang pun tidak! Kata-kata dari mulut mereka menyebabkan kematian, tipu muslihat mengalir dari lidah mereka, dan fitnah seperti bisa ular tersembur dari bibir mereka; mulut mereka penuh dengan kutuk dan cerca. Mereka cepat mencederakan dan membunuh orang; mereka menyebabkan kebinasaan dan kehancuran di mana-mana. Mereka tidak mengikut jalan kedamaian, dan mereka pun tidak menghormati Allah." (Roma 3.10-18).

Sebenarnya, tiada satu pun senarai itu menyatakan bahawa semua gejala itu sama beratnya dalam diri setiap orang. Sebaliknya, Perjanjian Baru menegaskan bahawa setiap orang menunjukkan beberapa gejala, kerana penyakit itu terdapat di seluruh dunia.

Kemudian ada juga yang mungkin kita sebut sebagai gejala yang lebih umum. Salah satunya adalah **Kelemahan Moral**. "Semasa kita dalam keadaan tidak berdaya, Kristus mati pada masa yang ditetapkan oleh Allah untuk menyelamatkan kita, orang yang jahat" (Roma 5.6).

Kita boleh mengambil Pontius Pilatus sebagai contoh. Gabenor Roma itu bertanggungjawab terhadap penyaliban Yesus Kristus (Matius 27.11-26; Lukas 23.1-25; Yohanes 18.28-19.16). Dialah orang yang terakhir yang anda mungkin anggap lemah. Dia seorang askar yang berpangkat tinggi, pegawai yang berkuasa atas tentera Roma yang berada di Yudea; dia juga bertanggungjawab terhadap undang-undang dan keamanan dalam negeri itu.

Secara luaran, Pilatus kelihatan seperti kayu balak yang kelihatan kukuh dan kuat, tetapi di dalamnya sudah dimakan oleh serangga kayu; dan apabila anda menekannya, kayu itu akan tumbang.

Apabila dia bercakap sendirian dengan Yesus, dan sedar akan kewujudan Tuhan serta kedahsyatan dosa yang dilakukan sekiranya dia menyalib Anak Allah yang tidak berdosa, maka dia mengambil keputusan untuk melakukan apa yang difikirkannya benar dan membebaskan Yesus (Yohanes 19.8-12). Tetapi apabila dia pergi ke luar, orang ramai berteriak-teriak dengan cara yang menakutkan, dan para pemimpin mereka mengugut dia, kerana mengancam untuk menuduhnya berbuat salah di hadapan kaisar Roma. Oleh itu Pilatus menyerah. Walaupun dia tahu bahawa apa yang akan dilakukannya itu adalah pengkhianatan terhadap keadilan, namun ketakutan memusnahkan pendiriannya dan kerana takut dia menjatuhkan hukuman salib kepada Yesus.

Hal ini membuat kita bertanya: tidakkah kita pernah berbohong kerana takut akan akibatnya kelak, sekiranya kita mengatakan yang benar? Tidakkah kita pernah melakukan sesuatu yang kita tahu salah, kerana kumpulan kita mendesak supaya hal itu dibuat, dan kita takut untuk menentang kumpulan tersebut?

Satu lagi gejala umum dosa adalah **Orang Tidak Mengenal Allah**:

Perlu diingat bahawa hukum diadakan bukan untuk orang baik, tetapi untuk orang jahat dan pelanggar hukum, orang yang tidak mengenal Allah dan orang berdosa, orang yang tidak salih dan yang duniawi, orang yang membunuh ayah atau ibu, pembunuh, orang yang cabul dan yang memburit, pedagang abdi, pembohong, saksi palsu, dan sesiapa sahaja yang membuat perkara-perkara yang bertentangan dengan ajaran yang benar. Ajaran itu terdapat di dalam Berita Baik yang dipercayakan kepadaku untuk diisytiharkan. Berita Baik yang mulia itu diberikan oleh Allah yang patut dipuji (1 Timotius 1.9-11).

Perkataan asli Yunani di sini yang diterjemahkan sebagai 'orang yang tidak mengenal Allah' bererti 'orang yang tidak menghormati atau tidak takwa'. Peribadi yang tidak dihormati oleh mereka, pertama-tama, merujuk kepada Tuhan. Namun, ia tidak berhenti di sana. Manusia diciptakan menurut rupa Tuhan; dan apabila manusia kehilangan hormat dan takwa bagi Pencipta, mereka mula merendah-rendahkan ciptaannya, iaitu manusia. Mereka tidak lagi menghormati kemurnian kebenaran. Oleh itu, segala jenis pembohongan, penipuan, dan janji-janji kosong timbul. Akhirnya, mereka tidak lagi menghormati kesucian hidup. Akibatnya, jenayah kejam terus-menerus berlaku.

Pengasingan dan Permusuhan Terhadap Tuhan adalah satu lagi gejala:

Orang yang hidup menurut tabiat manusia, tidak dapat menyenangkan hati Allah (Roma 8.8).

Dahulu kamu jauh daripada Allah, dan memusuhi Dia, kerana perbuatan dan fikiran kamu jahat (Kolose 1.21).

Contoh-contoh yang sangat jelas mengenai gejala ini memang terang dan ketara dalam abad ini. Pemerintah di banyak negara telah menggunakan segenap kuasa mereka dalam usaha untuk melenyapkan apa pun kepercayaan kepada Tuhan dan Kristus, secara sistematik. Tetapi permusuhan dengan Tuhan tidak terhad kepada golongan ateis yang terang-terangan sahaja. Kadang-kadang, orang yang beragama secara luaran pun menjadi musuh Tuhan di dalam hati mereka. Paulus, rasul Kristian itu, sejak awal lagi merupakan

seorang yang beragama; tetapi dia musuh besar Yesus Kristus sebelum dia percaya kepada-Nya (1 Timotius 1.12-17).

Hakikatnya, di dalam hati setiap kita ada pemberontakan terhadap Tuhan. Di dalam Alkitab, Tuhan memerintah kita untuk melakukan sesuatu atau melarang berbuat sesuatu, tetapi perintah-Nya sering menimbulkan perasaan ingin melawan di dalam hati dan membuat kita mahu melakukan perkara yang bertentangan pula. Rasul Paulus menyebut satu contoh daripada pengalamannya sendiri (Roma 7.5, 7-9). Selama beberapa tahun dia hidup tanpa menyedari perintah Tuhan ini “Jangan ingini kepunyaan orang lain.” Tetapi kemudian Tuhan menerapkan perintah ini dalam hatinya; dan Paulus mendapati bahawa perintah ini menimbulkan iri hati yang berbagai-bagai, sehingga walaupun dia berusaha, dia tidak dapat mengawal diri – dan lebih-lebih lagi, jauh di dalam lubuk hatinya, dia tidak benar-benar mahu mengawalnya.

Tentu sekali, permusuhan asas dengan Tuhan ini tidak semestinya, atau sering, menyatakan diri secara terang-terang melawan Tuhan. Ia lebih sering dinyatakan sebagai sikap acuh tak acuh.

Sekarang, jika seseorang berkata, “Saya tidak berminat dengan muzik atau kesenian,” mungkin kita berfikir bahawa itu merugikan; tetapi kita tidak menjadi sedih kerana hal itu, kerana ia hanya berkaitan dengan minat. Tetapi jika seorang wanita berkata, “Saya tidak berminat dengan suami saya,” maka ia sesuatu yang amat menyedihkan; kerana inilah kenyataannya bahawa dia terasing daripada suaminya. Kasih sudah dimusnahkan. Jika seseorang berkata, “Saya tidak berminat dengan Tuhan,” maka hal ini sangat, sangat menyedihkan. Kewujudan kita amat bergantung kepada Tuhan. Jika kita tidak berminat dengan Tuhan, itulah gejalanya bahawa pada suatu ketika, pengasingan yang serius daripada Tuhan sudah berlaku.

Berikut ini adalah sebahagian daripada gejalanya. Tetapi penyakit asasnya melibatkan *keinginan untuk bebas daripada Tuhan*.

Keinginan untuk bebas daripada Tuhan, Pencipta kita: Menurut Alkitab (Kejadian 3), dosa pertama yang dibuat oleh manusia bukan sesuatu yang kejam dan kotor seperti pembunuhan atau pencabulan. Hal itu berlaku apabila Adam dan Hawa digoda oleh Iblis untuk merasakan keadaannya bebas daripada Tuhan agar mereka sendiri dapat menentukan apa yang baik dan apa yang jahat. Mereka berpendapat bahawa mudah sahaja mereka menjadi tuhan untuk diri mereka sendiri. Oleh itu, mereka mengambil buah terlarang itu. Perbuatan itu dengan serta-merta mengasingkan mereka daripada Tuhan. Mereka juga merasa bersalah dan malu sehingga mereka ingin melarikan diri dan bersembunyi daripada Tuhan. Kini mereka merasa bahawa Tuhan menentang mereka. Kita semua sudah mengikut mereka dalam pelanggaran dan keinginan bebas daripada Tuhan. Bagaimanapun, hidup seperti itu bererti hidup dalam suatu kepalsuan, suatu khayalan. Kita tidak mencipta diri kita sendiri. Kita adalah makhluk ciptaan Tuhan. Hidup terasing dan bebas daripada-Nya adalah bertentangan dengan hukum asasi kewujudan kita.

Oleh itu, Perjanjian Baru berkata bahawa **dosa adalah pelanggaran terhadap hukum Allah:**

Sesiapa yang berbuat dosa, melanggar hukum Allah, kerana dosa itu pelanggaran terhadap hukum Allah (1 Yohanes 3.4).

Kini kita tahu apa bahaya yang akan menimpa kita jika kita tidak mempedulikan hukum fizikal Pencipta, misalnya, hukum elektrik. Sekiranya seorang lelaki membeli sebuah kipas siling tetapi tidak membaca atau mengikut arahan pembuatnya. Dia memasang kipas itu menurut cara yang difikirkannya cara yang terbaik. Akibatnya, dia

mencederakan dirinya. Kita jarang bersimpati dengan orang seperti itu: kita biasanya menggelarnya orang bodoh kerana tidak memperhatikan arahan pembuat dan langsung tidak mempedulikan hukum elektrik. Demikian juga halnya jika melanggar dan tidak taat kepada hukum moral dan rohani Pencipta. Perbuatan itu pasti mengakibatkan kehancuran moral dan rohani. Itulah penyebab akar semua gejala dosa.

Perkara yang mengagumkan, menurut Alkitab, adalah kesembuhan yang tersedia. *“Pernyataan ini sungguh benar dan harus diterima serta dipercayai sepenuhnya: Kristus Yesus datang ke dunia untuk menyelamatkan orang berdosa. Akulah yang paling jahat”* *“Allah mengutus Anak-Nya ke dunia ini bukan untuk menghakimi dunia, tetapi untuk menyelamatkannya”* (1 Timotius 1.15; Yohanes 3.17). Oleh yang demikian, bab-bab seterusnya akan mempelajari istilah-istilah yang digunakan dalam Perjanjian Baru untuk menggambarkan penyelamatan ini dan caranya ia berlaku.

Bagaimanapun, ada dua hal yang kita seharusnya perhatikan dengan serta-merta. Ramai orang berfikir bahawa cara untuk diselamatkan adalah berusaha sekeras-kerasnya untuk mengurangkan gejala dosa daripada hidup kita. Tentu sekali berbuat demikian adalah baik; tetapi usaha itu tidak dapat menyelamatkan kita. Anda mungkin memetik setiap buah epal dari sebatang pokok epal; tetapi pokok itu tetap pokok epal. Itulah ciri dalamannya. Oleh itu, walaupun kita dapat menekan setiap gejala dosa, kita tetap mempunyai sifat dosa di dalam kita. Hal itu, menurut Perjanjian Baru, bukanlah kesalahan kita. Kita dilahirkan dengan sedemikian rupa. Kita mewarisi sifat berdosa daripada bapa pertama kita, Adam. Namun, dengan cara yang sama juga, jika kita mahu, kita dapat menerima daripada Kristus hidup-Nya yang tidak berdosa, suci, dan sifat hidup yang menyenangkan hati Tuhan. *“Sebagaimana semua orang menjadi orang berdosa kerana satu orang tidak taat, demikian juga orang dapat berbaik semula dengan Allah, kerana satu orang taat kepada Allah”* (Roma 5.19).

Perkara kedua yang harus diperhatikan adalah: Tuhan mengasihi kita semasa kita masih berdosa. Inilah rahsianya penyelamatan daripada Tuhan itu praktikal dan benar-benar berlaku. Kita tidak perlu memperbaiki diri sebelum Tuhan bersedia untuk menyambut kita dan memulakan pekerjaan penyelamatan-Nya yang besar di dalam diri kita. Dia mengasihi kita dan bersedia menyambut kita seadanya. Inilah beban yang dibahaskan dalam Roma 5.6-11. Setiap orang yang sungguh-sungguh memperhatikan masalah dosa harus merenungkan ayat tersebut.

4

PERDAMAIAN

Jalan Menuju Kedamaian

Dalam bab sebelumnya, kita belajar tentang penyakit moral dan rohani yang kita semua hidapi, dan gejala-gejala pengasingan daripada Pencipta kita. Sekarang kita mula memeriksa istilah-istilah yang menggambarkan ubatnya.

Perkataan pertama adalah *perdamaian* bersama dengan kata kerja kognat, 'mendamaikan'. Kemungkinan inilah perkataan yang paling mudah dimengerti di antara semua istilah kita kerana kita sudah tahu ertinya dalam perhubungan kita dengan orang lain. Kebanyakan kita, pada suatu masa dalam hidup, sudah melalui beberapa pengalaman seperti berikut. Kita telah melakukan, atau mengatakan, sesuatu yang salah yang telah sungguh-sungguh melukai, atau bahkan mencederakan, beberapa orang kawan atau orang lain. Akhirnya, kawan itu menegur kita atas kesalahan tersebut. Bagaimanapun, kita tidak mahu mengakuinya ataupun memohon maaf. Sebaliknya, kesombongan atau ketakutan telah membuat kita menafikan kesalahan itu, atau bahkan berdusta mengenainya; dan kita menjadi marah, dan membuat banyak tuduhan balas terhadap orang tersebut. Lalu kita pergi cepat-cepat sambil merungut, "Mulai hari ini aku tak mahu bercakap atau melihatnya lagi." Sejak itu, mulailah satu tindakan mengasingkan diri, menjauhkan diri, dan mendiamkan diri yang berlarutan. Pada masa itu, jika ada sesiapa yang dengan ikhlas memuji bekas kawan kita itu, kita membencinya. Kemudian kita pula menceritakan kisahnya daripada pihak kita (yang kacau), untuk memburukkan karakter bekas kawan kita, dan untuk membenarkan permusuhan kita terhadapnya.

Demikian juga halnya dengan perhubungan ramai orang dengan Tuhan. Ingatan dan hati nurani yang tercemar membuat mereka insaf bahawa sekiranya ada Pencipta, tentu sekali Dia menentang dosa mereka, dan menurut anggapan mereka, Dia juga melawan mereka. Oleh itu, mereka tidak pula mengakui dosa, melainkan mereka menafikan kewujudan Pencipta. Jika mereka bertemu dengan seseorang yang percaya kepada Tuhan, yang mengasihi dan menyembah Dia, mereka membencinya secara diam-diam. Mereka juga mempersalahkan Tuhan atas semua kejahatan yang dilakukan oleh orang yang beragama, seolah-olah semua itu kesalahan Tuhan (dan seolah-olah orang ateis tidak pernah berbuat jahat), atau mereka mempersalahkan Tuhan kerana membiarkan banyak sekali penderitaan berlaku di dunia, dan seterusnya. Dengan itu, pengasingan mereka daripada Pencipta mereka berterusan, dan hidup tetap samar-samar kerana dibayangi keadaan yang tidak mempunyai tujuan ataupun harapan. Kadang-kadang kegelapan ini hanya diterangi sebentar oleh hati nurani yang tidak selesa, yang enggan selamanya berdiam tanpa bergerak.

Perdamaian adalah perkataan yang memberitahu kita bahawa Tuhan sendiri sudah bertindak untuk mengatasi pengasingan ini. Dia melenyapkan salah faham yang menjadi

asasnya, dan menyingkirkan halangan-halangan kepada kedamaian. Terdapat dua bahagian ayat dari Perjanjian Baru yang memberitahu kita caranya:

“Kristus serupa dengan Allah, tetapi Kristus dapat dilihat, sedangkan Allah tidak. Kristus itu Anak sulung yang lebih utama daripada segala sesuatu yang diciptakan. Hal itu demikian kerana melalui Dialah Allah menciptakan segala sesuatu di syurga dan di atas bumi, segala sesuatu yang kelihatan dan yang tidak kelihatan, termasuk juga roh-roh yang berkuasa dan yang memerintah. Allah menciptakan semesta alam melalui Kristus dan untuk Kristus. Kristus sudah ada, sebelum segala sesuatu ada. Kerana Dia juga, segala sesuatu mempunyai tempat yang bersesuaian. Kristuslah kepala jemaah, iaitu tubuh-Nya. Dialah sumber kehidupan jemaah itu. Dialah Anak sulung Allah; Allah membangkitkan Dia daripada kematian, supaya Kristus sahaja yang menjadi terutama daripada segala sesuatu. Allah sendiri yang menentukan bahawa keperibadian Allah juga terdapat dengan sepenuhnya dalam diri Anak. Melalui Anak juga, Allah mengambil keputusan untuk membawa segala sesuatu, baik yang di bumi mahupun yang di syurga, kembali kepada-Nya. Allah melakukan hal itu melalui kematian Anak-Nya di kayu salib. Dahulu kamu jauh daripada Allah, dan memusuhi Dia, kerana perbuatan dan fikiran kamu jahat. Tetapi sekarang, dengan kematian Anak-Nya, Allah telah menjadikan kamu sahabat-sahabat-Nya, sehingga kamu dapat dibawa menghadap Dia dalam keadaan yang suci, murni, dan tidak bercela” (Kolose 1.15-22).

Anda boleh dapati bahagian ayat yang kedua dalam 2 Korintus 5.18-21.

Perkara pertama yang perlu diperhatikan tentang apa kata ayat-ayat ini mengenai perdamaian adalah Tuhan telah mengambil langkah pertama dalam proses ini:

Semua itu dilakukan oleh Allah. Melalui Kristus, Allah sudah mengubah kita daripada musuh menjadi sahabat-Nya. Dia juga menugaskan kita supaya menjadikan orang lain sahabat-Nya juga.

Perkara ini amat mengagumkan. Hukum Tuhan yang lazim bagi manusia apabila mereka ada pergaduhan di kalangan sesama adalah bagi orang yang bersalah supaya memikul tanggungjawab mengambil langkah yang pertama untuk mengadakan perdamaian. *“Oleh itu, apabila kamu hendak mempersembahkan pemberian di atas mazbah kepada Allah, lalu teringat bahawa saudaramu sakit hati terhadap kamu, tinggalkanlah pemberianmu di hadapan mazbah. Pergilah berdamai dahulu dengan dia, barulah kembali lalu persembahkan pemberian kamu itu kepada Allah” (Matius 5.23-24).* Tetapi Tuhan tidak berbuat salah terhadap dunia. Tiada sesuatupun yang menuntut Dia untuk memohon maaf. Pihak manusia itulah yang telah memulakan permusuhan dengan memberontak terhadap-Nya. Bagaimanapun, Tuhan itulah yang mengambil langkah pertama agar kita didamaikan dengan Dia, dengan mengutus Anak-Nya ke dunia.

Satu lagi yang membuat hal ini mengagumkan. Sering kali, apabila dua orang bergaduh, mereka ingin dapat berkawan semula. Bagaimanapun, kedua-duanya berasa takut ditolak oleh pihak yang lain. Tetapi Tuhan mengutus Anak-Nya ke dunia meskipun Dia sudah sedia tahu bahawa Dia akan ditolak, dihina, dan disalib. Itulah sebabnya Anak Allah, yang melalui-Nya alam semesta dicipta, datang di kalangan kita bersama dengan kemuliaan keilahian-Nya yang dibungkus dalam bentuk manusia. Kemuliaan-Nya yang terdedah tentu sekali tidak memungkinkan mereka untuk mendekati-Nya, apalagi menunjukkan kebencian mereka terhadap-Nya. Seperti yang berlaku, mereka meluahkan semua kebencian mereka kepada Allah pada diri Yesus Kristus dan menyalib Dia di kayu

salib. Selepas mereka berbuat demikian, Tuhan mengumumkan bahawa Dia masih mengasihi mereka dan bersedia untuk mengampuni mereka atas perbuatan itu dan atas semua dosa mereka yang lain (Kisah Rasul 2.36-39). Oleh sebab Dia mengasihi mereka semasa mereka masih berdosa.

Inilah jawapan Tuhan kepada tuduhan yang ditanamkan oleh Iblis di dalam pemikiran umat manusia, bahawa Tuhan itu kejam dan hanya menunggu peluang pertama yang ada untuk menghalang manusia daripada menyatakan jati diri dengan sepenuhnya dan daripada mengejar cita-cita mereka sendiri yang sihat (Kejadian 3).

Bukannya bermaksud bahawa Tuhan berlembut terhadap dosa, dan bersedia untuk tunduk kepada kebongkakan dan kejahatan manusia agar dapat mempertahankan atau mendapat semula persahabatan manusia. Yang Maha Kuasa bukannya mudah dipujuk. Dia tidak boleh dan tidak mahu meringan-ringankan dosa manusia. Oleh itu, kita perlu mengerti apa yang dimaksudkan oleh Perjanjian Baru dengan istilah ‘perdamaian’ apabila ia berkata, *“Melalui Kristus, Allah sudah mengubah kita daripada musuh menjadi sahabat-Nya.”* Untuk melaksanakan hal itu, kita perlu mempertimbangkan caranya perkataan itu digunakan dalam bahasa Yunani kuno, bahasa yang digunakan untuk menulis Perjanjian Baru.

Jika si A telah menyinggung perasaan si B dengan amat sangat, maka si B mempunyai hak untuk marah dengan si A dan berdendam terhadap perbuatan salah si A. Oleh itu, untuk mendamaikan si A kepada si B, anda tidak mengubah pandangan si A terhadap si B, melainkan menyingkirkan penyebab kemarahan wajar si B terhadap si A.

Kemurkaan Allah terhadap dosa bukannya kemarahan yang meledak dengan tiba-tiba yang membuat Dia tidak mengawal diri. Bukan juga suatu perasaan benci yang akan lama-kelamaan pudar. Bukan juga suatu perasaan tidak senang yang dibiarkan-Nya terpendam di dalam kepala-Nya. Dosa adalah cabaran nyata yang menentang peribadi dan karakter Tuhan; dan sebagai Gabenor Moral alam semesta, Tuhan mesti menyatakan kebencian-Nya secara terbuka dan aktif terhadap dosa. Oleh itu, maksudnya, Dia tidak boleh selamanya menutup mata terhadap dosa, apalagi bertindak seolah-olah dosa tidak apa-apa. Kemurkaan Tuhan hanya dapat diredakan dan karakter-Nya dibela apabila dosa dihukum, dan seluruh alam semesta melihat hal itu. Dengan itu, untuk mendamaikan dunia dengan diri-Nya, mula-mula Tuhan harus menyingkirkan penyebab kemurkaan-Nya terhadap dunia: Dia harus menghukum dosa dunia. Tanpa pelaksanaan hukuman ini, perdamaian tidak boleh berlaku, dan manusia tidak boleh disambut semula ke dalam persahabatan dengan Tuhan.

Itulah sebabnya, dengan perintah Tritunggal Allah, Anak Allah menjadi manusia tanpa berhenti menjadi Tuhan. Oleh sebab segala kepenuhan tritunggal Allah tinggal di dalam-Nya, Dia dapat mewakili Allah kepada manusia. Apa yang dilakukan manusia kepada-Nya, mereka lakukan kepada Allah. Tindak balas-Nya terhadap manusia, adalah tindak balas Allah kepada manusia. Di dalam Dia, manusia dapat melihat siapa sebenarnya Allah.

Pada masa yang sama, kerana Dia memang sungguh-sungguh manusia (meskipun bukan manusia sahaja), Dia boleh mewakili umat manusia di hadapan Allah. Oleh itu, Dia boleh, dan telah, menanggung atas diri-Nya, sebagai Wakil dan Pengganti manusia, dosa dunia, dan secara terbuka dapat menanggung kemurkaan Allah dan menderita hukuman dosa. Justeru itu, Dia melenyapkan dengan sepenuhnya penyebab kemurkaan Allah terhadap dunia dan memungkinan manusia didamaikan dengan Allah dan berdamai dengan Dia.

Kita membaca di dalam 2 Korintus 5.18-21, *“Melalui Kristus, Allah menjadikan semua orang sahabat-Nya ... Kristus tidak berdosa, tetapi demi kebaikan kita, Allah meletakkan dosa kita pada Dia. Dengan demikian kita berbaik semula dengan Allah,*

apabila kita bersatu dengan Kristus.” Maksudnya, apabila Kristus, meskipun Dia sendiri tidak berdosa, menanggung atas diri-Nya dosa dunia sebagai wakil manusia, Tuhan memperlakukan Dia seolah-olah dosa dunia adalah dosa-Nya. Hukuman adil atas dosa manusia telah ditanggung oleh Kristus dan diselesaikan, sehingga halangan tiada lagi bagi manusia untuk kembali kepada Tuhan. Keadilan tidak lagi mengharuskan Tuhan untuk meletakkan hukuman dosa dunia atas mereka. Semua orang boleh datang kepada Tuhan melalui Kristus, didamaikan dengan-Nya, dan berdamai dengan Dia pada masa ini sampai selama-lamanya. Manusia sendiri tidak perlu membuat perdamaian dengan Tuhan. Kristus sudah melakukannya bagi dia. Apa yang manusia boleh lakukan adalah menerima perdamaian dan kedamaian yang telah dilakukan oleh Kristus. Oleh itu, dengan datang kepada Tuhan, dia mendapati dirinya diterima seolah-olah dia Kristus sendiri, atau, untuk mengatakannya seperti kata Alkitab, dia dianggap sebagai sungguh-sungguh berdamai dengan Tuhan seperti Kristus (*“Dengan demikian kita berbaik semula dengan Allah, apabila kita bersatu dengan Kristus”*).

Adakah ini bererti bahawa semua orang di mana-mana sudah diselamatkan, atau akan akhirnya diselamatkan, sama ada mereka terus-menerus tidak mempedulikan Tuhan dan menjalani hidup yang berdosa, atau tidak, meskipun mereka masih ateis atau tidak? Tidak, tentu sekali tidak. Kristus memang pun sudah mengadakan perdamaian dan kedamaian dengan Tuhan bagi seluruh umat manusia. Tetapi persoalannya masih ada, iaitu sama ada kita di pihak kita sendiri rela menerima kedamaian itu atau tidak. Kadang-kadang berlaku dalam sejarah apabila para pemimpin dua bangsa yang bermusuhan telah membuat seruan untuk berdamai dan telah menandatangani perjanjian, namun ada juga kumpulan pemisah dalam salah satu bangsa tersebut yang tidak mahu menerima kedamaian tersebut. Kumpulan itu tetap menganggap bangsa lain itu sebagai musuh, dan orang daripada bangsanya sendiri yang telah menyambut perjanjian perdamaian itu digelar pengkhianat. Dengan itu, mereka terus sahaja berlawan.

Demikian juga yang berlaku terhadap kita dengan Allah. Orang yang menerima kedamaian yang diberikan oleh Kristus dikatakan, di dalam Perjanjian Baru, *“Oleh itu kita hidup dalam kedamaian dengan Allah melalui Yesus Kristus, Tuhan kita”* (Roma 5.1) dan dapat masuk ke dalam perdamaian yang tetap dengan Allah. Tetapi orang boleh menolak perdamaian itu dan meneruskan sikap acuh tak acuh dan kebencian mereka terhadap Pencipta. Jika makhluk ciptaan terus-menerus berbuat begitu, maka tentu sekali mereka menuju kehancuran.

Dua faedah lain dihasilkan oleh kedamaian yang dibawa oleh Kristus. Yang pertama adalah hakikat ini. Orang yang telah didamaikan secara peribadi dengan Allah melalui Kristus, mendapati bahawa perdamaian itu juga menghasilkan perdamaian antara mereka dan semua orang lain yang juga didamaikan dengan Tuhan melalui Kristus.

Ingatlah akan keadaan kamu dahulu. Kamu disebut 'orang yang tidak bersunat' ... Pada masa itu kamu tidak mengenal Kristus. Kamu orang asing, yang tidak termasuk umat pilihan Allah... Tetapi sekarang, kerana kamu hidup bersatu dengan Kristus Yesus, kamu yang dahulunya jauh daripada Allah, telah didekatkan kepada Allah oleh kematian Kristus. Hal itu demikian kerana Kristus sendiri telah membawa kedamaian untuk kita dengan menjadikan orang Yahudi dan orang bukan Yahudi satu umat. Dengan kematian-Nya di kayu salib Kristus telah merobohkan tembok permusuhan yang memisahkan mereka. Kristus memansuhkan semua perintah dan peraturan dalam Taurat, supaya daripada dua kaum itu, Dia boleh menjadikan mereka satu umat yang baru, yang hidup bersatu dengan Dia. Dengan cara itu Kristus mendatangkan kedamaian. Dengan kematian-Nya di kayu salib, Kristus telah melenyapkan permusuhan mereka. Dengan salib itu Dia mempersatukan dua kaum

itu dan memimpin mereka kembali kepada Allah. Demikianlah Kristus datang dan mengisytiharkan Berita Baik tentang kedamaian itu kepada semua orang: baik kepada orang bukan Yahudi yang dahulu jauh daripada Allah, mahupun kepada orang Yahudi yang dekat dengan Allah. Melalui Kristus, kita semua--orang Yahudi mahupun bukan Yahudi -- dapat datang ke hadirat Bapa dengan pertolongan Roh Allah yang satu. (Efesus 2.11-18).

Bahagian ayat ini menggambarkan bagaimana Kristus mengakhiri permusuhan yang berlarutan sekian lama di antara orang Yahudi dan orang bukan Yahudi. Tetapi hal yang sama juga berlaku kepada semua orang yang menghadapi tembok pemisah bangsa, nasionalisme, status sosial, dan agama, yang telah mengakibatkan perpecahan yang besar dalam umat manusia. Memang menyedihkan tetapi benar bahawa sering kali dalam sepanjang sejarah, manusia dan bangsa-bangsa yang telah mengaku sebagai Kristian telah menganiaya dan berperang dengan orang lain serta bangsa lain yang juga mengaku sebagai Kristian (sama seperti negara Marxist telah berperang melawan negara Marxist yang lain). Tetapi kelakuan seperti itu sangat meragukan kesungguhan perdamaian mereka sendiri dengan Tuhan. Kelakuan seperti itu lebih mengandaikan bahawa mereka tidak pernah berdamai dengan Tuhan. Tindakan sedemikian lebih menunjukkan bahawa pengakuan mereka sebagai Kristian hanya nama dan luaran sahaja; seperti yang dikatakan dalam Perjanjian Baru, mereka telah menerima "*Kami bekerja bersama-sama Allah. Oleh itu kami menggesa kamu supaya tidak mensia-siakan rahmat Allah yang sudah kamu terima*"(2 Korintus 6.1).

Faedah kedua yang amat besar adalah hakikat ini: satu hari kelak, Tuhan akan mendamaikan seluruh alam semesta yang penuh dengan makhluk yang bijak, dengan diri-Nya sendiri (lihat petikan dari Kolose 1.20). Sekali lagi, dengan amat menyedihkan, hal itu tidak bererti setiap makhluk di alam semesta, yang merangkumi Iblis sendiri, akan menjadi sahabat baik dengan Tuhan; kerana Tuhan tidak akan melenyapkan apa-apa kebebasan memilih yang ada dalam makhluk, walaupun dengan tujuan mengubah pemberontak menjadi orang salih. Tetapi keadaannya seperti ini: Tuhan tidak akan tunggu sampai selama-lamanya. Suatu hari nanti, Dia akan memulihkan serta membina semula bumi dan alam semesta. Hal ini bererti, Dia akan menahan secara paksa semua orang yang berkeras dalam pemberontakan terhadap-Nya. Salib Kristus akan mendiamkan setiap bantahan. Semua orang sebenarnya boleh diselamatkan oleh rahmat Tuhan yang amat mengagumkan, kerana Kristus sudah membayar apa yang dituntut. Orang yang binasa pun tidak dapat mengkritik Tuhan atas alasan moral. Alam semesta semuanya akan berpuas hati (Wahyu 5.11-14).

5

PEMBENARAN

Pembenaan Menurut Hukum

Dua istilah asas yang selanjutnya, yang digunakan oleh Perjanjian Baru untuk menggambarkan perkara yang ingin dilakukan Tuhan bagi kita adalah *membenarkan* dan *pembenaan*. Istilah ini adalah istilah undang-undang. Hal ini membuat beberapa orang tidak selesa. Mereka memberikan hujah bahawa jika Tuhan ada, Dia sepatutnya mengasihi kita sebagaimana seorang bapa mengasihi anak-anaknya dan bersedia menerima semula anak-anaknya yang memberontak. Contohnya, tindakan bapa dalam perumpamaan terkenal yang diceritakan Yesus mengenai Perumpamaan Anak yang Sesat (Lukas 15). Bapa itu tidak bertindak sebagai hakim yang mengheret anaknya yang bertaubat ke mahkamah pengadilan; demikian juga, kata beberapa orang penghujah, tindakan Tuhan sendiri.

Bagaimanapun, pemikiran seperti itu cetek. Dalam perumpamaan itu pun, walaupun bapa itu mengampuni anaknya yang hilang, dan mengakuinya sebagai anak, dia tidak mengambil bahagian warisan anak yang lebih tua dan memberikan setengahnya kepada anak yang baru kembali untuk menggantikan warisan yang sudah dihabiskannya! Tindakan seumpama itu tentu sekali tidak adil; dan pengampunan Tuhan tidak akan pernah menghapuskan keadilan terhadap diri-Nya ataupun orang lain.

Sekiranya anak perempuan anda bekerja di bank. Pada satu hari, pencuri masuk ke dalam bank, menembaknya, lalu mengambil sejumlah besar wang. Apakah pendapat anda terhadap hakim sekiranya dia berkata, semasa penjenayah dihadapkan di mahkamah: “Walaupun orang ini seorang penjenayah, dia anak saya dan saya mengasihinya. Dia memohon ampun. Oleh itu, saya akan mengampuninya tanpa mengenakan apa-apa hukuman”? Tidakkah anda membantah kerana pengampunan seperti itu sama sekali tidak adil bagi anda dan bagi anak perempuan anda, dan bahawa tindakan itu meniadakan seluruh asas masyarakat yang adil dan bertamadun? Apa yang diajarkan oleh Perumpamaan Anak yang Hilang memang benar: Allah bersedia mengampuni anak-anak-Nya. Tetapi hakikat ini hanya sebahagian kebenarannya. Sebahagiannya lagi adalah pengampunan Tuhan itu haruslah, dan mestilah dilihat, sehaluan dengan keadilan secara umum.

Sekarang kita mendapati bahawa kata kerja ‘membenarkan’ mempunyai dua pengertian asas:

1. Mengisytiharkan bahawa seseorang itu benar.
2. Menyatakan bahawa seseorang atau sesuatu itu benar.

Pernyataan ini bukan bermaksud ‘membuat seseorang itu benar’. Lukas 7.29 berkata bahawa “*Orang ramai termasuk para pemungut cukai mendengar Yesus mengatakan hal itu. Merekalah yang mentaati perintah Allah dan mahu dibaptis oleh Yohanes.*” Ini

bukan bererti orang membuat Tuhan itu adil. Tuhan tidak pernah kurang adil; tiada sesiapaupun yang harus membuat Dia adil. Ia bermaksud, “*orang mengisytiharkan bahawa Tuhan itu adil.*”

Marilah bermula dari permulaan. Berikut adalah contoh penggunaan perkataan ini dalam mahkamah pengadilan pada zaman Alkitab.

Andai kata dua orang Israel pergi ke mahkamah untuk menyelesaikan pertikaian, lalu seorang didapati tidak bersalah dan seorang lagi didapati bersalah (Ulangan 25.1).

Erti frasa ‘seorang didapati tidak bersalah dan seorang lagi didapati bersalah’ itu jelas. ‘didapati bersalah’ tidak bererti ‘membuat dia bersalah’ melainkan ‘mengisytiharkan dia bersalah,’ atau, ‘sabit kesalahan’. Sama juga dengan ‘didapati tidak bersalah’ bermaksud orang yang akhirnya terbukti berkelakuan benar hendaklah diisytiharkan sebagai tidak bersalah.

Malangnya, kadang-kadang berlaku juga dalam mahkamah manusia bahawa orang yang berbuat salah memberi rasuah kepada hakim dan juri sehingga mereka memberikan keputusan yang tidak benar. Alkitab dengan lantang mencela penyelewengan keadilan seperti itu:

TUHAN membenci perbuatan melepaskan orang jahat dan perbuatan menyalahkan orang yang tidak bersalah (Amsal 17.15).

Sambil mengingati hal itu, bacalah perumpamaan berikut sebagaimana yang diceritakan oleh Yesus. Ia mengandungi beberapa hal yang mengejutkan:

Yesus juga menceritakan perumpamaan ini kepada orang yang menghina orang lain, tetapi menganggap diri mereka baik. Yesus berkata, “Dua orang pergi ke Rumah Tuhan untuk berdoa. Yang seorang orang Farisi dan yang seorang lagi pemungut cukai. Orang Farisi itu berdiri sendirian dan berdoa, ‘Aku bersyukur kepada-Mu, ya Allah, kerana aku tidak seperti orang lain yang tamak, suka menipu atau berzina. Aku bersyukur kerana aku tidak seperti pemungut cukai ini. Aku berpuasa dua kali seminggu dan aku mempersembahkan sepersepuluh daripada segala pendapatanku.’ Tetapi pemungut cukai itu berdiri agak jauh dan tidak berani menengadah ke langit. Dia menebah dada sambil berkata, ‘Ya Allah, kasihanilah hamba, orang berdosa ini!’” Yesus berkata kepada mereka, “Percayalah, apabila mereka pulang ke rumah, pemungut cukailah yang diterima oleh Allah dan bukan orang Farisi itu. Setiap orang yang meninggikan diri akan direndahkan dan setiap orang yang merendahkan diri akan ditinggikan” (Lukas 18.9-14).

1. Perkara pertama yang harus diperhatikan di sini adalah Yesus menggunakan istilah ‘dibenarkan’: “*pemungut cukailah yang diterima oleh Allah.*” Hal ini menarik. Orang Farisi dan pemungut cukai itu tidak pergi ke mahkamah undang-undang di dunia untuk menghadap hakim di dunia. Mereka telah pergi ke Rumah Tuhan untuk berdoa. Tetapi sementara mereka berdiri di hadapan Tuhan dan memeriksa hidup mereka, Tuhan bertindak sebagai hakim mereka dan memberikan keputusan mengenai mereka.

2. Perkara kedua yang harus diperhatikan adalah, menurut Kristus, salah seorang daripada dua orang itu pulang dan dibenarkan; maksudnya, Tuhan sebagai Hakim mengisytiharkan orang ini sebagai tidak bersalah di mahkamah Tuhan.

3. Perkara ketiga yang harus diperhatikan adalah sementara satu orang itu dibenarkan oleh Tuhan, orang yang satu lagi tidak. Hal ini sangat mengejutkan!

Pemungut cukai itu sendiri mengaku dirinya sebagai orang berdosa; kebanyakan orang pada zamannya tentu sekali menganggap perbuatan memungut cukai bagi penjaja, orang Roma, dengan segala penipuan yang terlibat, sebagai salah satu bentuk dosa yang amat dahsyat. Bagaimanapun, dialah yang dibenarkan oleh Tuhan! Sebaliknya, orang Farisi, cuba menjalani hidup dengan sebaik mungkin, secara agama, komersil, dan masyarakat: dia tidak berat sebelah, tidak mengugut, tidak berzina; dia berpuasa dua kali seminggu, memberi persepuluh daripada pendapatannya dan mempersembahkannya kepada Tuhan untuk digunakan bagi keperluan orang lain. Bagaimanapun, Tuhan tidak membenarkan dia.

Pada pandang pertama, hal ini bukan saja mengejutkan: ia menghairankan.

Alkitab sendiri, seperti yang kita sudah lihat, menghalang hakim di dunia untuk membenarkan orang yang bersalah dan menghukum orang yang benar. Bagaimana pula, apabila dua orang itu datang di mahkamah Tuhan, bolehkah Tuhan membenarkan pemungut cukai itu, yang merupakan 'orang jahat,' dan tidak membenarkan orang Farisi, yang merupakan 'orang baik'? Sebahagian daripada jawapannya terdapat dalam prinsip-prinsip berikut.

1. **Standard hukum Tuhan adalah mutlak.** Standard Tuhan berbeza daripada standard kita. Jika seorang budak lelaki mengambil peperiksaan di sekolah dan mendapat markah 70 daripada 100, mungkin dia akan lulus dalam peperiksaan, walaupun dia kurang 30 markah daripada 100. Tetapi hukum Tuhan itu tidak seperti itu. Ia menuntut 100 peratus kesempurnaan setiap masa. Tiada seorang pun di kalangan kita yang mencapai standard tersebut. Mungkin ada sebilangan kita yang lebih baik daripada orang lain. Bagaimanapun, Tuhan itu setia: Dia tidak boleh berpura-pura bahawa kita lebih baik daripada yang sebenarnya. Keputusan-Nya adalah "*Semua orang sudah berdosa dan jauh daripada Allah yang menyelamatkan mereka* (iaitu, standard Tuhan yang sempurna)" (Roma 3.23).

2. **Hukum Tuhan itu menyeluruh.** Jika satu hukum dilanggar, maka anda bersalah melanggar seluruh hukum; itulah yang dikatakan Alkitab (Yakobus 2.10). Mungkin pada mulanya hal itu kedengarannya tidak adil, tetapi hukum Tuhan bukanlah satu kumpulan perintah yang tidak saling berkaitan, yang sekiranya anda melanggar satu, yang lain itu masih tidak dilanggar. Hukum Tuhan adalah satu kesatuan. Matlamat dan tuntutananya adalah kesempurnaan. Sekiranya satu hukum dilanggar, dan semua yang lain dipatuhi, hasilnya masih tidak sempurna. Jika ada satu mata rantai yang terputus dalam rantai sauh, kapal itu akan tersasar. Jika ada satu kesilapan dalam penjumlahan satu senarai angka, jumlahnya pasti salah. Bahkan orang yang terbaik di kalangan kita pun sudah melanggar lebih daripada satu hukum Tuhan.

3. **Oleh itu, hukum Tuhan mempersalahkan kita semua.** Sama ada kita sudah cuba berbuat baik, seperti orang Farisi, atau telah berlaku jahat seperti orang pemungut cukai, kita semua sudah melanggar hukum Tuhan. Alkitab berkata: "*Sekarang kita tahu bahawa semua yang tertulis di dalam Taurat adalah bagi mereka yang hidup di bawah Taurat. Dengan demikian tidak seorang pun dapat beralih, dan semua orang di dunia akan diadili oleh Allah*" (Roma 3.19).

JAWAPAN KEPADA SEBAHAGIAN MASALAH KITA

Sekarang kita boleh melihat jawapan kepada setengah masalah tersebut, sekurang-kurangnya, masalah kita. Mengapa orang Farisi itu tidak dibenarkan? Kerana apabila dia datang kepada Tuhan, dia menyebut semua perbuatan baik yang dilakukannya, semua usahanya secara jujur untuk mematuhi hukum Allah; dan dia mengharapkan agar atas dasar ini Allah akan membenarkan dia. Tetapi hal itu mustahil. Walaupun usahanya itu

baik, dia masih gagal, kerana dia telah melanggar hukum Allah. Justeru itu, dia layak menanggung hukumannya. Tuhan tidak boleh berpura-pura bahawa hal itu tidak demikian. Firman-Nya berbunyi, *“Jika seseorang melakukan apa yang diwajibkan oleh Taurat, hal itu tidak bererti dia berbaik semula dengan Allah. Sebaliknya Taurat hanya menunjukkan manusia bahawa mereka berdosa”* (Roma 3.20).

“Jika demikian,” kata seseorang, “hal itu bererti Tuhan tidak dapat mengisytiharkan sesiapaupun sebagai benar; Dia tidak boleh membenarkan sesiapaupun yang datang ke mahkamah-Nya. Tetapi bagaimana pula dengan pemungut cukai tersebut? Tentu sekali dia telah melanggar hukum Tuhan lebih daripada orang Farisi itu. Mengapa pula Kristus berkata bahawa pemungut cukai itu pulang dari Rumah Tuhan dan dibenarkan?”

JAWAPAN KEPADA SEBAHAGIAN LAGI MASALAH KITA

Secara teori ada dua cara kita dapat dibenarkan oleh Allah. Satu cara adalah dengan mematuhi hukum-Nya dengan sempurna: Dengan itu Allah dapat mengisytiharkan kita sebagai “mempunyai hubungan yang baik dengan Allah.” Tetapi sebenarnya, cara itu mustahil bagi kita, sebagaimana yang kita lihat. Kita semua sudah melanggar hukum-Nya.

Cara yang lain untuk dibenarkan adalah dengan membayar hukuman kerana melanggar hukum Allah. Tetapi jika kita harus berbuat demikian, maka ia bererti perpisahan yang kekal dengan Allah. Itulah yang menjadi kerumitan bagi kita semua.

Penyelesaian Tuhan adalah Anak-Nya sendiri sebagai Wakil manusia telah membayar hukuman itu bagi kita dengan menanggung hukuman Allah terhadap dosa dan mati di kayu salib. Oleh yang demikian, jika kita menaruh iman pada Yesus, Allah dapat menerima kematian-Nya sebagai kematian kita; hukuman kita yang telah dibayar oleh Yesus, membolehkan Allah untuk membenarkan kita, iaitu mengisytiharkan kita sebagai benar di hadapan takhta penghakiman-Nya.

Demikianlah caranya Alkitab menerangkannya:

“Semua orang sudah berdosa dan jauh daripada Allah yang menyelamatkan mereka. Tetapi oleh rahmat Allah yang dikurniakan dengan percuma, hubungan manusia dengan Allah menjadi baik semula, melalui Yesus Kristus yang membebaskan mereka. Allah mempersembahkan Yesus Kristus sebagai korban supaya dengan kematian Yesus, dosa orang diampunkan apabila mereka percaya kepada-Nya. Allah berbuat demikian untuk menunjukkan keadilan-Nya. Pada masa lampau, Allah bersabar terhadap dosa manusia, sehingga tidak menghukum orang. Tetapi sekarang Dia bertindak terhadap dosa untuk menyatakan keadilan-Nya. Dengan cara itu Allah menunjukkan bahawa Dia adil, dan bahawa Dia menyatakan semua orang yang percaya kepada Yesus sebagai orang yang sudah berbaik semula dengan Allah” (Roma 3.23-26).

Adakah ini bererti bahawa semua orang, lelaki dan perempuan, dibenarkan secara automatik? Tidak. Menurut perumpamaan itu, sekali lagi orang Farisi itu tidak dibenarkan. Pemungut cukai itu pula dibenarkan, kerana semasa dia berdiri di hadapan Allah, dia memukul dadanya dan mengakui dosanya, menghukum dirinya sendiri, dan mengakui bahawa dia layak menderita hukuman kerana sudah melanggar perintah Allah. Kemudian, dalam iman, dia menyerahkan diri kepada belas kasihan Allah dan berkata, “Kasihnilah aku Tuhan, aku orang berdosa.” Pada masa itu juga Tuhan membenarkan dia, maksudnya, mengisytiharkan dia sebagai sudah berbaik semula dengan Allah, bebas daripada hukuman dosa, dan dibenarkan untuk selama-lamanya.

Lagipun, Alkitab memberitahu kita bahawa “*Semua orang mesti mati satu kali, dan setelah itu dihakimi oleh Allah*” (Ibrani 9.27-28). Ini bererti, Tuhan tidak memanggil kita ke hadapan Takhta Pengadilan-Nya setiap hari dalam hidup kita. Hanya ada satu Hari Pengadilan; dan hari itu datang selepas kita meninggal. Pada hari pengadilan itu, seluruh kehidupan akan diadili, dan keputusan Allah diberikan.

Perkara yang sangat baik adalah kita tidak perlu menunggu sehingga Hari Pengadilan sebelum kita tahu apa keputusannya (lihat juga Yohanes 5.24). Allah memberitahu orang yang menaruh iman dalam Kristus bahawa kematian Kristus di atas kayu salib itu cukup untuk seluruh hidup mereka sehingga Hari Pengadilan yang satu kali berlaku. Oleh itu, mereka tidak perlu takut dengan apa pun. Sekali dibenarkan melalui iman dalam Kristus, mereka tetap dibenarkan sampai selama-lamanya; dan selepas dibenarkan oleh iman, mereka mempunyai perdamaian yang kekal dengan Allah (Roma 5.1).

Untuk menyimpulkannya setakat ini: jika kita bertanya, “Apakah syaratnya kita dibenarkan di hadapan Allah?” Jawapan yang diberi oleh Perjanjian Baru adalah: “*Kesimpulannya begini: seseorang berbaik semula dengan Allah, kerana dia percaya kepada Yesus Kristus, dan bukan kerana dia melakukan apa yang diwajibkan oleh Taurat*” (Roma 3.28). “Mengapa pula,” kata seseorang, “Perjanjian Baru berkata di tempat lain: “*Jelaslah sekarang bahawa Allah berkenan kepada seseorang kerana perbuatan orang itu, dan bukan hanya kerana imannya*” (Yakobus 2.24).

ERTI PEMBENARAN OLEH PERBUATAN

Bukan, itu bukan percanggahan. Yakobus menggunakan istilah ‘pembenaan’ dalam pengertiannya yang lain: tidak mengisytiharkan seseorang sebagai benar, tetapi membuktikan, atau menunjukkan bahawa seseorang itu benar. Memang benar bahawa seseorang itu diisytiharkan berbaik semula dengan Allah atas alasan imannya dan bukan perbuatannya. Tetapi satu-satunya jalan seseorang dapat menyatakan kepada keluarga dan teman-temannya bahawa dia mempunyai iman seperti ini adalah dengan kelakuannya, iaitu dengan perbuatannya.

Andaikan seseorang memberitahu kawan-kawannya: “Minggu lalu saya menerima sepucuk surat yang memberitahu saya bahawa seorang saudara saya yang kaya telah meninggal dan mewariskan saya sejumlah wang yang besar jumlahnya. Saya hanya perlu pergi ke bank dan menuntut hadiah itu. Saya mempercayai surat itu, menuntut hadiah tersebut, dan sekarang saya amat kaya.”

Tidakkah kawan-kawannya mempunyai hak untuk menjawab: “Awak kata awak kaya dengan hanya mempercayai surat itu. Tetapi tolonglah tunjukkan kepada kami dengan gaya hidup awak yang berubah bahawa iman dan hadiah awak itu sungguh-sungguh benar, bukan hanya cerita yang awak reka-reka. Tunjukkan kebenaran cerita awak dengan perbuatan.” Oleh itu, orang yang telah dibenarkan oleh Allah melalui iman dan bukan dengan perbuatan mesti menunjukkan iman mereka itu sungguh-sungguh benar, dahulu dan sekarang. Hanya ada satu jalan untuk awak menunjukkan bahawa iman awak itu benar, iaitu seperti kata Yakobus, dengan perbuatan anda.

6

WANG TEBUSAN & PENEBUSAN

Harga Kebebasan

Dalam bab ini, kita memeriksa dua lagi istilah penting dalam Perjanjian Baru. Istilah itu adalah *wang tebusan* dan *penebusan*.

Dalam ertinya secara harfiah, kedua-dua perkataan ini sering digunakan dalam dunia purba, seperti pada zaman kita. Orang diculik dan ditahan untuk mendapatkan wang tebusan. Kemudian, keluarga dan kawan-kawan mereka terpaksa membayar wang banyak untuk membebaskan mereka. Pegganas moden merampas pesawat dan mengancam untuk membunuh penumpang satu persatu, atau meletupkan kapal itu, kecuali tuntutan mereka ditunaikan. Mereka mungkin tidak minta wang; tuntutan mereka mungkin pembebasan bagi rakan peganas mereka yang dahulunya ditangkap dan dipenjarakan oleh pihak pemerintah. Dalam kes ini, kita masih menggunakan perkataan seperti 'harga,' dan 'bayaran,' dan 'wang tebusan,' tetapi sekarang secara metafora; dan kita berkata bahawa pembebasan peganas adalah harga yang harus dibayar oleh pemerintah untuk menebus penumpang-penumpang pesawat daripada dibunuh, kecuali mereka mengambil risiko untuk memecah masuk ke dalam pesawat.

Penting juga melihat di sini bahawa anda hanya menggunakan perkataan 'menebus' jika anda memberikan bayaran untuk seseorang keluar dari penjara atau perhambaan, atau keluar daripada ancaman kematian, dan dibebaskan. Anda tidak menggunakan perkataan 'wang tebusan' atau 'menebus' untuk menggambarkan kegiatan orang peniaga yang jahat. Misalnya, di beberapa negara, mereka sanggup membayar wang banyak untuk membeli budak-budak perempuan dari ibu bapa mereka yang miskin dan memperalat budak-budak itu menjadi pelacur anak-anak. Mereka membeli budak-budak perempuan itu, bukan untuk membebaskan mereka daripada perhambaan, tetapi memperhamba mereka.

Dalam beberapa keadaan tertentu, orang boleh menebus sesuatu yang menjadi milik mereka. Seorang lelaki yang memerlukan wang dengan segera, mungkin mengambil keputusan untuk menggadaikan jam tangannya. Pemilik kedai pajak gadai itu akan mengambil jam tangan tersebut dan memberi lelaki itu sejumlah wang tunai. Bagaimanapun, jam tangan itu tidak menjadi milik pekedai itu dengan serta-merta. Untuk suatu jangka masa, jam tangan itu masih kepunyaan orang yang memilikinya dahulu. Tetapi jika dia mahu mendapat semula harta miliknya itu, dia mesti menebusnya dalam jangka masa yang ditetapkan, iaitu membelinya semula; dan harga yang perlu dibayarnya tentu sekali jauh lebih tinggi daripada nilai yang mula-mula diterimanya daripada pemilik kedai pajak gadai.

Dalam bahasa sehari-hari, perkataan 'wang tebusan' dan 'penebusan' membawa banyak gabungan erti yang sedikit berbeza, ada yang harfiah, ada yang berupa metafora. Demikian juga dalam Perjanjian Baru, meskipun di sini, dalam konteks teologi, istilah-istilah sering kali digunakan dalam bentuk metafora. Pembayaran wang sama sekali tidak

terlibat. *“Kamu mengetahui apa yang telah dibayarkan untuk membebaskan kamu daripada kehidupan sia-sia yang kamu warisi daripada nenek moyang kamu. Bayarannya bukanlah sesuatu yang dapat dimusnahkan seperti perak atau emas”* kata Rasul Paulus dalam 1 Petrus 1.18. Tetapi di seluruh Perjanjian Baru, penggunaannya adalah mengikot tema berikut:

1. Membeli, atau membeli semula, orang dari hutang, atau perhambaan, atau penjara atau ancaman hukuman, atau maut.
2. Allah atau Kristus sentiasa menjadi pembayar, atau penebus. Tiada seorang pun yang dikatakan sebagai menebus dirinya sendiri atau sesamanya.
3. Pembayaran harga, atau wang tebusan. Di sini pun, hanya Allah atau Kristus yang dikatakan menjadi pembayar harganya atau yang menanggung harga penebusan itu. Orang tidak pernah diminta, atau diizinkan, untuk menyumbang apa-apa kepada harga yang harus dibayar untuk penebusan mereka. Hal ini amat bertentangan dengan banyak agama apabila orang diharuskan untuk mendapatkan penyelamatan dengan harga usaha mereka sendiri atau kesengsaraan, atau bahkan dengan pembayaran wang. Apabila imam dan peniaga di Rumah Tuhan di Yerusalem memberikan tanggapan kepada orang bahawa mereka dapat dan harus membayar bagi penyelamatan, Kristus mengusir mereka semua (Yohanes 2.13-16).
4. Tujuan penebusan adalah sentiasa membawa orang kepada pembebasan dan untuk mengayakan mereka dengan warisan yang kekal.

DIBEBASKAN DARIPADA APA?

1. Kebebasan daripada perasaan bersalah terhadap dosa lampau. Seseorang tidak dapat membatalkan masa lampau. Tuhan sendiri tidak boleh mengubah sejarah. Apa yang telah dilakukan, sudah dilakukan. Apa yang ditawarkan oleh Allah kepada kita melalui Kristus adalah pelepasan daripada perasaan bersalah terhadap dosa-dosa lampau. Ramai orang dihantui oleh masa lampau. Meskipun mereka berusaha untuk melupakan perkara yang telah berlaku, dan untuk bermula lagi, mereka tidak dapat mengebaskan perasaan bersalah akibat perbuatan salah mereka yang lalu.

Orang lain pula, yang hati nuraninya kurang berfungsi, mendapati bahawa dengan mudah mereka dapat mengetepikan masa lampau mereka, seperti orang yang berzina dalam Kitab Amsal (30.20) yang *“Inilah yang dilakukan oleh isteri yang tidak setia: dia berzina, lalu mandi. Setelah itu dia berkata, “Aku tidak berbuat apa-apa yang salah!”* Tetapi sikap tidak bertanggungjawab seperti itu tidak mematahkan belunggu perasaan bersalah yang sungguh-sungguh (di sini kita tidak membincangkan hal kerumitan-perasaan-bersalah secara psikologi). Beberapa tahun yang lalu, perompak di Great Britain menyerang sebuah kereta api, mencederakan pemandu sehingga cacat seumur hidup, lalu lari ke Amerika Selatan dengan berjuta-juta wang paun. Di sana mereka memberi rasuah kepada penguasa agar tidak menyerahkan mereka kepada pihak yang mahu menangkap mereka. Mungkin pada masa ini perompak-perompak tersebut tidak lagi berasa bersalah terhadap jenayah yang dilakukan mereka. Tetapi hal itu tidak mengubah keadaan pada hakikatnya bahawa sekiranya mereka menginjak kaki di Britain, dengan serta-merta mereka akan didakwa dan dipenjarakan. Satu hari kelak, setiap orang lelaki dan perempuan akan mendapati dirinya di dalam mahkamah Allah. Tempoh beberapa tahun, atau dengan mudah, ingatan yang pendek, tidak akan melenyapkan masa lampau. Kecuali mereka telah mengizinkan Kristus untuk menyingkirkan perasaan bersalah yang membelunggu mereka kepada masa lampau, maka belunggu itu tetap di sana sampai kekekalan.

Penebusan menyatakan bahawa Allah dapat mematahkan belunggu itu bagi kita, dalam hidup sekarang sekiranya kita bertaubat. Tindakan mematahkan belunggu itu disebut pengampunan. Dalam bahasa Yunani, iaitu bahasa asli Perjanjian Baru, perkataan yang paling sering digunakan untuk pengampunan adalah (*aphesis*) yang bererti 'pelepasan' atau 'pengeluaran'. Ia merupakan kata yang digunakan ketika membebaskan seseorang dari penjara, atau mengeluarkan seorang pemiutang, atau memerdekakan hamba abdi. Dan harga bagi pembebasan ini telah dibayar oleh Kristus: "kita mempunyai penebusan" kata dalam Perjanjian Baru, "*Hal itu demikian, kerana dengan kematian Kristus kita dibebaskan; maknanya Allah sudah mengampunkan dosa kita. Alangkah mulianya rahmat Allah*" Efesus 1.7). Oleh itu, belunggu dipatahkan dan tidak pernah diganti lagi. Penebusan yang telah dilunaskan oleh Kristus adalah penebusan yang kekal (Ibrani 9.11-12).

2. Pembebasan daripada kutuk yang diisytiharkan oleh hukum Allah. "*Tetapi Kristus telah membebaskan kita daripada kutukan yang didatangkan oleh Taurat. Dia melakukan hal ini dengan membiarkan diri-Nya terkutuk kerana kita*" (Galatia 3.13).

Kutuk yang diisytiharkan oleh hukum moral Allah bukan kata-kata kosong belaka. Ia adalah pengumuman hukuman yang akhirnya mengikuti setiap pelanggaran hukum itu. Beberapa orang mungkin cenderung memberikan hujah bahawa, disebabkan mereka tidak percaya kepada Allah, mereka tidak mengenal haknya untuk mengeluarkan perintah dan larangan atau mengenakan hukuman. Tetapi hujah itu tidak betul. Hukum moral Pencipta itu ditulis pada hati setiap orang (Roma 1.14-16). Setiap kali kita menuduh seseorang kerana telah melakukan sesuatu yang salah secara moral, setiap kali kita membela diri kerana kesalahan moral, setiap kali kita memberitahu diri kita sendiri untuk berkelakuan lebih baik, dan berjanji untuk berbuat begitu pada kesempatan lain, kita kemungkinan tanpa sengaja, menyaksikan fakta bahawa hukum moral itu tertulis di dalam hati kita dan bahawa kita takluk kepada kewibawaannya dan kesungguhannya. Ia seperti menggunakan metafora Perjanjian Baru, hukum moral Allah telah diletakkan di hadapan kita dan tertulis pada satu dokumen, dan dengan tuduhan kita kepada orang lain, pembelaan bagi diri sendiri, dan tekad moral untuk berbuat lebih baik, maka kita sendiri sudah menulis nama kita di bawah dokumen tersebut, dengan menyetujui kewibawaannya, dan tuntutan serta hukumannya.

Orang yang tidak bertaubat akan mendapati "dokumen" ini dengan tandatangan mereka, dikeluarkan sebagai bukti yang menentang mereka pada Pengadilan Akhir. Tetapi bagi orang yang bertaubat, mereka akan diyakinkan oleh Allah sendiri bahawa Dia telah membatalkan ikatan rasmi yang ditandatangani oleh tangan kita sendiri yang menyatakan pengakuan akan kesalahan kita, "*tulisan tangan yang menentang kita;*" dan Dia telah memakukannya di atas salib Kristus. Oleh itu, sebelumnya Allah sudah mengiklankan di hadapan seluruh alam semesta, bahawa dengan mati di kayu salib, Kristus sudah menanggung kutuk hukum itu bagi pihak semua orang yang bertaubat dan percaya kepada-Nya, agar mereka dapat dibebaskan (Kolose 2.13-15).

HARGA PENEBUSAN

Harga tebusan yang dibayar bagi penebusan manusia tidak kurang daripada kematian Kristus. Sebenarnya, Dia sendiri mengumumkan bahawa inilah tujuan utama kedatangan-Nya ke dunia kita: "*Anak Manusia tidak datang untuk dilayani; Dia datang untuk melayani orang serta menyerahkan nyawa-Nya untuk membebaskan banyak orang*" (Markus 10.45). "*Kamu mengetahui apa yang telah dibayarkan untuk membebaskan kamu,*" kata 1 Petrus 1.18-19, "*korban yang sangat berharga, iaitu Kristus sendiri.*"

Untuk memahami betapa mahalnya harga tebusan itu, kita perlu ingat akan siapa Kristus itu:

“Melalui Anak-Nya, Allah membebaskan kita dan mengampunkan dosa kita. Kristus serupa dengan Allah, tetapi Kristus dapat dilihat, sedangkan Allah tidak. Kristus itu Anak sulung yang lebih utama daripada segala sesuatu yang diciptakan. Hal itu demikian kerana melalui Dialah Allah menciptakan segala sesuatu di syurga dan di atas bumi, segala sesuatu yang kelihatan dan yang tidak kelihatan, termasuk juga roh-roh yang berkuasa dan yang memerintah. Allah menciptakan semesta alam melalui Kristus dan untuk Kristus. Kristus sudah ada, sebelum segala sesuatu ada. Kerana Dia juga, segala sesuatu mempunyai tempat yang bersesuaian” (Kolose 1.14-17).

Dengan kata lain, Penebus itu ialah Pencipta sendiri, yang telah menjelma menjadi manusia. Yesus ialah Allah dan juga manusia. Itulah sebabnya Dia boleh bertindak sebagai pengantara di antara Allah dan manusia, dan menyerahkan diri-Nya menjadi tebusan bagi semua (1 Timotius 2.5-6). Bukannya seperti andaian beberapa orang, bahawa Yesus, yang mengasihi manusia, harus membayar tebusan ini kepada Allah yang tidak berbelas kasihan untuk melarang-Nya daripada mencurahkan kemurkaan-Nya atas umat manusia. Dia yang membayar tebusan itu ialah Allah. Kasih yang menggerakkan Kristus untuk menyerahkan hidup-Nya sebagai tebusan bagi manusia adalah ungkapan yang sempurna akan kasih Bapa bagi manusia; bagi Kristus, yang adalah Allah, yang dahulu dan sekarang menjadi gambaran dan pernyataan Allah yang tidak kelihatan. *“Inilah kasih,”* kata Perjanjian Baru (1 Yohanes 4.10) *“Bukannya kita telah mengasihi Allah, tetapi Allah mengasihi kita dan mengutus Anak-Nya supaya melalui Dia dosa kita diampunkan.”*

“Tetapi kalau begitu,” kata seseorang, “jika Yesus tidak membayar tebusan kepada Allah, kepada siapakah Dia membayarnya? Kerana Dia mesti telah membayarnya kepada seseorang.” Tetapi untuk memberikan hujah seperti itu bererti melupakan apa yang kita lihat lebih awal, iaitu istilah ‘tebusan’ dalam konteks ini dalam Perjanjian Baru digunakan sebagai metafora untuk mengungkapkan harganya kepada Allah dan kepada Kristus mengenai penebusan kita. Harga itu bukan bayaran-wang yang sebenar yang pihak ketiga boleh terima. Harganya adalah penderitaan dan kematian.

Sekiranya sebuah perahu penyelamat terlebih muatan dan dalam bahaya karam, dan dengan sukarela seorang melompat keluar ke dalam lautan yang sesejuk ais, dan tahu bahawa tindakan itu membawa maut baginya. Mungkin kita memberikan komen yang baik bahawa dia telah membayar suatu harga yang amat tinggi untuk menyelamatkan nyawa para penumpang yang masih tinggal. Tetapi tidak masuk akal untuk bertanya soalan ini: “Kepada siapakah dia membayar harga itu?”

Tetapi ada lagi soalan yang timbul. Alkitab mengajar kita bahawa kita semua adalah makhluk ciptaan Allah, dan oleh itu menjadi kepunyaan-Nya. Mengapa pula Allah harus membayar tebusan, atau apa pun, untuk membeli semula milik-Nya sendiri? Jika kita sudah membelenggu diri dengan kebiasaan yang berdosa, dan telah masuk ke dalam tangan Iblis, serta menjadi tawanan Iblis, mengapa pula Allah tidak hanya menggunakan kuasa-Nya yang besar untuk membinasakan Iblis, memutuskan belenggu kita, dan membawa semula semua umat manusia kepada diri-Nya, tanpa membayar apa-apa tebusan?

Jawapannya adalah soalan dosa bererti soalan moral; dan anda tidak boleh menyelesaikan soalan moral dengan paksaan. Ada beberapa perkara yang Allah Maha Kuasa pun tidak boleh lakukan. Secara logik, Dia tidak boleh melakukan perkara

mustahil yang tidak adil, seperti melukis bulatan yang mempunyai empat sudut tepat. Dia juga tidak boleh melakukan perkara yang tidak adil. Dia tidak boleh berdusta (Titus 1.2). Dia tidak boleh melanggar hukum moral-Nya sendiri. Hukum-Nya adalah ungkapan bagi kelakuan-Nya sendiri. Jika Dia menafikannya, maka ertinya Dia menyangkal diri-Nya sendiri, dan hal ini memang mustahil dilakukan-Nya (2 Timotius 2.13). Tidak bererti bahawa terpulung kepada-Nya untuk membebaskan kita daripada belenggu kesalahan kita dengan hanya satu tindakan sederhana daripada kuasa-Nya yang besar. Dia melakukannya kerana kasih bagi kita. Itulah sebabnya ada harga; itulah sebabnya ada penderitaan.

KEBEBASAN DARIPADA APA?

Sebelum ini kita telah perhatikan bahawa sekiranya anda membeli seseorang untuk menjadikan mereka hamba, harga yang anda bayar tidak disebut tebusan. Kristus telah membayar tebusan untuk membebaskan orang daripada kesalahan dosa dan memberi mereka kebebasan. Tetapi kebebasan untuk apa? Ternyata, bukan supaya mereka bebas melakukan dosa tanpa dihukum. Kerana dosa itu boleh membuat orang ketagih dan menjadikan orang yang terus-menerus berbuat dosa dan tanpa bertaubat itu, hamba (Roma 6.16-23). Di sinilah, satu kenyataan tentang apa yang ditebus oleh Kristus bagi para pengikut-Nya, iaitu mereka ditebus *daripada* apa, dan *untuk apa* dia menebus mereka.

“Hal itu demikian, kerana Allah sudah menunjukkan rahmat-Nya untuk menyelamatkan umat manusia. Rahmat-Nya mengajar kita supaya hidup salih dan tidak mengejar hal-hal keduniaan. Di dalam dunia ini kita harus hidup dengan mengawal diri, jujur, dan menghormati Allah. Sekarang kita sedang menantikan Hari yang kita harap-harapkan itu, apabila keagungan Allah Maha Besar dan Yesus Kristus Penyelamat kita akan kelihatan. Dia sudah mengorbankan nyawa untuk membebaskan kita daripada segala kejahatan, menyucikan kita, dan menjadikan kita milik-Nya sahaja, serta menjadikan kita rajin berbuat baik” (Titus 2.11-14).

Kita harus meletakkan di bab kemudian, soalan mengenai caranya Kristus memberi jaminan bahawa cara hidup yang baru ini akan menjadi hidup yang ada kebebasan, bukan perhambaan secara agama. Untuk masa ini, marilah memperhatikan bahawa Perjanjian Baru menjadikannya cukup jelas bahawa kita tidak diberikan hasil yang sepenuhnya daripada penebusan itu. Hal yang termasuk dalam keuntungannya penebusan yang dimenangkan Kristus bagi kita adalah *“penebusan tubuh jasmani kita.”* Tetapi untuk itu kita mesti menunggu hingga Kedatangan Kristus yang Kedua (Roma 8.18-25; Filipi 3.20-21).

Sebaliknya, bukannya di sini dan sekarang, Allah memberi semua orang yang bertaubat dan meletakkan iman ke dalam Kristus, pemberian Roh Kudus. Roh Kudus itu memberi semua orang percaya keyakinan mengenai kebolehpercayaan semua janji Allah, dan dalam dirinya janji dan kesungguhan bagi warisan penuh yang akan menjadi milik mereka suatu hari kelak, apabila Allah menebus semua yang telah dijanjikan-Nya, membawa kepada diri-Nya di syurga semua orang yang pernah dibeli-Nya dengan darah Anak-Nya (Efesus 1.13-14; Kisah 20.28).

7

HIDUP KEKAL*Di Sini dan Masa ini*

Salah satu pengakuan Kristus yang paling agung semasa Dia di bumi adalah Dia memiliki kuasa untuk memberikan hidup yang kekal kepada manusia, lelaki dan perempuan (Yohanes 17.1-3).

Pengakuan itu, seperti yang anda ketahui, sering kali diketawakan. Beberapa orang pengkritik mengandaikan Yesus menjanjikan para pengikut-Nya bahawa mereka tidak akan mati secara jasmani, dan atas dasar andaian itu, mereka menyimpulkan bahawa Yesus mesti seorang pelampau agama yang tertipu kerana Dia sendiri mati tidak lama selepas itu, dan begitu juga para pengikut-Nya sejak masa itu.

Tetapi kritikan itu didasarkan pada ketidaktahuan tentang apa yang dikatakan oleh Yesus. Pandangan sepintas lalu kepada Perjanjian Baru menunjukkan bahawa Yesus bukan sahaja memberikan amaran kepada para pengikut-Nya bahawa mereka akan disalib tidak lama lagi, tetapi memberitahu mereka bahawa selepas Dia pergi, mereka mesti bersedia menyerahkan nyawa kerana-Nya (Lukas 9.22; 12.4; Yohanes 16.1-3). Apa pun ertinya, dakwaan Yesus bahawa Dia boleh memberi para pengikut-Nya hidup yang kekal tidak bererti bahawa mereka tidak mati secara jasmani.

Kritik lain yang lebih parah adalah andaian bahawa 'hidup kekal' yang dijanjikan itu adalah sesuatu yang akan diterima oleh orang baik selepas mereka meninggalkan dunia ini: dengan kata lain, "mereka pergi ke syurga selepas mereka meninggal." Lalu pengkritik itu mengejek seluruh idea itu sebagai berbahaya dan menyerupai cerita dongeng. Orang yang kelaparan, kata mereka, mimpikan daging yang enak; demikian juga orang miskin dan yang tertindas, orang kecewa dan yang sakit, akan mereka-reka suatu syurga agar kesakitan hidup tidak berapa terasa dan untuk meringankan kesusahan mereka. Tetapi orang ateis, kata mereka, tidak memerlukan dadah seperti itu. Mereka mempunyai keberanian dan kepintaran untuk berusaha memperbaiki hidup mereka, dan akhirnya menghadapi hakikat maut tanpa memasukkan dadah ke dalam fikiran dengan harapan masuk ke suatu syurga yang direka-reka, di suatu masa depan yang jauh.

Memang benar Perjanjian Baru mengajar bahawa orang percaya "pergi ke syurga setelah mereka meninggal," meskipun ia memilih untuk mengungkapkannya dengan agak berbeza: "*meninggalkan dunia ini untuk pergi tinggal dengan Kristus,*" atau "*meninggalkan tubuh ini, supaya dapat tinggal bersama-sama Tuhan*" (Filipi 1.23; 2 Korintus 5.8). Tetapi tuduhan pengkritik bahawa harapan akan suatu syurga pada masa akan datang melemahkan, bahkan memusnahkan, usaha orang untuk memanfaatkan hidup mereka semasa di dunia, adalah palsu. Perjanjian Baru menerangkannya dengan jelas sekali bahawa hidup kekal bukan sesuatu yang kita peroleh selepas kematian dan waktu pergi ke syurga. Hidup kekal itu adalah yang kita dapat terima dan nikmati di sini dan sekarang di bumi – lama sebelum kita meninggal dan pergi ke syurga. Dengan kata lain, ia merupakan satu dimensi yang lain dalam hidup, yang lebih tinggi dan melangkaui segi

fizikal, emosi, ghairah, dan kepintaran semata-mata, yang memang secara semula jadi dinikmati oleh manusia. Ia merupakan hidup yang dirujuk oleh Kristus ketika Dia berkata, “*Manusia tidak dapat hidup dengan roti sahaja, tetapi juga dengan setiap kata yang difirmankan oleh Allah.*”

Bayangkan, jika anda dapat, akan suatu perkahwinan yang terdiri hanya dengan penyatuan jasmani dan tiada lagi yang lain; perkahwinan yang suami dan isteri tidak pernah berbual-bual, tidak pernah mengongsi fikiran yang terdalam, ataupun harapan mereka, kegembiraan mereka, ketakutan dan kesedihan mereka, minat terhadap muzik atau seni, dan tidak pernah mengenali satu sama lain. Perkahwinan seperti itu tiada bezanya dengan pengawanan binatang. Ia kekurangan dimensi manusia yang sebenar. Demikian juga, seorang manusia yang berpuas hati dengan hanya menikmati hidup pada tahap fizikal, emosi, ghairah, dan kepintaran, tetapi tidak tahu langsung mengenai persekutuan yang rohani dengan Allah; manusia akan kehilangan tahap yang tertinggi dalam hidup pada masa ini di tempat ini. Lagipun, dia juga dalam bahaya besar kehilangan hidup kekal di dunia yang akan datang. Perjanjian Baru amat jelas: “*Sesiapa yang percaya kepada Anak itu,*” katanya, “*beroleh hidup sejati dan kekal.*” Perhatikan kala masa bagi kata kerja: memilikinya di sini dan sekarang. Sebaliknya, ia menambahkan amaran ini: “*Tetapi sesiapa yang tidak taat kepada Anak itu tidak akan beroleh hidup itu. Dia akan dihukum oleh Allah selama-lamanya*” (Yohanes 3.36).

Kemudian, di sini, kita harus memahami satu lagi perbezaan: hidup kekal yang diterangkan oleh Perjanjian Baru bukan sama dengan kewujudan kekal. Semua manusia akan hidup terus selepas tubuh mereka mati; semua mempunyai kewujudan kekal. Tetapi ada yang akan wujud dalam keadaan rohani yang disebut oleh Alkitab sebagai, bukan ‘hidup kekal,’ tetapi ‘kematian tahap kedua’ (Wahyu 20.11-15; kita akan mempelajari tajuk ini di bahagian akhir buku ini).

Pada peringkat ini, ada sebahagian pengkritik yang mungkin akan membantah bahawa semua percakapan tentang hidup kekal yang akan dinikmati dalam hidup ini adalah dalam bentuk penipuan diri sendiri secara psikologi. Ia sekadar suatu keadaan yang tertakluk pada keadaan; ia tidak memberikan jawapan kepada suatu hakikat secara objektif. Tetapi hal yang sama boleh juga dikatakan mengenai penghargaan terhadap seni; dan ia juga merupakan tanggapan yang mengelirukan. Benar, ada orang yang melihat satu lukisan dan tidak nampak apa-apa yang lain kecuali cat pada kanvas; dan orang buta langsung tidak mempunyai konsep mengenai dunia seni. Tetapi keadaan itu tidak membuktikan bahawa dunia seni tidak wujud, atau kenikmatan seni itu penipuan diri secara psikologi. Ada juga orang buta secara fizikal yang tidak menginginkan penglihatan. Saya pernah mengenali seorang lelaki yang pernah mempunyai penglihatan yang kabur ketika masih anak, tetapi tidak lama kemudian, dia tidak dapat melihat sama sekali. Dia sering memberitahu saya bahawa dia tidak akan menginginkan penglihatan meskipun ia diberi kepadanya. Dia berpuas hati dengan keadaannya. Dia takut, jangan-jangan setelah mendapat penglihatan nanti, dia akan menjadi bingung dengan ribuan benda yang dilihatnya, dan hidup akan menjadi sangat rumit dan sukar. Dia memilih hidup sederhana tanpa penglihatan.

Demikian juga, ada ramai orang yang merasa bahawa hidup akan menjadi rumit, dan melibatkan mereka dalam perubahan besar yang terlalu banyak, jika mereka mengakui kewujudan Allah dan kemungkinannya menerima hidup yang kekal. Mereka memilih kesederhanaan ateisme. Oleh itu, mereka mendakwa bahawa ‘Allah’ dan hidup yang ‘kekal’ adalah bayangan semata-mata. Tetapi dakwaan mereka itu tidak membuktikan bahawa perkara itu benar; sebaliknya, ia menunjukkan bahawa mereka buta secara rohani.

Kalau begitu, apakah ertinya mempunyai hidup yang kekal?

1. Untuk mempunyai hidup yang kekal berarti mempunyai bahagian dalam hidup Allah. Dalam istilah Perjanjian Baru, sebelum orang mempunyai perhubungan peribadi dengan Allah dan mengenali-Nya, mereka mati. Bukan mati secara fizikal tetapi secara rohani.

Perumpamaan yang terkenal, Perumpamaan Anak yang Hilang, memberikan contoh yang baik tentang penggunaan perkataan ‘mati’ dalam pengertian ini. Bapa bercakap kepada anak yang lebih tua setelah anak yang bongsu kembali, “*Patutlah kita adakan perjamuan dan bersukacita, kerana adikmu sudah mati, tetapi sekarang hidup pula; dulu dia sesat, tetapi sekarang sudah ditemui semula*” (Lukas 15.32).

Anak yang sesat itu telah membelakangi bapanya, meninggalkan rumah, dan pergi ke negara yang jauh. Dia tiada kasih, atau rasa peduli, terhadap bapanya. Dia tidak pernah berkomunikasi dengannya; dia tiada keinginan untuk mengambil bahagian dengan keinginan atau hidup bapanya. Bagi bapanya, anak bongsu itu mati.

Anak yang sesat itu ‘hidup semula’ apabila dia bertaubat, pulang ke rumah dan berdamai dengan bapanya. Demikian juga, orang yang telah mengetepikan Tuhan dan dalam keadaan mati rohani, bertaubat apabila mereka dan dipulihkan semula hubungan dengan Tuhan, mereka mulai hidup secara rohani.

Tetapi bukan itu sahaja. Apabila orang bertaubat dan kembali kepada Allah, bukan sahaja mereka menemukan Allah, seperti seseorang yang menemukan dunia seni yang indah, yang dahulunya bagaikan mati baginya. Apabila orang bertaubat, kembali kepada Allah, dan menaruh iman kepada Kristus, Allah memulakan suatu hidup baru di dalam diri mereka, hidup yang tidak pernah ada di situ sebelumnya. Sekali lagi, dengan menggunakan istilah Perjanjian Baru, Allah ‘menghidupkan’ mereka. Dia memberi mereka hidup rohani-Nya sendiri, sebagaimana seorang bapa manusia memindahkan hidup jasmaninya sendiri kepada anaknya.

Tetapi Allah sangat berbelas kasihan dan Dia sangat mengasihi kita, sehingga sementara kita mati secara rohani kerana pelanggaran kita, Dia menghidupkan kita semula bersama-sama Kristus. (Kamu sudah diselamatkan oleh rahmat Allah.) (Efesus 2.4-5).

Suatu analogi. Sebiji mentol elektrik, yang terbungkus dalam pembungkusnya, belum lagi bersinar. Buka pembungkusnya, pasanginya pada soket kaki lampu, dan letakkannya di dalam bilik yang sudah sedia terang kerana diterangi oleh lampu elektrik yang besar, yang ada di tengah-tengah. Mentol itu kini dikelilingi oleh cahaya dari sumber cahaya dari tengah-tengah; tetapi mentol itu masih tidak bercahaya; mentol itu masih ‘mati’. Mentol itu akan tetap ‘mati’ sehingga ia disambungkan pada sumber elektrik yang sama dengan sumber lampu di tengah-tengah. Tetapi apabila hal itu berlaku, dan tenaga elektrik masuk ke dalam mentol – lihatlah bagaimana mentol itu menjadi ‘hidup’.

2. Hadiah hidup yang kekal mewujudkan perhubungan peribadi antara penerimanya dan Tuhan. Sebuah komputer yang moden sekali akan mengenali suara orang yang menggunakannya. Orang itu hanya perlu bercakap di hadapan komputer dan komputer itu akan mengeluarkan semua yang dikatakannya dalam bentuk bertulis pada kertas. Tetapi komputer itu tidak akan pernah mengenal orang tersebut sebagaimana anak atau isteri orang itu mengenal dia; komputer tersebut tidak akan pernah mengasihi orang itu seperti anak-anaknya mengasihi dia. Komputer tidak mempunyai hidup manusia. Tetapi apabila orang itu memberikan hidup kepada anak-anaknya, dan mengalirkan hidupnya sendiri kepada mereka, maka dengan hidup itu anak-anaknya menerima

kebolehan untuk mengenal dan mengasihi bapa mereka dan untuk menikmati perhubungan yang semakin dalam dengan dia. Demikian juga, apabila Tuhan mengalirkan hidup rohaninya kepada manusia, Dia menghidupkan serta membaharui mereka, dan hal itu membentuk suatu perhubungan antara Dia dan mereka, dan mereka mengenal serta mengasihi Dia. Itulah sebabnya Perjanjian Baru berkata bahawa *“Jika orang mengenal Engkau, satu-satunya Allah yang benar, dan mengenal Yesus Kristus yang sudah Engkau utus, maka mereka mendapat hidup sejati dan kekal”* (Yohanes 17.3), dan untuk mengongsi hidup Tuhan sendiri melalui Kristus (1 Yohanes 1.1-4).

3. Hidup yang kekal: hadiah sekarang, dan milik sampai selama-lamanya. Inilah yang menerangkan bagaimana hidup yang kekal itu bersifat kekal, sebagaimana istilahnya. Apabila Tuhan membentuk perhubungan rohani ini dengan seseorang dan membahagikan hidupnya sendiri dengan orang itu, maka perhubungan tersebut bersifat kekal, sesuai dengan takrifnya. Kematian fizikal tubuh, tidak mengakhirinya, dan tidak boleh membinasakannya. Sekali Tuhan membentuk perhubungan peribadi dengan seseorang melalui hadiah hidup yang kekal, Dia akan tetap setia kepada orang itu dan mempertahankan perhubungan itu sampai selamanya. *“Aku memberi mereka hidup sejati dan kekal, dan mereka tidak akan binasa,”* kata Kristus, dan *“Tidak seorang pun dapat merampas mereka dari tangan-Ku”* (Yohanes 10.28). *“Allah sangat mengasihi orang di dunia ini sehingga Dia memberikan Anak-Nya yang tunggal, supaya setiap orang yang percaya kepada Anak itu tidak binasa tetapi beroleh hidup sejati dan kekal”* (Yohanes 3.16).

Oleh itu, hidup yang kekal, tidak dipengaruhi oleh kematian tubuh. Dalam Perjanjian Baru, tubuh manusia, sebagaimana yang kita ketahui di bumi ini, disamakan dengan khemah, yang sesuai dengan pengembaraan kita yang sementara di bumi, tetapi keadaannya tidak begitu kuat, mudah roboh dan digulung. Sebaliknya, pada masa Kebangkitan setiap orang percaya akan menerima tubuh yang dimuliakan, yang dibentuk untuk menyatakan keperibadiannya yang sudah ditebus dan disempurnakan, dan yang digambarkan oleh Perjanjian Baru sebagai *“khemah ... Tempat tinggal itu dibuat oleh Allah sendiri, dan tahan selama-lamanya”* (2 Korintus 5.1).

Lagipun, bersama dengan hidup yang kekal, Tuhan juga memberikan semua perkara kekal yang lain kepada orang yang rela menyambut Kristus. Oleh itu, Perjanjian Baru menunjukkan bahawa penyelamatan itu kekal (Ibrani 5.9); penebusan dan hasilnya adalah kekal (Ibrani 9.12); warisan yang dijanjikan kepada orang yang percaya kepada Tuhan itu kekal (Ibrani 9.15); dan kemuliaan yang dihasilkan oleh pengalaman dan penderitaan hidup akan memberikan hasil bagi orang yang mengasihi Tuhan adalah juga kekal (2 Korintus 4.17). Hal yang amat mengagumkan mengenainya adalah hidup yang kekal itu pemberian yang percuma, yang diberikan kepada semua orang yang dengan pertaubatan dan iman yang sungguh, menyambut Yesus Kristus sebagai Penyelamat dan Tuhan: *“Kematian adalah upah dosa, tetapi hidup sejati dan kekal bersama-sama Kristus Yesus Tuhan kita adalah anugerah Allah”* (Roma 6.23).

POTENSI HIDUP YANG KEKAL

Hidup yang kekal, seperti hidup fizikal, bukan sesuatu yang statik. Seorang bayi, sebaik sahaja dilahirkan, mempunyai hidup; tetapi dalam minggu, bulan, dan tahun yang akan datang, dia sudah belajar mengembangkan potensinya. Begitu juga dengan hidup yang kekal: ia penuh dengan potensi, dan oleh itu sentiasa penuh pengharapan bagi masa depan. Orang yang sudah menerima hidup yang kekal digesa di dalam Perjanjian Baru untuk *“berpegang kuat”* pada hidup yang kekal kerana Tuhan sudah memanggil mereka

kepada tujuan itu, sebagaimana seorang pemuda yang berpotensi menjadi atlit taraf dunia mungkin digesa supaya tidak mengetepikan bakatnya, melainkan memanfaatkannya dengan sepenuh-penuhnya (1 Timotius 4.7-8; 6.11-12). Pahala yang besar bagi mengembangkan potensi hidup yang kekal adalah kemampuan yang semakin meningkat untuk menikmati hidup itu. *“Jika seorang menanam menurut tabiat manusianya, dia akan menuai kematian. Tetapi jika dia menanam menurut pimpinan Roh Allah, dia akan menuai hidup sejati dan kekal daripada Roh Allah”* (Galatia 6.8). Semakin sering seorang atlit berlari, semakin kuatlah hatinya, jantungnya, ototnya, dan pernafasannya; dan semakin dia mengembangkannya, semakin dia menikmati lariannya.

Tentu sekali, larian yang serius akan menuntut daripada atlit itu disiplin, penyangkalan diri, tumpuan yang satu sahaja, dan kerja keras. Jika atlit itu berharap untuk menang dalam perlawanan itu, maka dia harus mengikut peraturan sukan. Jika dia tidak mengikut peraturan tersebut, dia tidak akan kehilangan nyawanya, tetapi pasti dia tidak memenangi apa-apa hadiah. Demikian juga dengan hidup yang kekal. Untuk mengembangkan potensinya dan menuai hadiah yang semaksimumnya, orang yang memilikinya mesti bersedia untuk ini: *“marilah kita buang segala halangan yang menghalang kita dan dosa yang berpaut pada kita. Marilah kita tempuh perlumbaan di hadapan kita dengan tekun”* (Ibrani 12.1). Mereka mesti bersedia untuk menyangkal diri sendiri, memikul salib mereka setiap hari dan mengikut Kristus. Mereka juga harus belajar mengembangkan pengawalan diri dan “mengikut peraturan sukan.” Jika tidak, mereka akan dikeluarkan dan tidak mendapat apa-apa hadiah (1 Korintus 9.24-27; 2 Timotius 2.5).

Tetapi perkara yang amat ajaib mengenai hidup yang kekal adalah ini: ia membolehkan orang yang mempunyainya untuk hidup dengan begitu rupa sehingga pengalaman, tugas, kesenangan, dan kesengsaraan dunia yang fana ini dapat diberikan kegunaan yang kekal dan menghasilkan pahala yang kekal (Yohanes 12.25; 2 Petrus 1.5-11).

Kemungkinan untuk mengetahui bahawa kita mempunyai hidup yang kekal: Ada sebilangan orang, bahkan orang beragama pun, percaya bahawa mustahil bagi kita untuk mengetahui dengan pasti bahawa kita mempunyai hidup yang kekal dalam kehidupan sekarang ini. Oleh itu, adalah baik untuk mempunyai kenyataan yang jelas dari Perjanjian Baru mengenai topik ini. Kita akan menelitinya dengan terperinci dalam bab yang selanjutnya, tetapi di sini, untuk memulakannya, berikut adalah kenyataan itu sendiri:

Inilah kesaksian itu: Allah sudah memberi kita hidup sejati dan kekal, dan hidup itu berasal daripada Anak-Nya. Sesiapa yang mempunyai Anak Allah, mempunyai hidup itu; dan sesiapa yang tidak mempunyai Anak Allah, tidak mempunyai hidup itu. Aku menulis surat ini kepada kamu yang percaya kepada Anak Allah, supaya kamu tahu bahawa kamu sudah mempunyai hidup sejati dan kekal (1 Yohanes 5.11-13).

8

PERTAUBATAN

Lebih Daripada Penyesalan

Sehingga ini, kita sudah belajar istilah-istilah yang digunakan oleh Perjanjian Baru untuk menerangkan apa yang telah dilakukan oleh Tuhan untuk mendamaikan, membenarkan, menebus, membeli, dan membaharui manusia. Sekarang kita mesti mula mempelajari istilah yang menerangkan apa yang harus kita buat untuk mendapatkan manfaat daripada yang sudah dilakukan, sedang dilakukan, dan akan dilakukan oleh Tuhan.

Istilah yang pertama daripada senarai itu adalah *pertaubatan*. Pengisytiharan umum yang pertama sekali dilakukan oleh Kristus adalah ini: “*Masanya sudah tiba; tidak lama lagi Allah akan memerintah. Bertaubatlah daripada dosa kamu dan percayalah kepada Berita Baik ini!*” (Markus 1.15).

Menurut Kristus, pertaubatan adalah masa yang penuh sukacita: “*Percayalah, malaikat Allah juga bersukacita apabila seorang berdosa bertaubat*” (Lukas 15.10). Pertaubatan adalah juga sesuatu perkara yang sihat. Sebagaimana hujan melembutkan tanah dan menyebabkan benih untuk bercambah dan bertumbuh, demikian juga pertaubatan membuka jalan kepada kehidupan rohani: “*Allah juga memberi peluang kepada orang bukan Yahudi untuk bertaubat dan beroleh hidup sejati!*” (Kisah 11.18).

Bagaimanapun, pertaubatan, merupakan perkara yang rumit dan untuk menjadi benar, sihat, dan berkesan, ia perlu mempunyai semua bahan-bahannya. Pertaubatan yang lengkap, misalnya, kemungkinan besar melibatkan kesedihan yang sihat: “*kerana kesedihan seperti itu menghasilkan perubahan hati yang mendatangkan penyelamatan. Hal itu tidak perlu disesalkan. Sebaliknya, kesedihan yang sejalan dengan kehendak manusia mengakibatkan kematian*” (2 Korintus 7.10).

Satu contoh nyata keadaan ini ialah Yudas, yang mengkhianati Kristus. Apabila dia melihat bahawa Yesus dihukum mati, dia “*menaubatkan dirinya.*” Dia cuba melepaskan kejahatan yang dilakukannya, tetapi usaha itu mustahil dilakukan. Bagaimanapun, dia sebenarnya boleh berlari menuju salib dan berseru kepada Yesus untuk memohon belas kasihan-Nya seperti yang dilakukan oleh pencuri yang hampir meninggal. Tetapi tidak! Jenis pertaubatannya bukan pertaubatan yang sungguh-sungguh dan sihat, yang diajarkan oleh Perjanjian Baru kepada kita. Apa yang dilakukannya hanya penyesalan dan kesedihan. Ia tidak menuju kepada kehidupan dan penyelamatan. Sebaliknya, yang bertentangan pula berlaku—Yudas pergi dan menggantungkan diri (Matius 27.3-5).

Disebabkan oleh kesan terjemahan dan penggunaan seharian, erti pertaubatan dalam Perjanjian Baru sering tersasar dan oleh itu, kita harus mengkajinya dengan teliti. Dalam teks asli Yunani Perjanjian Baru, dua perkataan telah digunakan untuk pertaubatan:

1. *metanoia* dan kata kerjanya *metanoeo*. Erti asas bagi perkataan ini adalah ‘perubahan fikiran’. Berbagai-bagai emosi dan perasaan mungkin, atau mungkin tidak,

mengarah kepada, menyertai, atau timbul daripada, perubahan fikiran ini. Tetapi unsur utamanya adalah intelektual. Ia adalah latihan bagi penilaian moral.

2. *metamelomai* dan kata kerja impersonal, *metamelei*. Kedua-dua kata kerja ini juga digunakan untuk mengungkapkan pendapat mengenai pertaubatan; tetapi ia mengandungi lebih banyak penekanan mengenai kesedihan kerana berbuat sesuatu.

Oleh itu, pertaubatan pada dasarnya adalah perubahan fikiran, suatu penukaran terhadap nilai moral yang dahulu, suatu penolakan kelakuan yang dahulu. Ia mempunyai unsur yang negatif. Dengan itu, Perjanjian Baru mengajar bahawa pertaubatan itu adalah bertaubat daripada yang salah dan jahat, misalnya, “berhenti melakukan yang sia-sia” (Ibrani 6.1). Tetapi ia juga mempunyai unsur positif, iaitu “bertaubat daripada dosa lalu datang kepada Allah” (Kisah 20.21). Perhatikan bagaimana bahagian berikut menitikberatkan unsur intelektual dalam pertaubatan (fikiran kita dan fikiran Tuhan), unsur negatif (membuang perbuatan jahat) dan unsur positif (kembali kepada Tuhan).

Biarlah orang jahat meninggalkan cara hidup mereka, dan mengubah jalan fikiran mereka. Biarlah mereka kembali kepada TUHAN, Allah kita, kerana Dia berbelas kasihan dan sentiasa sedia mengampuni. TUHAN berfirman, “Fikiran-Ku bukan seperti fikiran kamu, dan jalan-Ku bukan seperti jalan kamu” (Yesaya 55.7-8).

Kita dipanggil untuk bertaubat dalam tiga hal utama:

1. **Dalam hubungan dengan Tuhan:** Tentu sekali, sekiranya kita ateis, pertaubatan bererti meninggalkan faham ateisme kita dan mengakui kewujudan Tuhan. Tetapi bukan hanya ateis yang memerlukan pertaubatan terhadap Tuhan. Memang boleh saja percaya kepada kewujudan Tuhan, tetapi dalam amalan, Tuhan tidak dipedulikan, perintah-Nya untuk bertaubat supaya selamat, tidak diperhatikan, melanggar hukum-Nya dan menjalani hidup seolah-olah Dia tidak wujud. Dalam kadar sedikit atau banyak, kita semua telah bersikap seperti itu. “Dahulu kita semua seperti domba yang sesat, masing-masing mengikut jalan sendiri. Tetapi TUHAN menjatuhkan hukuman kepadanya, hukuman yang seharusnya dijatuhkan kepada kita” (Yesaya 53.6). Erti pertaubatan tidak kurang daripada ini: kembali kepada Tuhan dan meninggalkan berhala (apa sahaja yang kita tempatkan di tempat Tuhan Esa yang Benar) untuk melayani Tuhan yang hidup dan benar (1 Tesalonika 1.9).

2. **Dalam hubungan dengan diri kita sendiri:** Perjanjian Baru menuntut dua tahap pertaubatan yang berbeza. Oleh sebab hal ini mudah sekali diketepikan, kita mulakan dengan satu ilustrasi mengenai perbezaan di antara dua tahap tersebut.

Seorang lelaki yang berumur 50 tahun amat tidak sihat. Dia pergi berjumpa seorang doktor. Selepas pemeriksaan yang teliti, doktor memberitahunya bahawa penyebab penyakitnya adalah merokok yang berlebihan. “Ya, saya sedar itu sekarang,” kata lelaki itu, “dan saya bertaubat daripadanya. Tolong beri saya sesuatu untuk membantu saya berhenti merokok.”

Baiklah setakat ini. Lelaki itu bertaubat daripada satu dosa, iaitu merokok. Tetapi doktor itu berkata, “Baiklah, anda memang bijak untuk berhenti merokok; tetapi berhenti merokok sekarang tidak dapat menyelamatkan anda. Kerosakan paru-paru anda sudah parah, dan hati anda sudah rosak teruk. Satu-satunya cara untuk menyelamatkan anda adalah membenarkan doktor bedah untuk melakukan pembedahan pemindahan hati-paru-paru anda.”

Sekarang, soalan yang penting adalah: adakah lelaki itu rela untuk bertaubat dari tahap yang lebih asas ini? Iaitu, adakah dia bersetuju dengan doktor bahawa keadaannya sangat teruk sehingga perbuatan berhenti merokok sahaja tidak cukup untuk

menyelamatkan dia: hanya hati yang baru dan paru-paru yang baru dapat menyelamatkannya.

Sekiranya lelaki itu menolak keputusan doktor itu: “Tidak, saya tidak bersedia untuk dibedah. Saya tidak sakit teruk seperti yang doktor kata. Saya yakin bahawa jika saya berhenti merokok, saya akan sihat.” Apakah yang akan berlaku? Tidak lama lagi, dia akan mati!

Sebaliknya, jika dia bertaubat pada tahap asas ini, bersetuju dengan keputusan pemeriksaan doktor, rela dibedah, dan menerima hati dan paru-paru daripada orang lain, maka tentunya masih penting baginya untuk bertaubat daripada dosa merokok. Mungkin sekali doktor bedah itu akan berkata kepadanya, semasa dia meninggalkan hospital: “Saya tegaskan agar sekarang anda berhenti merokok sama sekali. Dan jika sekiranya anda menyerah kepada percubaan merokok, datanglah berjumpa saya dan saya akan memberi anda sesuatu yang menolong anda mengatasi percubaan itu.”

Demikian juga dengan Tuhan. Keputusan Tuhan adalah kita terlalu jahat sehingga pertaubatan daripada dosa-dosa tertentu, meskipun penting, tidak dapat menyelamatkan kita. Kita memerlukan pertaubatan yang mungkin disebut pertaubatan radikal. Ini bererti, bersetuju dengan keputusan Tuhan, bukan hanya berkaitan dengan dosa kita, tetapi dengan diri kita juga. Ia bukan hanya berkaitan dengan apa yang kita sudah lakukan, tetapi juga dengan siapa kita. Keputusan Tuhan bukan hanya kerana kita sudah berdosa pada masa lalu, dan bahawa pada masa ini kita masih tidak dapat mencapai standard kesucian-Nya (Roma 3.23), tetapi dengan sifat diri kita, kita “*kena kemurkaan Allah*” (Efesus 2.1-13). Sifat diri kita memang berdosa dan menyebabkan Tuhan tidak berkenan. Bagaimanapun, ini tidak bererti bahawa setiap sudut hidup kita adalah jahat. Ia bererti bahawa tiada bahagian diri kita yang bebas daripada kerosakan yang didatangkan oleh dosa.

Sebatang pokok tidak menjadi pokok epal dengan mengeluarkan buah epal. Pokok itu berbuah epal kerana pada dasarnya pokok itu pokok epal. Cuba petik setiap buah epal pada pokok itu, dan pokok itu tetap pokok epal! Dengan hanya mengakui dosa-dosa kita yang khusus, sedikit atau banyak, bagaikan memetik buah epal dari pokoknya. Ia tidak menghadapi, atau menangani, masalah mengenai siapa diri kita berdasarkan sifat kita sendiri. Hakikatnya adalah, seperti yang dikatakan oleh Yohanes Pembaptis, “pokok-pokok yang jahat” yang layak ditebang dan dibuang ke dalam api (Matius 3.10).

Bagaimanapun, pada peringkat ini, ramai orang tidak mahu menerima keputusan Tuhan. Mereka tidak mahu bertaubat. Mereka bersedia untuk mengaku bahawa mereka telah berbuat salah, mungkin hal-hal yang sangat salah. Mungkin mereka juga mengakui bahawa ada bahagian-bahagian gelap dalam kelakuan mereka. Tetapi mereka masih berpaut pada pendapat bahawa yang perlu dilakukan mereka hanyalah bertaubat daripada perbuatan salah yang lampau, dan mencari pertolongan Tuhan untuk mematahkan kebiasaan mereka yang jahat. Dengan itu, mereka berharap, akan membuat mereka menjadi orang yang baik seperti yang dirasakan mereka selama ini, dengan peluang yang cerah untuk layak masuk ke dalam syurga Tuhan.

Walau bagaimanapun, ini adalah ilusi, seperti yang ditunjukkan oleh Kristus sendiri: “*Pokok yang subur tidak menghasilkan buah yang buruk. Demikian juga pokok yang tidak subur tidak akan menghasilkan buah yang baik. Setiap pokok dikenal daripada buahnya. Kamu tidak memetik buah ara dari belukar berduri, ataupun buah anggur dari semak-semak*” (Lukas 6.43-44). Tiada gunanya semak berduri berkata: “Saya mengaku saya telah mengeluarkan beberapa duri. Tetapi sebenarnya saya bukan semak berduri: pada dasarnya saya pokok ara.”

Dengan itu, pertaubatan radikal bererti menyerahkan penilaian diri kita sendiri dan bersetuju dengan keputusan Tuhan, dan pertaubatan daripada dosa-dosa tertentu tidak

boleh menyelamatkan kita. Kita memerlukan kehidupan rohani yang baru dari satu sumber di luar daripada diri kita sendiri. Sumber itu ialah Kristus, yang mati bagi kita, dan kita hidup sebagai Penyelamat kita.

Sebenarnya, inilah kepentingan sejarah akan baptisan Kristian. Baptisan, menurut penerangan Perjanjian Baru, adalah (Roma 6.3-4) pengebumian simbolik, dan melaluinya orang yang dibaptis mengakui secara umum bahawa dia sudah menerima keputusan Tuhan bahawa dia tidak layak untuk apa-apa kecuali dihukum mati dan dikuburkan. Ia bukan suatu operasi ajaib yang dapat membasuh bahagian jahat kelakuan seseorang, dan meninggalkan bahagian yang baik untuk bertumbuh dan berkembang. Dalam pembaptisan, orang itu dikuburkan seluruhnya, sebagaimana dalam dunia fizikal, apabila seseorang dihukum mati kerana membunuh, segenap orang itu dibunuh dan dikuburkan: bukan hanya kemarahan atau kecemburuannya yang menyebabkan dia melakukan pembunuhan. Demikian juga, apabila seseorang dihukum mati kerana membunuh, kematian itu mengakhiri seluruh hidupnya. Ia bukan hanya membatalkan hidup lamanya dan meneruskan hidup sehingga sekarang, dan membiarkan dia menjalani hidup selanjutnya dengan sebaik mungkin. Bukan, hal itu muktamad. Seluruh hidupnya sudah berakhir. Kematian itu tidak pernah perlu (memang tidak boleh) diulangi.

Dengan itu, apabila Kristus mati kerana dosa kita, Dia mati satu kali, dan Dia tidak akan pernah mati lagi, kerana Dia tidak perlu mati lagi (lihat Roma 6.8-11). Kematian-Nya yang satu kali itu telah membayar dengan lunas semua hukuman dosa orang yang menyambut Dia sebagai Penyelamat, bagi dosa seluruh hidup mereka—masa lalu, sekarang, dan masa depan. Oleh itu, apabila seseorang dibaptis, pada masa itu dia juga mengisytiharkan bahawa dia sudah menyambut Kristus sebagai Pengganti dan Penyelamat yang disediakan Tuhan baginya; dan bahawa melalui penerimaannya akan Kristus, dia sudah menjadi satu dengan-Nya, sebagaimana seorang lelaki dan seorang perempuan menjadi satu pada masa mereka berkahwin (1 Korintus 6.15-17). Oleh itu, pada pandangan Tuhan, apabila Kristus mati, orang percaya itu juga mati, apabila Kristus dikuburkan, dia juga dikuburkan; dan hal itu, menurut hukum, merupakan pengakhiran dirinya yang berdosa untuk selama-lamanya. Dia mengatakan apa yang dikatakan oleh Rasul Paulus:

“Aku sudah disalibkan bersama-sama Kristus. Yang hidup sekarang ini bukanlah aku, tetapi Kristus yang hidup dalam diriku. Hidup yang aku hayati sekarang ini adalah hidup dengan iman kepada Anak Allah yang mengasihi aku dan yang telah mengorbankan diri-Nya untuk aku” (Galatia 2.19-21).

Tanpa disebut pun, kita ketahui bahawa baptisan hanyalah lambang. Ia tidak mempengaruhi kematian dan kebangkitan yang diwakilinya. Ia bagaikan cincin perkahwinan. Seorang wanita yang belum berkahwin boleh mengenakan cincin perkahwinan, tetapi hal itu tidak bererti bahawa dia kini berkahwin. Cincin itu hanya menjadi penting selepas dia bersetuju untuk menerima seorang lelaki untuk menjadi suaminya. Maka seseorang harus bertaubat dalam erti kata radikal, seperti yang telah kita bincang, dan secara peribadi menyambut Kristus sebagai Penyelamat sebelum dibaptis. Jika bukan demikian, baptisan itu hanya lambang yang kosong, perlambangan sesuatu yang tidak benar.

3. Bahagian lain yang daripadanya kita harus bertaubat adalah **dalam hubungan dengan dosa kita**. Orang yang sudah bertaubat secara radikal, dan sudah menyambut Kristus, kini bebas secara hukum. Dia tidak lagi perlu bergomol untuk memperbaiki dirinya supaya diterima oleh Tuhan: dia sudah diterima. Tetapi oleh sebab Tuhan sudah menerima dia demi Kristus, dia diharapkan untuk mengembangkan cara hidup Kristian

yang benar. Hal itu berarti membaca Firman Tuhan untuk menemukan sikap dan tindakan yang dianggap berdosa oleh Tuhan, kemudian bertaubat daripadanya, dan mencari kuasa Kristus dan kekuatan-Nya untuk menghapuskan semuanya. Apabila dia jatuh ke dalam kelemahan dan pencubaan, seperti yang berlaku dari semasa ke semasa, dia dituntut untuk mengakuinya kepada Tuhan. Janjinya adalah: *“Tetapi jika kita mengakui dosa kita kepada Allah, Dia akan menepati janji-Nya dan melakukan apa yang adil. Dia akan mengampunkan dosa kita dan membersihkan kita daripada segala perbuatan yang salah”* (1 Yohanes 1.9). Jenis pertaubatan ini adalah tugas seumur hidup. Ia harus diulangi setiap hari (Wahyu 2.5, 16, 21; 3.3).

BEBERAPA CIRI LAIN BAGI PERTAUBATAN YANG SEJATI

1. Pertaubatan bukan semata-mata perkataan. Ia akan kelihatan dalam kelakuan yang menunjukkan bahawa pertaubatan itu sungguh. *“Lakukanlah perkara-perkara yang menunjukkan bahawa kamu sudah bertaubat daripada dosa,”* kata Yohanes Pembaptis (Matius 3.8).

2. Pada masa yang sama, pertaubatan tidak dapat membeli penyelamatan. Pengampunan dosa bukan bergantung pada kekuatan kesedihan kita terhadap dosa, dan tidak diperoleh melalui perbuatan baik. Pengampunan tetap suatu pemberian yang percuma dan tidak dibeli, yang dianugerahkan kepada orang berdosa yang tidak berdaya, dan diterima hanya melalui iman. Itulah sebabnya, *“bertaubat daripada dosa lalu datang kepada Allah”* perlu disertai oleh *“percaya kepada Yesus, Tuhan kita”* (Kisah 20.21).

3. Pertaubatan harus segera. *“sekarang Dia menyuruh semua orang di seluruh dunia bertaubat”* (Kisah 17.30-31). Kristus sendiri mengingatkan kita: *“tetapi ingatlah, kecuali kamu bertaubat daripada dosa, kamu semua akan binasa seperti mereka”* (Lukas 13.3, 5).

9

IMAN

Bukan Lompatan ke dalam Kegelapan

Dalam bab sebelum ini, kita melihat bahawa untuk memanfaatkan semua yang telah dilakukan, sedang dilakukan, dan akan dilakukan oleh Tuhan, langkah pertama kita mestilah *pertaubatan* di hadapan Tuhan. Tetapi ada perkara yang kedua, iaitu iman dalam Tuhan kita Yesus Kristus (Kisah 20.21).

Menurut Perjanjian Baru, syarat-syarat penyelamatan adalah:

- a) *“Jika kamu mengaku di hadapan orang bahawa ‘Yesus itu Tuhan’ (iaitu secara objektif sebagai Anak Allah, dan secara subjektif sebagai Tuhan peribadi anda), dan*
- b) *sungguh-sungguh percaya bahawa Allah sudah membangkitkan Yesus daripada kematian, kamu akan diselamatkan”* (Roma 10.9).

Soalan yang timbul dengan serta-merta adalah: bagaimana iman seperti itu wujud?

KESUKARAN DENGAN IMAN: IMAN DAN SAINS

Pada masa ini, kita mendengar ramai orang membuat kenyataan ini: “Kami ingin juga percaya kepada Tuhan dan Kristus, tetapi amatlah sukar bagi kami untuk percaya setelah diajar bertahun-tahun mengenai ateisme. Bagi kami, iman adalah sesuatu yang sangat bergantung pada perasaan. Dalam sains, anda boleh mendapat keterangan dan bukti, dan anda tidak memerlukan iman. Tetapi dengan agama Kristian, anda harus mengambil keputusan tanpa apa-apa keterangan dan bukti. Ia bagaikan melompat dari tingkap pada malam yang amat gelap dan dengan mata tertutup, dan berharap anda dapat mendarat di suatu tempat dengan selamat.”

Orang lain merasakan bahawa iman bagaikan kebolehan seni: sama ada anda memilikinya atau tidak, dan tiada sesuatu pun yang anda boleh lakukan mengenainya.

Tiada satu pun pandangan ini yang betul. Lagipun, pendapat bahawa sains tidak melibatkan iman adalah juga palsu. Sebenarnya, iman amat fundamental bagi perjuangan sains. Albert Einstein berkata: “Kepercayaan bahawa alam semesta yang terdiri daripada benda-benda yang wujud boleh diterokai oleh pemikiran manusia dan bahawa peraturan-peraturan baginya boleh masuk akal, termasuk dalam bidang agama. Saya tidak boleh bayangkan seorang ahli sains yang sejati yang tidak memiliki iman sedalam ini.”

Tentu sekali ada juga ahli sains dan ahli falsafah yang telah mempersoalkan sama ada alam semesta yang cuba digambarkan oleh ahli sains itu benar-benar wujud. Mereka telah cadangkan bahawa semua itu hanya wujud di dalam fikiran dan formula para ahli sains itu sendiri. Mereka mendakwa bahawa teori-teori ahli sains itu tidak menjawab apa-apa kenyataan yang objektif. Tetapi kita faham bahawa dakwaan ini merupakan pandangan golongan yang kecil sahaja.

Kebanyakan percaya bahawa alam semesta yang dikaji oleh mereka, sama ada secara langsung atau melalui peralatan, memang wujud. Mereka tidak menciptakannya dengan

pemerhatian, ukuran, hipotesis, teori, uji kaji, dan tafsiran. Mereka menerima kewujudannya sebagai suatu hakikat. Benar, mereka telah menemukan butir-butir di dalamnya, seperti partikel-partikel asas, yang dahulunya mereka tidak tahu bahawa ia wujud. Tetapi butir-butir itu wujud sebelum mereka menemukannya. Oleh itu, ahli sains tidak menciptakan alam semesta dengan kajiannya—dia hanya cuba memahaminya. Dan untuk tujuan itulah dia menyerahkan fikirannya kepada bukti yang dipaparkan oleh alam semesta; dan dia menghakimi kebenaran teorinya setakat mana yang dapat ditunjukkan oleh uji kaji, untuk menerangkan buktinya.

Sekarang, Alkitab menegaskan bahawa alam semesta itu wujud kerana Tuhan meletakkannya di sana. Dia menciptakannya. Dia berfirman lalu ia wujud kerana Firman-Nya yang menciptakannya (Kejadian 1; Yohanes 1.1-4; Ibrani 11.3). Ia adalah pernyataan fikiran Tuhan, suatu ungkapan fikiran-Nya yang boleh mencipta. Dengan mengkaji pernyataan ini, seorang ahli sains, sama ada dia tahu atau tidak, sedang memikirkan fikiran Tuhan mengenainya, seperti yang dikatakan oleh Kepler.

Demikian juga, Alkitab menegaskan bahawa Tuhan yang sama, yang sudah menyatakan diri-Nya melalui penciptaan telah menyatakan diri-Nya kepada kita melalui Anak-Nya Yesus Kristus. Kristus bukan ciptaan gereja ataupun produk andaian agama dan teologi. Di dalam Alkitab dia dipanggil Firman Allah kerana di dalam-Nya Allah telah menyatakan diri-Nya dan berfirman kepada kita, lelaki dan wanita, dengan lebih langsung dan lebih menyeluruh daripada apa yang dilakukan-Nya melalui penciptaan. Dalam penciptaan, Allah telah memberitahu kita tentang kuasa dan keagungan-Nya. Dalam Kristus, Firman Allah, dia telah meluahkan hatinya. Dengan itu, tugas kita adalah, mempelajari bukti yang disediakan oleh pernyataan-Diri Allah dalam Kristus, sebagaimana ahli sains mempelajari keterangan yang disediakan oleh pernyataan-Diri Allah dalam penciptaan.

Sekarang, hakikatnya adalah para ahli sains bersikap was-was terhadap penerangan sains yang terlalu rapuh. Mereka sudah belajar melalui pengalaman bahawa alam semesta sentiasa memaparkan hal-hal yang tidak diduga kepada kita, dan dengan fenomena yang hanya boleh diterangkan dalam istilah-istilah yang kelihatannya menyangkal kewarasan fikiran. Tetapi meskipun begitu, mereka tidak menolak penerangan yang sukar tersebut. Sebenarnya, mereka bersedia untuk mempercayainya daripada mempercayai kewarasan fikiran; dan pengesahan yang muktamad bagi kepercayaan mereka itu adalah pada waktu mereka bentuk uji kaji yang dilandaskan pada semuanya, ujian itu berjaya.

Begitu juga dengan pernyataan-Diri Allah kepada manusia melalui Yesus Kristus. Seperti yang kita ketahui, Perjanjian Baru menyatakan bahawa Kristus itu Allah dan juga manusia. Kenyataan ini, bagi ramai orang, kelihatannya amat bercanggah dengan kewarasan fikiran. Apabila mereka mendapati bahawa Alkitab sendiri pun tidak memberikan penjelasan yang lengkap tentang bagaimana Dia menjadi Allah dan juga manusia pada masa yang sama, mereka cenderung mengetepikannya sebagai mitos primitif. Tetapi itu bukan tindak balas saintifik, seperti yang kita lihat sekarang.

Orang yang bertemu dengan Yesus Kristus semasa Dia masih di bumi, mendapati bahawa memang pada mulanya, Dia benar-benar manusia. Pada masa yang sama, mereka mendapati bahawa Dia menunjukkan fenomena yang tidak boleh dinafikan, yang menunjukkan bahawa Dia lebih daripada manusia. Penerangan Kristus adalah Dia manusia dan juga Tuhan pada masa yang sama. Jika kita bertanya bagaimana kita diharapkan untuk mempercayai penerangan seperti itu, Perjanjian Baru menunjukkan kepada kita kajian dan uji kaji yang kita boleh buat, yang akan membuktikan kepada kita bahawa penerangan ini benar (Yohanes 7.16-17; 20.30-31). Memang, Perjanjian Baru

mendakwa bahawa Yesus Kristus bukan saja peribadi yang sungguh-sungguh menjadi peribadi bersejarah: bangkit dari kematian, dia peribadi yang boleh kita hubungi.

MENGAPA MEMBACA PERJANJIAN BARU?

Tetapi mungkin ada yang membantah: “Tiada gunanya saya membaca Perjanjian Baru. Kerana untuk Perjanjian Baru menjadi berguna bagi saya, mula-mula saya harus percaya, sebelum pun saya membacanya; percaya bahawa apa yang dikatakannya itu benar. Oleh sebab saya tidak percaya bahawa itu benar, tiada gunanya saya membacanya.” Tetapi bantahan ini berasaskan suatu salah faham, kerana orang tidak perlu percaya bahawa Perjanjian Baru itu benar sebelum dia membacanya. Sebaliknya, jika anda belum pernah membaca Perjanjian Baru dengan sungguh-sungguh, anda tidak dapat mengetahui secara jujur dan saintifik bahawa ia tidak benar. Anda tidak akan bersikap seperti itu, misalkan, terhadap surat khabar. Kerana selepas membaca banyak surat khabar, anda tahu bahawa ia boleh juga mengandungi hal-hal yang tidak betul.

Bagaimanapun, anda bukannya tidak lagi membaca surat khabar hanya kerana hal itu. Anda masih membaca surat khabar, kerana yakin bahawa anda boleh membezakan di antara kebenaran dan kepalsuan; dan jika anda tidak dapat membezakannya untuk masa ini, anda akan menanggungkan keputusan. Bacalah Perjanjian Baru dengan cara yang sama; kemudian, selepas membacanya, barulah anda membuat keputusan sama ada Yesus bercakap benar atau tidak. Iman dalam Yesus tidak mungkin datang kecuali anda mula-mula mendengar dengan apa yang dikatakan-Nya; jika mendengarkan Dia pun anda tidak mahu, maka ia bukan tanda kekuatan intelek; itu sikap samar-samar.

Memang pun isu-isu yang dibahaskan lebih besar daripada membaca suatu laporan di dalam surat khabar. Sejak permulaan, syarat pertama bagi penyelamatan, seperti yang diletakkan oleh Perjanjian Baru, adalah pengakuan akan Yesus sebagai Tuhan! Hal ini melibatkan tindakan menerima Yesus sebagai Tuhan secara peribadi, dan bersedia untuk mengakui Dia sebagai Tuhan di hadapan dunia. Tetapi ini melibatkan hal yang lebih daripada itu. Di dalam Perjanjian Lama, Tuhan berfirman, “*Hanya Akulah TUHAN, Aku sahaja yang dapat menyelamatkan kamu*” (Yesaya 43.11). “TUHAN” adalah sinonim bagi Allah, Pencipta. Sekiranya Yesus bukan Tuhan tersebut, jika dia bukan Tuhan yang menjelma menjadi manusia, maka dia tidak dapat menyelamatkan sesiapa pun. Pengakuan ini amat mengagumkan dan Perjanjian Baru tentu sekali tidak meminta kita untuk mempercayainya tanpa memberikan bukti yang menjadi asas iman tersebut. Oleh itu, pertanyaannya adalah, apakah buktinya yang membuat kita percaya bahawa Yesus itu Tuhan dalam pemahaman ini?

BUKTI DARIPADA KENYATAAN KRISTUS SENDIRI

Mula-mula mungkin ia kedengaran dangkal, tetapi alasan utama untuk mempercayai bahawa Yesus ialah Anak Allah adalah daripada kata-kata Yesus sendiri tentang diri-Nya. Dengan serta-merta ia mempersoalkan kebenaran kata-kata-Nya. Dan memang pun wajar demikian; kerana meskipun semua bukti sudah diberikan, yang tanpa salah, menunjuk kepada ketuhanan-Nya, soalan terakhir yang harus dijawab oleh jiwa manusia apabila dicabar dengan Yesus Kristus adalah: Adakah Dia benar? Adakah Dia bercakap benar? Apakah nilai yang dapat kita berikan pada kata-kata yang sering diulangi-Nya ini: “*Apa yang Aku katakan ini benar.*” Keadaannya sama dengan Tuhan. Soalan yang terakhir bukannya “Adakah Tuhan wujud?” melainkan “Adakah Tuhan itu benar? Dapatkah Dia dipercayai?” Rasul Yakobus berkata dengan agak menyindir bahawa roh-roh jahat pun percaya bahawa ada Satu Tuhan (Yakobus 2.19). Tetapi mereka bukannya percaya

ataupun mentaati-Nya. Ramai orang yang juga percaya bahawa Tuhan wujud, tetapi tidak percaya kepada-Nya, dan tidak rela mempertaruhkan hidup mereka di sini atau di dunia yang akan datang, di atas kebenaran firman-Nya. Mereka berasa tidak sanggup.

“Tetapi kamu tidak boleh mengharapkan kami untuk percaya,” kata seseorang, “bahawa Yesus ialah Anak Allah, hanya kerana dia berkata demikian tentang dirinya. Ini tidak adil.” Orang sebaya Kristus juga menanyakan soalan yang sama: “Engkau menjadi saksi dirimu sendiri,” kata mereka; dan daripadanya mereka mengambil kesimpulan: “kesaksianmu tidak benar,” iaitu, tidak sah (Yohanes 8.13).

Dengan serta-merta Kristus mencabar kesimpulan yang tidak berdasar: “Meskipun Aku menjadi saksi diri-Ku sendiri,” kata-Nya, “kesaksian-Ku sah, kerana Aku tahu dari mana Aku datang, dan ke mana Aku pergi; tetapi kamu tidak tahu dari mana Aku datang, dan ke mana Aku pergi” (Yohanes 8.14). Dia memang merujuk kepada syurga sebagai tempat asal-Nya dan tempat Dia kembali tidak lama lagi. Dia bercakap dengan kewibawaan daripada pengalaman sendiri. Kesimpulan itu tidak wajar kerana hanya Dia sendiri yang dapat memberitahu mereka hal-hal tersebut, dengan itu kesaksian-Nya tidak semestinya benar.

Mari kita menggunakan satu analogi. Orang yang tinggal di lembangan Mediterranean tiga ribu tahun yang lalu percaya bahawa jika anda berdiri menghadap matahari pada waktu tengah hari, fakta yang tidak boleh dicabar adalah matahari itu telah terbit di sebelah kiri anda dan akan terbenam pada sebelah kanan anda. Misalkan, pada suatu hari ada satu orang dari Afrika Selatan datang, yang merupakan orang pertama dari negara itu yang melawat lembangan Mediterranean. Mungkin dia boleh berkata bahawa di negara asalnya, jika anda berdiri menghadap matahari pada waktu tengah hari, fakta yang tidak boleh dicabar adalah matahari itu telah terbit di sebelah kanan anda dan akan terbenam di sebelah kiri. Soalannya adalah: adakah penduduk tempatan Mediterranean bertindak betul untuk mempercayainya? Apa yang dikatakan orang itu amat bertentangan dengan semua yang pernah dialami mereka, dan bercanggah dengan sains serta kosmologi semasa mereka. Wajar juga mereka katakan: “Anda seorang sahaja yang pernah memberitahu kami hal ini. Kami tidak dapat mempercayainya hanya kerana anda berkata demikian. Kesaksian anda tidak boleh diterima. Kami tidak boleh percaya bahawa ada negara yang matahari bergerak seperti yang anda katakan.”

Mungkin dia menjawab begini: “Meskipun saya seorang sahaja yang memberitahu kamu hal ini, namun kesaksian saya benar. Saya tahu negara asal saya, tempat saya akan kembali nanti. Kamu semua tidak tahu negara saya.” Dan dia memang benar. Kesaksiannya boleh diterima, dan jika mereka mempercayainya, mereka memang mempercayai sesuatu yang benar.

Tentu sekali sukar bagi penduduk Mediterranean untuk percaya kepada orang asing dari Afrika Selatan; oleh sebab ada banyak yang kononnya disebut “cerita pengembara” yang menceritakan orang yang mendakwa sudah pergi ke hujung bumi dan telah melihat hal-hal yang amat mengagumkan. Tiada satu pun cerita tersebut yang benar. Semuanya khayalan belaka. Oleh itu, bagaimana pula mereka dapat membezakan di antara cerita pengembara dan perkara yang diberitahukan oleh orang dari Afrika Selatan itu? Dan bagaimana pula kita dapat membezakan di antara legenda keagamaan yang karut dengan apa yang dikatakan oleh Kristus?

Kristus sendiri menjawab soalan-soalan seperti itu dengan menunjukkan bahawa walaupun kenyataan-Nya itu benar, ada juga bukti keterangan yang lain yang menyokong pengakuan-Nya: dan keterangan itu adalah mukjizat-Nya (Yohanes 5.36). Dia berkata bahawa Dia melakukan pekerjaan seumpama itu dan yang penting, yang tidak pernah dibuat oleh orang lain (Yohanes 15.24). Untuk hal-hal ini, kita mesti lanjutkan kepada bab seterusnya.

10

IMAN

Tanggapan terhadap Bukti (Bahagian 1)

BUKTI DARIPADA MUKJIZAT KRISTUS

Kita menyimpulkan bab sebelum ini dengan berkata bahawa kenyataan Kristus disokong oleh mukjizat-mukjizat yang dilakukan-Nya. Sekarang, Perjanjian Baru menyebut mukjizat-mukjizat-Nya sebagai *tanda-tanda* kerana ia menunjuk kepada pengakuan-Nya sebagai Anak Allah.

Banyak lagi mukjizat lain yang dilakukan oleh Yesus di hadapan pengikut-pengikut-Nya, tetapi tidak ditulis di dalam kitab ini. Tetapi semua ini ditulis supaya kamu percaya bahawa Yesus Anak Allah, Penyelamat yang diutus oleh Allah, dan kerana kamu percaya kepada-Nya, kamu beroleh hidup sejati. (Yohanes 20.30-31).

Baiklah, kata seseorang, tetapi apakah buktinya bahawa mukjizat-mukjizat yang tertulis di dalam kitab-kitab Berita Baik itu benar-benar berlaku? Kami tidak berada di sana untuk melihatnya berlaku. Bagaimana pula kami pasti bahawa catatan-catatan itu benar? Dan apa pula tujuan mukjizat-mukjizat itu? Tidakkah Alkitab mendakwa bahawa orang lain juga, seperti Elia, melakukan mukjizat? Tetapi hal itu tidak membuktikan bahawa ada seorang di kalangan mereka itu Anak Allah. Bagaimana pula mukjizat-mukjizat Yesus membuktikan bahawa Dia Anak Allah?

Bagi bukti sejarah bahawa Yesus benar-benar melakukan mukjizat, kita bergantung pada kesaksian para rasul Kristian. Kita tidak mempunyai alasan *a priori* yang kuat untuk tidak mempercayai mereka, kerana pendapat bahawa mukjizat itu mustahil berlaku tidak dibuktikan oleh sains; ia merupakan prinsip yang belum dibuktikan dan tidak dapat dibuktikan oleh beberapa (tetapi bukan semua) pandangan-dunia.

Oleh itu, soalnya bukan pertanyaan berkaitan dengan sains, melainkan dengan sejarah: adakah kesaksian para rasul itu boleh dipercayai?

Pertama-tama, kita yakin bahawa para rasul itu bukan pembohong yang berdusta dengan sengaja. Rasul Yohanes membentangkannya sebagai perkara yang tidak dapat disangkal bahawa "*tidak ada dusta dalam ajaran yang benar itu*" (1 Yohanes 2.21). Dusta, dalam pengertiannya, tidak boleh diterima, walaupun bagi penyebaran kebenaran yang lebih besar, dan sama sekali tidak sepadan dengan Dia yang mengaku sebagai Kebenaran (Yohanes 14.6), dan yang tegas melarang semua saksi palsu (Matius 5.33-37). Oleh itu, apabila Yohanes memberitahu kita bahawa dia dan rakan rasul yang lain melihat Yesus melakukan mukjizat di hadapan tatapan mata mereka sendiri, jelaslah bahawa dia percaya dia sedang mencatat peristiwa yang bersejarah.

Kedua, kita seharusnya melihat pengakuan Yohanes bahawa apabila dia mencatat mukjizat Yesus, dia bukan semata-mata mengulangi cerita dongeng. Dia dengan rakan-

rakan rasul yang lain adalah saksi-saksi mata yang pertama. Mukjizat-mukjizat yang dilaporkan mereka itu dilakukan “*di hadapan pengikut-pengikut-Nya.*”

Tetapi yang ketiga, dan yang paling penting, kita seharusnya nampak ciri mukjizat-mukjizat Kristus. Semua itu bukan hanya peristiwa bersejarah, melainkan memberi kita satu lagi bukti yang mencabar hingga hari ini dengan kesegeraan yang melampaui sejarah. Bahasa Yunani dalam Perjanjian Baru menarik perhatian kita kepada perkara ini. Mukjizat Kristus, katanya, bukan hanya perbuatan yang mempunyai kuasa istimewa (Yunani: *dunamis*), dan bukan hanya keajaiban yang mengagumkan (Yunani: *teras*) yang menarik perhatian orang: mukjizat itu juga merupakan tanda-tanda (Yunani: *semeion*) yang menunjuk kepada sesuatu yang melampaui mukjizat itu, sesuatu yang jauh lebih penting daripada mukjizat itu sendiri.

Misalkan, Mukjizat Yesus Memberikan Makanan kepada Lima Ribu Orang (Yohanes 6). Pada tahap pertama kepentingannya, mukjizat itu dilakukan oleh Kristus kerana belas kasihan-Nya terhadap kelaparan secara jasmani orang ramai. Tetapi bukan hal itu sahaja, bahkan bukan itu yang menjadi tujuan utamanya. Orang ramai tentu sekali lapar lagi pada hari berikutnya. Tetapi catatan itu sendiri memberitahu kita bahawa apabila mereka datang kepada Yesus untuk mendapatkan ulangan mukjizat bagi jasmani, Dia tidak mahu mengulanginya. Mengapa? Sekiranya Dia mempunyai kuasa untuk melakukan mukjizat, mengapa dia tidak terus saja menggunakannya hari demi hari sehingga kelaparan secara jasmani lenyap di bumi? Dan mengapa pula Dia tidak terus melakukannya sekarang? Kerana, menurut kata-Nya, mereka gagal melihat, atau sengaja tidak melihat, tujuan yang lebih tinggi, akan kepentingan tanda mukjizat ini (Yohanes 6.26). Mukjizat itu bertujuan untuk mengejutkan mereka bukan hanya kepada fakta bahawa Yesus itu Pencipta mereka dalam bentuk manusia, tetapi Dia telah turun dari syurga untuk mempersembahkan diri-Nya kepada mereka sebagai Roti Kehidupan untuk memuaskan kelaparan rohani. Perut, yang adalah benda, dapat dipuaskan oleh benda. Tetapi roh manusia, yang berasal daripada Tuhan yang adalah roh, tidak akan pernah dipuaskan dengan sepenuhnya oleh kebendaan atau dengan hanya kesenangan estetik atau intelektual. Ia memerlukan persekutuan dengan seorang peribadi, dan Peribadi itu ialah Pencipta itu sendiri. Tanpa Dia, roh manusia itu pasti dalam keadaan lapar terus-menerus, yang tidak dapat dipuaskan oleh sepuluh ribu mukjizat jasmani.

MENGUJI KEBENARAN MUKJIZAT

Pada tahap ini, kita sendiri dapat menguji kebenaran cerita-mukjizat itu. Ia menawarkan diagnosis keperluan manusia kepada kita. Ia berkata kita lapar secara rohani, sama ada kita sedar atau tidak akan apa (atau kepada siapa) kita lapar. Adakah hal ini benar? Kita mengenal hati kita sendiri; kita boleh mengambil keputusan, masing-masing, sama ada diagnosis ini benar.

Tentu sekali ramai orang telah diajar dan dilatih untuk menekan kelaparan rohani mereka. Ada sebilangan yang berjaya dan dengan jujur mengaku bahawa mereka tidak merasakan apa-apa kelaparan rohani. Tetapi hal itu boleh jadi gejala yang menakutkan. Kita diberitahu bahawa apabila orang kelaparan secara jasmani tanpa sebarang makanan, mula-mula rasanya amat menyakitkan. Tetapi selepas beberapa waktu, kesakitan itu pergi dan tidak balik sehingga kematian sudah hampir dan tidak dapat dielakkan. Demikian juga dengan kelaparan rohani dan tahap akhirnya, iaitu kematian kedua.

Tetapi bagi mereka yang mengenal kelaparan rohani mereka, Kristus menawarkan diri-Nya sebagai Roti Yang Memberi Hidup. Adakah mereka merindukan dimensi rohani dalam kehidupan, iaitu persekutuan kekal dengan Tuhan, yang bermula di sini di bumi dan berlanjutan melangkaui kubur ke syurga milik Tuhan? Kristus memberikan jaminan

bahawa Dia boleh memberikannya (Yoh. 6.28-58). Adakah mereka rindu agar roh mereka dilepaskan dari bayangan yang disebabkan oleh perasaan bersalah dan belenggu dosa? Kristus, melalui kematian-Nya, boleh memberikannya kepada mereka juga (Yoh. 8.31-36).

Oleh itu, bagaimana kita tahu bahawa hal itu benar, bahawa Dia, menurut pengakuan-Nya, ialah Pencipta kita dalam bentuk manusia? Demikian juga halnya, sebagaimana kita tahu bahawa sebuku roti boleh benar-benar memuaskan kelaparan jasmani kita. Dengan datang kepadanya, mempercayainya, mengambilnya, memakannya. Dengan itu, bagi mereka yang mengenal kebenaran diagnosis-Nya mengenai kelaparan rohani mereka, Kristus berkata: "*Akulah roti yang memberi Hidup. Orang yang datang kepada-Ku tidak akan lapar dan orang yang percaya kepada-Ku tidak akan dahaga selama-lamanya*" (Yohanes 6.35). Mereka yang datang dan percaya akan menemukan bahawa Dia benar.

Tetapi sekarang kita datang kepada satu jenis bukti yang agak berlainan daripada yang diberikan oleh mukjizat-mukjizat Kristus.

BUKTI YANG DIBERIKAN OLEH KEMATIAN KRISTUS

Menurut Perjanjian Baru, bukan semata-mata mukjizat-mukjizat Kristus, bahkan bukan itu satu-satunya ataupun yang terutama, yang dimaksudkan Tuhan untuk merangsang iman kita kepada-Nya. Sebaliknya, kematian Kristus di kayu salib itulah yang menjadi perangsang:

Orang Yahudi menuntut mukjizat [iaitu, tanda-tanda] sebagai bukti dan orang Yunani mementingkan kebijaksanaan. Tetapi kami mengisytiharkan Kristus yang disalibkan ... Aku berbuat demikian kerana ketika aku bersama-sama kamu, aku mengambil keputusan untuk memberitakan Yesus Kristus sahaja, terutama kematian-Nya pada kayu salib. Oleh itu, kepercayaan kamu kepada Kristus tidak berdasarkan kebijaksanaan manusia, tetapi berdasarkan kuasa Allah. Bagi orang yang menuju kebinasaan, berita tentang kematian Kristus pada kayu salib itu tidak bererti apa-apa. Tetapi bagi kita yang diselamatkan oleh Allah, berita itu menunjukkan kekuasaan Allah. (1 Korintus 1.22-23; 2.2, 5; 1.18).

Dengan itu, bagaimanakah salib Kristus merangsang iman kita, bahawa Dialah Pencipta kita yang menjelma menjadi manusia, Anak Allah yang hidup? Ia merangsang iman kita kerana **salib Anak Allah menyatakan siapa sebenarnya Tuhan itu.**

Jelaslah bahawa sekiranya hati kita ingin percaya kepada Tuhan, mengasihi, dan mempercayai-Nya, pertama-tama kita perlu tahu bagaimana hati Tuhan itu. Falsafah tidak dapat memberitahu kita hal ini. Ia boleh membuat andaian mengenai Tuhan, tetapi ia tidak dapat memberitahu kita apa yang ada di dalam hati-Nya. (Bahkan ia tidak boleh memberitahu kita apa yang sedang berlaku di dalam hati orang di sebelah rumah kita.) Ciptaan Tuhan pun tidak dapat memberitahu kita. Ia boleh memperlihatkan kuasa-Nya kepada kita; tetapi ia tidak dapat menunjukkan hati-Nya kepada kita dengan jelas. Jika kita ingin mengetahui bagaimana sikap hati Tuhan terhadap kita, maka Tuhan sendiri harus mengambil langkah pertama dan menyatakan diri-Nya, dan melakukannya dalam cara yang difahami oleh kita, manusia. Justeru itu, penjelmaan berlaku, Firman Tuhan menjadi manusia.

Tetapi dalam hal ini, Tuhan seolah-olah mempunyai masalah; dan inilah masalah yang ditunjukkan Kristus kepada orang sezaman-Nya. Secara menyindir, mereka mencadangkan, untuk mendapatkan kepercayaan dan sokongan orang ramai, bahawa Dia harus mencari publisiti yang paling luas dan mempertunjukkan satu siri mukjizat yang

mengagumkan. Tetapi mereka tidak memikirkan masalah yang asasi. “*Dunia ini tidak mempunyai alasan untuk membenci kamu,*” kata-Nya, “*Tetapi dunia ini membenci Aku, kerana Aku sentiasa berkata kepada dunia bahawa perbuatannya jahat*” (Yohanes 7.1-7). Kesaksian-Nya bukan berasal daripada kesombongan yang membenarkan diri sendiri, ataupun dari pemikiran sempit secara agama yang membenci manusia. Dialah pernyataan Tuhan yang sempurna, komunikasi-Sendiri daripada Tuhan dalam istilah manusia. Oleh itu, memang tidak boleh dielakkan bahawa Dia menyatakan kesucian Tuhan dengan amat luas; dan semakin Dia berbuat demikian, semakin ia mendedahkan sifat manusia yang berdosa, dan semakin pula manusia tidak menyukainya, dan semakin mereka menolak pengakuan-Nya sebagai Anak Allah.

Hal itu memang boleh difahami. Sekiranya seorang kawan anda berkata bahawa sesuatu yang anda telah lakukan itu perbuatan yang kejam dan jahat, maka anda memang mula-mula tidak menyukainya; tetapi selepas beberapa waktu, anda mungkin menghiburkan diri dengan pemikiran bahawa itu hanya pendapatnya, dan dia itu siapa pula? Oleh itu, anda mengambil keputusan untuk tidak mempedulikannya dan untuk meneruskan persahabatan anda dengan dia. Tetapi jika ada orang yang memberitahu anda bahawa anda seorang berdosa yang layak dijatuhi hukuman Tuhan, dan menambahkan, “Dan Aku yang memberitahu engkau hal ini ialah Anak Allah,” maka reaksi semula jadi anda kemungkinan sekali akan mula-mula mengejek dakwaan-Nya sebagai Anak Allah, kemudian, sekiranya Dia masih mendesak, anda akan menolaknya dengan kuat sekali. Tetapi sekiranya Dia benar, anda pasti dihukum.

Lucretius, seorang penyajak kuno keturunan Latin, menghuraikan karya yang panjang dan sering kali amat mengagumkan, iaitu teori awal Yunani mengenai atom dan teori evolusi semasa pada zaman itu bagi kepentingan sesama warga Roma, membuat pengakuan dalam Pendahuluan akan sebabnya teori-teori ini sangat menarik perhatiannya (*De Rerum Natura*, Buku I). Pertama-tama, baginya, mereka seolah-olah membuktikan bahawa kematian mengakhiri segala-galanya: tiada kehidupan selepas kematian; dan hal ini pula melepaskan dia daripada segala kemungkinan dan ketakutan akan hukuman atas dosa-dosanya dalam kehidupan yang akan datang. Oleh itu, dia mengkhutbahkan teori-teori ini dengan segenap semangat seorang penginjil.

Demikianlah halnya dengan ramai orang. Sebaik sahaja bersetuju dengan pengakuan Kristus sebagai Anak Allah, mereka merasa bahawa ia membawa bersama ketakutan terhadap Tuhan yang suci, penghakiman akhir, dan hukuman atas dosa. Oleh itu, mereka, menolak pengakuan itu dan bertekad supaya tidak mempercayainya. Jika demikian halnya, untuk Kristus melakukan satu siri mukjizat yang hanya bertujuan mempamerkan kuasa yang luar biasa, akan cenderung menambahkan ketakutan manusia, menguatkan lagi penolakan mereka, dan mendorong mereka untuk mencari penerangan lain mengenai kuasa Kristus. Justeru itu, Tuhan tidak semata-mata bergantung pada mukjizat-mukjizat Kristus untuk memenangkan hati manusia, melainkan pada salib-Nya. Kristus sendiri melembutkan kebencian penentang-Nya yang sangat marah kerana pendedahan-Nya akan sifat mereka yang berdosa: “*Apabila kamu meninggikan Anak Manusia pada kayu salib,*” kata-Nya, “*barulah kamu tahu bahawa `Akulah Dia yang menyebut diri-Nya AKU'. Kemudian kamu akan tahu bahawa tiada sesuatu pun yang Aku lakukan menurut kehendak-Ku sendiri. Aku hanya mengatakan apa yang diarahkan oleh Bapa kepada-Ku*” (Yohanes 8.28).

Melalui salib Anak-Nya, memang Tuhan mendedahkan dosa kita. Bukan hanya mendedahkannya, tetapi mempamerkannya di depan mata segenap alam semesta. Demikianlah hati manusia yang sudah jauh dan memberontak, yang sekiranya diberikan kesempatan, dengan penjelmaan Tuhan, manusia akan menyalib, dan sebenarnya sudah menyalib, Penciptanya. Melalui salib Anak-Nya, tentunya Tuhan juga menunjukkan

kesucian-Nya yang tidak menyerah kalah. Satu-satunya yang dapat dibuat oleh dosa adalah membangkitkan ketidaksenangan-Nya yang tidak bertolak ansur. Dosa mesti dihukum.

Tetapi pada masa yang sama, dan yang terutama di atas segala yang lain, melalui kematian Anak-Nya, Tuhan meluahkan hati-Nya kepada makhluk ciptaan-Nya. Meskipun mereka telah ditipu oleh Iblis, dan dosa telah menjadikan mereka musuh Tuhan, Dia tetap setia kepada mereka. Dia mengasihi mereka dengan kasih yang hanya boleh dimiliki oleh pencipta terhadap makhluk-Nya. Dia tidak mahu seorang pun di kalangan mereka binasa, melainkan semua orang bertaubat (2 Petrus 3.9). Daripada mereka binasa kerana hukuman dosa, Dia akan membayar hukumannya dengan harga kesengsaraan Anak-Nya sendiri; dan oleh itu bebas untuk menawarkan kepada semua penebusan yang lengkap dan kekal.

Salib mengisytiharkan bahawa Tuhan rindu agar semua orang diselamatkan dan mengenal kebenaran, iaitu, menemukan siapa sebenarnya Tuhan dan bagaimana perasaan hati-Nya terhadap mereka. Untuk menunjukkan bagaimana hati Bapa kepada dunia, Anak telah menyerahkan diri-Nya menjadi penebus bagi semua, untuk memungkinkan kerinduan kasih Tuhan dicapai (1 Timotius 2.3-6). Kasih-Nya yang sempurna rindu melenyapkan segala ketakutan (1 Yohanes 4.18).

Justeru itu, salib Kristus menjadi ungkapan kasih Allah yang sepenuhnya yang pernah ada atau akan ada. Tiada suatu pun atau semua keindahan di syurga sekalipun tidak dapat mengungkapkan dengan sepenuhnya kasih Allah lebih daripada pemberian Anak-Nya di Kalvari. Dengan itu, inilah mesej Tuhan yang terakhir; tiada lagi yang lebih berkuasa atau lebih mulia yang dapat memenangkan iman dan kasih kita.

Persoalannya adalah sama ada kita mengenal kasih Tuhan apabila kita melihatnya atau tidak. Domba, meskipun makhluk sederhana, boleh secara semula jadi mengenal kasih dan penjagaan gembala yang sejati apabila mereka menemukannya. *“Akulah gembala yang baik,”* kata Kristus; *“Gembala yang baik mengorbankan nyawa untuk kawanan dombanya”* (Yohanes 10.11). *“Dengan jalan ini kita mengetahui cara mengasihi orang lain,”* kata Rasul Yohanes (1 Yohanes 3.16), *“Kristus sudah menyerahkan hidup-Nya untuk kita.”* *“Akulah gembala yang baik,”* kata Kristus sekali lagi, *“Sebagaimana Bapa mengenal Aku dan Aku mengenal Bapa, begitu juga Aku mengenal domba-domba-Ku dan mereka pun mengenal Aku. Aku mengorbankan nyawa untuk mereka”* (Yohanes 10.14-17).

Oleh itu, soalnya adalah ini: *“Adakah Yesus ini, yang disalib dan mati di kayu salib untuk kita (seperti yang dikatakan-Nya)—adakah Yesus ini Anak Allah?”* Soalan ini unik. Tiada sesiapa pemimpin agama atau pendiri agama dunia akan pernah berdiri di depan anda, dan memperkenalkan dirinya secara langsung kepada hati anda, yang berkata: *“Akulah Penciptamu. Oleh sebab Aku Penciptamu, Aku mengasihimu seadanya, walaupun engkau berdosa. Buktinya adalah: Aku sendiri mati untukmu.”*

Dengan demikian, pengakuan Kristus itu amat menakjubkan. Tetapi masih ada bukti yang menunjukkan bahawa hal itu benar. Kita akan mempertimbangkan apa bukti tersebut dalam bab yang seterusnya.

11

IMAN

Tanggapan terhadap Bukti (Bahagian 2)

BUKTI YANG DIBERI OLEH KEBANGKITAN KRISTUS

Kebangkitan Yesus Kristus adalah inti agama Kristian. Jelas juga dari Perjanjian Baru bahawa kebangkitan Kristus dan kenaikan-Nya ke syurga bukanlah doktrin teologi yang sukar dipercayai oleh orang Kristian awal. Kedua-duanya adalah peristiwa yang amat berkuasa yang melepaskan kuasa yang amat besar, yang mengubah para pengikut yang mula-mula daripada penakut menjadi pengkhotbah Berita Baik yang tidak dapat dihalang. Kebangkitan Kristus tidak menjadi tekanan atas iman mereka, melainkan menguatkannya seribu kali ganda. Ia memimpin mereka kepada pengalaman dengan Tuhan yang hidup, yang tidak pernah mereka ketahui sebelumnya. Dengarlah cara mereka bercakap:

Melalui Dialah (Kristus) kamu percaya kepada Allah, yang sudah membangkitkan Dia daripada kematian dan memuliakan-Nya. Oleh itu, sekarang kamu percaya kepada Allah dan berharap kepada-Nya dengan sepenuhnya (1 Petrus 1.21).

Pengharapan mereka juga amat diteguhkan. Tanpa Tuhan, kematian adalah akhir segala harapan, perlakuan terakhir yang tidak menghormati tubuh, dan kesia-siaan serta keputusan yang terakhir, yang menamatkan semua usaha untuk kemajuan. Tetapi kebangkitan Kristus mengubah semua itu. Rasul Petrus berkata:

Allah, Bapa Tuhan kita Yesus Kristus! Kerana Dia sangat mengasihani kita, Dia mengurniai kita hidup yang baru, dengan membangkitkan Yesus Kristus daripada kematian. Hal ini memberikan harapan yang kukuh kepada kita. Oleh itu, kita berharap untuk memiliki berkat-berkat yang disediakan oleh Allah bagi umat-Nya. Berkat-berkat itu disimpan-Nya di syurga, supaya tidak dapat rosak, reput, ataupun musnah (1 Petrus 1.3-4).

Dengan segera, orang Kristian melihat bahawa kebangkitan Manusia itu, iaitu Yesus Kristus, membuka pintu masuk ke dalam kemuliaan yang kekal bagi semua orang yang ditebus. Oleh itu, kebangkitan Kristus itulah yang menjadi yang pertama dan janji bagi kebangkitan mereka juga (1 Korintus 15.20-23).

Lagipun, kebangkitan Kristus menghasilkan fenomena yang menakjubkan: orang Kristian awal, bahkan orang yang tidak pernah melihat Yesus, sebenarnya mengasihi Dia. Dengarlah kepada cara mereka bercakap:

Kamu mengasihi Dia meskipun kamu belum pernah melihat Dia. Kamu percaya kepada-Nya meskipun sekarang kamu tidak melihat Dia. Oleh itu, kegembiraan yang kamu alami itu sungguh besar, mulia, dan tidak terkata (1 Petrus 1.8).

Jika ada sesiapa yang berkata, “Saya cinta Tchaikovsky,” anda akan menanggapinya sebagai “Saya cinta muziknya,” bukan “Saya cinta Tchaikovsky secara peribadi.” Tiada sesiapa pun yang akan berkata begitu—ia tidak masuk akal. Tchaikovsky sudah meninggal; dan anda bukanlah orang mati. Seorang balu biasanya akan berkata: “Saya telah mencintai suami saya,” tetapi bukan “Saya sedang mencintai suami saya.”

Tetapi begitulah semua orang Kristian bercakap mengenai Kristus. Bagi mereka, Yesus bukan hanya seorang tokoh sejarah, guru moral pada masa lampau—Dia seorang Peribadi yang hidup. Walaupun mereka tidak pernah melihat Dia, namun mereka mengasihi-Nya, bercakap kepada-Nya (dalam doa), mendengar Dia bercakap secara peribadi kepada mereka (melalui Alkitab), bernyanyi kepada-Nya, menyembah Dia, dan menjalani hidup mereka dengan kuasa-Nya untuk menyenangkan hati-Nya. Itulah jenis iman yang dihasilkan oleh kesungguhan kebangkitan itu.

“Tetapi ia bukan semestinya suatu kenyataan,” kata seseorang. “Semua pengalaman itu berlaku dalam diri orang yang mula-mula mengandaikan bahawa kebangkitan Kristus itu fakta sejarah. Mereka meyakinkan diri mereka sendiri bahawa Yesus itu hidup, membentuk suatu gambaran mental yang didewakan, dan jatuh cinta dengan gambaran tersebut. Tentu sekali hal itu hanya khayalan yang subjektif. Kerana apakah bukti sejarah secara objektif yang ada, yang membuktikan bahawa Yesus benar-benar bangkit dari kematian?”

Jawapannya: ada banyak bukti yang sangat kuat, bukti terkumpul yang berbagai-bagai jenis dan dari sumber yang berlainan. Kita hanya dapat memberikan beberapa contoh di sini.

1. Bukti kubur yang kosong: Jelas dari catatan Perjanjian Baru bahawa para pelawat yang mula-mula pergi ke kubur Kristus, pada hari Ahad selepas Dia dikuburkan, mengharapkan untuk menemukan tubuh-Nya masih di dalam kubur. Mereka telah membawa ramuan untuk mengawet jenazah-Nya, dengan tujuan membuat jenazah itu tahan selama yang mungkin. Apabila mereka melaporkan kepada para rasul bahawa kubur itu kosong, para rasul terkejut; lalu Yohanes dan Petrus dengan serta-merta berlari ke kubur itu untuk cuba menemukan apa sebenarnya yang berlaku (Yohanes 20.1-10). Mereka memberitahu kita apa yang ditemui mereka. Kubur itu bukannya kosong sama sekali. Jenazah itu tiada lagi, tetapi kain kafan yang telah dililit pada jenazah menurut adat penguburan Yahudi, masih di dalam kubur, tetapi kini kain kafan itu terletak begitu saja. Kain yang digunakan untuk membungkus bahagian kepala agak terasing daripada kain yang lain di belebas rendah kubur yang direka khas untuk menopang kepala jenazah.

Dua orang pengikut itu memberitahu kita bahawa bukti inilah yang pertama-tama membuat mereka percaya bahawa Yesus pasti sudah bangkit dari kematian: tubuh itu sudah menembusi kain kafan yang tertinggal tanpa terusik. Apakah lagi penjelasan yang dapat diberikan? Mereka tahu bahawa tiada pengikut lain yang telah memindahkan jenazah itu; mereka atau orang lain pun tidak mungkin berbuat demikian kerana pihak berkuasa sudah menempatkan sepasukan askar pengawal di sekeliling kubur itu, khas untuk menghalang sesiapa pun yang cuba mencuri jenazah itu dan memalsukan kebangkitan.

Askar-askar itulah, selepas mengetahui bahawa jenazah tiada di situ, mulai menyebarkan khabar angin bahawa para pengikut telah datang dan mencuri jenazah tersebut sementara mereka tidur (Matius 27.62-66; 28.11-15). Tetapi cerita ini, mendengarnya pun sudah tidak masuk akal—bagaimana pula mereka melihat apa yang

berlaku jika mereka tertidur? Tetapi pada tahap yang lebih dalam, memang sukar untuk mempercayai bahawa beberapa orang pengikut telah berjaya melepasi pengawal-pengawal, menyingkirkan batu besar yang menutupi kubur, mencuri jenazah itu, menyembunyikannya, lalu dengan sengaja mereka-reka dusta bahawa Yesus sudah bangkit dari kematian. Sukar sekali untuk mempercayai hal ini atas dua sebab berikut.

2. Kelakuan para rasul yang sedang tertekan: Charles Colson ialah salah seorang pembantu Presiden Nixon yang mereka-reka satu cerita palsu untuk menutupi perbuatan jenayah Presiden ketika menceroboh premis-premis penentang politiknya—yang disebut sebagai hal Watergate. Untuk sementara waktu, orang-orang kuat ini berpegang pada cerita palsu mereka. Tetapi apabila tekanan semakin kuat, dan ada ancaman hukuman berat, satu persatu mereka mengkhianati rakan yang lain dan mengakui perkara yang benar. Mereka mendapati bahawa mereka tidak boleh menanggung penderitaan akibat dusta yang telah direka oleh mereka sendiri.

Daripada pengalaman Colson sendiri, dia mengambil kesimpulan ini. Para rasul itu tidak canggih secara politik dan diplomatik. Jika cerita tentang kebangkitan itu adalah dusta yang direka mereka sendiri, maka apabila tekanan yang amat kuat menekan mereka, seperti yang telah segera berlaku, maka mereka tidak dapat bertahan sebagai satu kumpulan: seorang atau beberapa antara mereka akan patah semangat dan mengakui bahawa semua itu adalah palsu belaka. Tetapi tiada seorang pun antara mereka yang patah semangat, bahkan ketika mereka melihat ramai orang dianiaya dan dihukum bunuh kerana dengan ikhlas telah mempercayai cerita mereka mengenai kebangkitan itu, bahkan semasa mereka sendiri mati syahid kerana cerita tersebut.

Namun, sekiranya kita akui bahawa mereka masih dapat bertahan sebagai satu kumpulan meskipun ditekan, bagaimana pula cerita mereka dapat meyakinkan seorang seperti Saulus yang berasal dari Tarsus?

3. Kesaksian Saulus dari Tarsus: Sering dikatakan bahawa bukti kebangkitan Kristus amat dilemahkan oleh fakta bahawa semuanya datang daripada orang Kristian. Tiada orang yang bukan Kristian, dakwa mereka, yang pernah bersaksi bahawa Yesus bangkit dari kematian. Kenyataan itu tidak benar. Semua orang yang bukan Kristian, yang percaya kepada kebangkitan Kristus, telah pun menjadi Kristian. Tetapi perkara yang harus difahami adalah mereka bukan Kristian sebelum mereka percaya kepada kebangkitan-Nya; dan kebangkitan-Nya itulah yang meyakinkan mereka.

Satu kes yang terkenal adalah Saulus dari Tarsus. Sebelum dia bertaubat, bukan saja dia tidak mahu percaya kepada Yesus dan kebangkitan-Nya yang dilaporkan: bahkan dengan giat dia menganiaya semua orang yang mempercayai kebangkitan tersebut. Pertaubatan Saulus dari Tarsus yang akhirnya berlaku, memang merupakan satu peristiwa bersejarah yang tidak dapat dipersoalkan. Dunia masih memperlihatkan kesan-kesannya sehingga sekarang. Apakah yang menyebabkan dia bertaubat? Kristus yang hidup, yang dibangkitkan kata Saulus, yang disangkanya sudah mati dan dikuburkan, telah menjumpainya di jalan raya ke Damsyik (Kisah Rasul 9).

Mungkin ada seseorang yang berkata bahawa Saulus itu kes yang istimewa. Tetapi bukan dia seorang yang telah percaya kepada kebangkitan melalui pengalaman peribadi dengan Kristus yang sudah dibangkitkan.

4. Kelakuan Wanita-Wanita Kristian yang Mula-Mula: Golongan orang pertama yang mula-mula menziarahi kubur Kristus pada hari yang ketiga adalah beberapa orang wanita Kristian yang datang untuk mengawetkan jenazah. Jika mereka dibiarkan sendirian, tentu sekali mereka sudah menjadikan kubur itu suatu tempat suci dan penziarahan agama, seperti yang dilakukan bagi ramai pemimpin agama lain, dan sebenarnya, hal ini dilakukan juga oleh generasi yang percaya pada hal-hal karut dalam dunia Kristian. Tetapi para wanita yang mula-mula melihat kejadian itu tidak berbuat

demikian. Mereka, dan semua orang Kristian awal, langsung meninggalkan kubur tersebut. Mengapa? Kerana mereka mendapatinya kosong, dan kemudian mereka berjumpa dengan Tuhan Yesus Kristus sendiri, yang sudah dibangkitkan dari kematian. Tiada seorang pun yang membina tempat suci bagi orang yang masih hidup! (Matius 28.1-10; Yohanes 20.11-18).

5. Kesaksian para saksi mata: Surat Paulus yang Pertama kepada Jemaah di Korintus adalah salah satu surat Paulus yang mula-mula. Dalam fasal 15 (ayat 3-8), dia meringkaskan Berita Baik. Ia merangkumi bukan saja pengisytiharan bahawa Kristus sudah bangkit dari kematian pada hari yang ketiga, tetapi juga senarai orang yang benar-benar melihat Kristus selepas kebangkitan-Nya. Senarai ini bukan bertujuan memberikan nama kesemua orang; tetapi ia menunjukkan bahawa orang daripada jenis keperibadian yang amat berbeza adalah juga saksi mata. Keadaan masa dan tempat ketika mereka melihat Kristus yang sudah bangkit, juga berlainan: ketika seorang diri; dalam kelompok kecil; yang lain dalam kumpulan yang lebih 500 orang. Kita mengetahui dari bahagian lain bahawa Kristus telah menampakkan diri kepada beberapa orang pada waktu malam, ketika pintu terkunci (Yohanes 20.19-23), kepada orang lain pada waktu siang di lereng gunung (Matius 28.16-20), dan kepada orang lain lagi pada waktu pagi di pantai tasik dekat perahu-perahu nelayan mereka (Yohanes 21), dan kepada orang lain selanjutnya, semasa dalam perjalanan (Lukas 24).

Memang sukar sekali untuk mengatakan bahawa semua peribadi yang berlainan itu telah menjadi mangsa halusinasi atau hipnotis secara beramai-ramai.

Kini, ada banyak lagi bukti sejarah yang dapat dipetik. Tetapi kita harus mempertimbangkan satu lagi bantahan: “Menurut Perjanjian Baru, para rasul harus melihat dan menyentuh Kristus yang sudah dibangkitkan itu, secara fizikal, sebelum mereka bersedia untuk mempercayai kebangkitan-Nya. Bagaimana pula anda mengharapkan saya percaya, kecuali saya juga dapat melihat dan menyentuh Dia?”

Bantahan ini boleh difahami; tetapi ia tidak begitu masuk akal seperti tanggapan yang mula-mula. Mari gunakan satu analogi. Misalkan saya datang dari satu negara yang sangat primitif dan saya tidak pernah melihat lampu elektrik. Apabila saya melawat rumah pangsa anda, anda berkata: “Tekan suis pada dinding di dalam bilik anda, dan akan ada cahaya.” Saya bertanya: “Bagaimana hal itu berlaku?” Anda menjawab: “Cahaya itu dihasilkan oleh elektrik yang datang dari satu bangunan yang disebut stesen tenaga elektrik beberapa batu jauhnya dari sini.” Saya bertanya: “Sudahkah anda melihat elektrik ini?” “Tidak,” anda menjawab. “Pernahkah anda melihat stesen tenaga elektrik itu?” “Saya tidak pernah pergi ke sana,” anda mengaku. Saya bertanya lagi, “Mengapa pula anda percaya kepada stesen tenaga elektrik itu dan elektrik ini, apa pun benda itu?” Anda menerangkan dengan sabar: “Semasa kami mula-mula masuk ke rumah pangsa ini, seorang lelaki melawat kami yang mengatakan bahawa dia datang dari stesen tenaga elektrik. Dia menerangkan bahawa rumah pangsa kami pada masa itu tidak ada sambungan dengan bekalan elektrik, tetapi dia akan kembali ke stesen tenaga elektrik dan membuat penyambungan untuk kami. Kemudian, tenaga elektrik akan mengalir; dan jika kami menekan suis, akan ada cahaya. Kami mempercayai kata-katanya, lalu menekan suis, dan cahaya pun ada. Oleh itu, sekarang masuklah ke bilik anda, tekan suis, dan cahaya akan ada di dalam bilik anda juga.”

Sekiranya saya menjawab, “Tidak, saya tidak bersedia untuk berbuat begitu. Mungkin saya akan menipu diri sendiri sehingga mengkhayalkan bahawa saya melihat cahaya itu ada. Saya masih mendesak agar saya sendiri melihat orang dari stesen tenaga elektrik itu, seperti anda melihatnya sebelum anda menekan suis anda.”

Anda akan berfikir bahawa saya tidak siuman lagi.

Sekarang, para rasul memberitahu kita bahawa Yesus telah memberitahu mereka, ketika Dia belum mati, dan selepas Dia bangkit dari kematian, bahawa dengan sengaja Dia akan meninggalkan mereka. Dia akan kembali kepada Bapa, tempat asal-Nya, agar Dia dapat mengutus Roh Kudus kepada mereka (Yohanes 16.7-14, 28). Mereka perlu tunggu di Yerusalem untuk beberapa hari dan kemudian mereka akan menerima Roh Kudus. Lalu Dia meninggalkan mereka dan naik ke syurga (Kisah Rasul 1.4-9). Mereka mempercayai kata-kata-Nya, menunggu seperti yang diberitahu kepada mereka, dan kemudian menerima Roh Kudus, dan dengan Dia diterima juga terang, kesejahteraan, dan kuasa untuk menjalani hidup dalam persekutuan setiap hari dengan Tuhan.

Kemudian mereka memberitahu orang sezaman mereka bahawa jika mereka bertaubat daripada dosa dan percaya kepada Kristus, mereka juga akan menerima Roh Kudus (Kisah Rasul 2.38). Mereka tidak akan, dan tidak dapat, melihat Roh Kudus; tetapi mereka akan mengalami terang dan kuasa-Nya. Rasul-rasul mengatakan hal yang sama kepada kita pada hari ini. Mereka sendiri harus melihat Kristus yang sudah dibangkitkan agar dapat meyakinkan dunia bahawa Dialah Yesus yang sama, yang hidup bersama-sama mereka selama tiga tahun (Kisah Rasul 1.21-22). Tetapi kita tidak perlu melihat “Orang dari Stesen Tenaga Elektrik” itu. Kita dapat temukan bahawa Dia memang benar-benar hidup tanpa melihatnya. Tekanlah suis pertaubatan dan iman, dan cahaya serta kuasa daripada Roh-Nya akan datang ke dalam hati kita.

Kita mempunyai satu lagi perlindungan daripada bahaya subjektivisme semata-mata. Kebangkitan Yesus bukan hanya kebangkitan manusia biasa. Firman Tuhan dalam Perjanjian Lama adalah buku Tuhan yang mengandungi petunjuk, yang memberitahu orang akan harapan mereka berkaitan dengan apa yang diharapkan Penyelamat itu lakukan apabila Dia datang kelak. Mula-mula Dia akan mati sebagai korban yang telah ditetapkan Tuhan bagi dosa-dosa dunia. Kemudian Tuhan akan mengesahkan korban itu dengan membangkitkan Dia dari kematian (Yesaya 53.4-6, 10-12). Yesus mengaku sebagai Penyelamat itu. Itulah sebabnya Berita Baik agama Kristian bukan hanya mengenai Kristus mati dan bangkit semula. Ia adalah “*Kristus mati kerana dosa kita, sesuai dengan yang tertulis di dalam Alkitab . . . Hal ini juga tertulis di dalam Alkitab: Dia dikuburkan dan pada hari ketiga Dia dihidupkan semula*” (1 Korintus 15.3-4). Bacalah ayat-ayat Alkitab ini; kemudian buktikan dengan tindakan yang sesuai bahawa Berita Baik ini benar.

12

IMAN

Siapa yang Anda Percaya

Setakat ini, dalam beberapa bab mengenai konsep iman, kita telah pertimbangkan alasan-alasannya kita dijemput untuk percaya kepada fakta bahawa Yesus itu Kristus, Anak Allah. Dengan jujur, Alkitab memberikan amaran kepada kita bahawa dengan mempercayai fakta ini, orang terlibat akan menanggung penderitaan yang cukup berat. Oleh itu, iman perlu sangat jelas dalam pemahaman orang. Jika Yesus itu benar-benar Anak Allah, Anak Pemilik alam semesta, Pencipta dan Pemilik segala sesuatu, maka apa-apa kerugian atau penderitaan yang kita timbulkan kerana Dia, tidak bernilai apa-apa jika dibandingkan dengan apa yang kita punyai dalam Dia. Sebaliknya, jika Yesus itu bukan Anak Allah, maka bodohlah kita untuk menanggung penderitaan atau kerugian kerana Dia.

Sekali lagi, untuk sebilangan orang, misalnya, akan berkata, “Kami percaya kepada Kristus dan juga semua agama lain.” Tetapi pemikiran yang terlalu luas seperti itu berbahaya dan tidak logik. Iman dalam Kristus, menurut Perjanjian Baru, bererti percaya bahawa “hanya ada satu Allah dan hanya ada satu yang dapat memimpin manusia kepada Allah, iaitu Kristus Yesus yang datang ke bumi sebagai manusia. Dia telah menyerahkan diri-Nya untuk menyelamatkan manusia daripada dosa” (1 Timotius 2.5-6). Ini bererti percaya bahawa “*Hanya melalui Yesus orang diselamatkan, kerana di seluruh dunia tiada orang lain yang mendapat kekuasaan daripada Allah untuk menyelamatkan kita*” (Kisah Rasul 4.12). Ia bererti mempercayai pengorbanan-Nya bagi dosa itu sudah cukup. Tiada korban lain yang dapat dipersembahkan, dan tiada hal lain yang diperlukan (Ibrani 10.11-12). Mengaku percaya kepada Kristus sebagai Penyelamat dan juga percaya kepada beberapa penyelamat lain bukan bererti iman (bukan juga kepintaran) melainkan ketidakpercayaan.

Tetapi iman Kristian yang sejati bukan hanya bererti mempercayai beberapa fakta: ia juga bererti mempercayai, bergantung pada, dan menyerahkan diri sepenuhnya kepada seorang Peribadi, iaitu Tuhan kita Yesus Kristus. Sedihnya, ada ramai orang yang percaya kepada fakta bahawa Yesus ialah Anak Allah dan Penyelamat dunia, tetapi mereka sendiri belum berserah sepenuhnya kepada-Nya untuk menyelamatkan mereka secara peribadi. Anehnya, inilah pencubaan yang orang beragama (walaupun bukan mereka sahaja) cenderung jatuh.

Ada sebilangan yang berasa tidak perlu menyerahkan diri mereka secara peribadi kepada Kristus. Mereka yakin bahawa usaha mereka sendiri yang ikhlas untuk mentaati hukum Allah dan kekerapan pengambilan sakramen Gereja, akan menolong mereka. Mereka seolah-olah tidak mempedulikan peringatan tegas daripada Tuhan bahawa semua orang yang berpegang kepada hukum sebagai dasar, berada di bawah kutuk (Galatia 3.10-12).

Ada beberapa yang takut menyerahkan diri mereka sepenuhnya kepada Kristus sahaja untuk mendapat penyelamatan. Mereka berasa bahawa Kristus melaksanakan perannya untuk menyelamatkan kita, tetapi kita juga harus melakukan kerja yang cukup banyak untuk menyelamatkan diri kita sendiri. Mereka mendapati bahawa melaksanakan hal ini adalah kerja yang cukup berat, dan dalam hal ini pun mereka tidak pernah pasti sama ada ini cukup untuk menyelamatkan mereka pada akhirnya. Mereka perlu sekali lagi mendengar pada kata-kata Perjanjian Baru yang membawa pembebasan:

Kesimpulannya begini: seseorang berbaik semula dengan Allah, kerana dia percaya kepada Yesus Kristus, dan bukan kerana dia melakukan apa yang diwajibkan oleh Taurat ... Tetapi seseorang yang percaya kepada Allah tidak bergantung kepada usahanya sendiri. Orang itu percaya kepada Allah yang menyatakan orang berdosa bebas daripada dosa. Kepercayaan orang itu menyebabkan dia diterima oleh Allah sebagai orang yang sudah berbaik semula dengan-Nya (Roma 3.28; 4.5).

Apabila seorang penyelamat berenang untuk menyelamatkan seseorang yang dalam bahaya lemas, dia tidak semestinya mencuba untuk menyelamatkan orang itu sebaik sahaja dia mencapainya. Oleh sebab orang itu dalam keadaan cemas, dia masih berjuang untuk menyelamatkan dirinya, lalu memegang penyelamat itu dan dengan itu menghalang usaha menyelamatkan dia. Dengan itu, si penyelamat akan berenang dari jarak yang sedikit jauh, sehingga orang yang hampir lemas itu penat dan tidak berusaha lagi untuk menyelamatkan dirinya sendiri. Kemudian pada saat itu, si penyelamat akan menghampirinya dan melakukan semua usaha penyelamatan. Sering kali, Kristus harus bertindak seperti itu. Dia menunggu sehingga orang mendapati bahawa mereka tidak dapat berbuat apa-apa lagi untuk menyelamatkan diri mereka sendiri; kemudian Kristus mengemukakan diri-Nya kepada mereka sebagai Penyelamat yang melakukan semua kerja penyelamatan.

Orang lain pula mempunyai masalah lain. Apabila menyedari bahawa penyelamatan itu adalah oleh iman, mereka berusaha sedaya upaya untuk percaya. Tetapi meskipun mereka sangat berusaha untuk percaya, mereka merasakan bahawa iman mereka tidak cukup kuat; oleh itu, mereka tidak mempunyai kepastian keselamatan. Kesilapan mereka adalah, secara sengaja atau tidak sengaja, mereka menganggap iman sebagai hasil kerja, yang melayakkan mereka mendapatkan penyelamatan hanya apabila iman mereka itu cukup kuat. Tetapi penyelamatan adalah pemberian yang sejati. Iman tidak menghasilkannya. Iman merupakan tangan yang terhulur dan gementar, seorang pengemis yang hanya menerima pemberian yang tidak dibeli dan tidak layak baginya (Efesus 2.8-9).

Seorang anak kecil akan tertidur dengan gembira dalam pelukan tangan ibunya, dan mempercayai ibunya untuk melindunginya. Iman anak itu kepada ibunya tidak membeli atau mengusahakan penjagaan daripada ibunya, dan anak itu tidak perlu bekerja keras untuk menikmati keamanan yang diberikan dengan percuma oleh kasih ibunya.

Sebaliknya, iman bukan keyakinan diri semata-mata. Ada sebahagian orang, misalnya, yang akan berkata: "Saya mempunyai iman yang besar bahawa sekiranya saya melakukan yang terbaik, akhirnya Tuhan akan berbelas kasihan dengan saya dan memberikan saya penyelamatan." Tetapi iman seperti itu bukanlah yang dikatakan iman oleh Perjanjian Baru, kerana landasan keyakinannya bukan pada Tuhan dan apa yang difirmankan Tuhan, melainkan pada pendapat orang itu sendiri. Sebenarnya, keyakinan seumpama itu, salah tempat dan amat berbahaya.

Misalkan ada seorang ibu yang membeli ubat untuk anaknya. Label itu berkata bahawa ubat itu mesti digunakan di luar sahaja: ubat itu mengandungi racun sekiranya ia

dimakan. Tetapi ibu itu tidak baca pun labelnya dan memberikan satu sudu besar ubat itu kepada anaknya untuk diminum. Dia berasa yakin bahawa ubat itu akan menyihatkan anaknya. Tetapi adakah itu benar? Tentu sekali tidak. Anak itu mungkin sekali mati. Oleh itu, keyakinan hanya sah apabila ia berasaskan pada Tuhan, dan pada firman Tuhan.

Berikut adalah satu lagi perbezaan yang penting: iman bukan perasaan. Ramai orang (walaupun bukan setiap orang), semasa mereka mula-mula percaya kepada Kristus dan menerima pengampunan yang penuh atas dosa dan keyakinan akan penyelamatan, mereka mengalami kelegaan emosi yang amat besar, dan perasaan yang sangat gembira. Pengalaman ini baik. Tetapi selepas beberapa waktu, perasaan ini dengan sendirinya akan reda. Pada saat itu, jika iman mereka bergantung pada perasaan mereka dan bukan pada Kristus, mereka akan berfikir bahawa kemungkinan mereka sudah kehilangan penyelamatan, atau tidak pernah pun mendapatkannya. Oleh itu, kita tidak boleh mengelirukan iman dengan perasaan. Sebenarnya, iman kepada Tuhan kadang-kala boleh menyebabkan kita berasa sedih dan sakit, misalnya semasa firman Tuhan menyedarkan kita tentang perbuatan salah dan kerosakan yang diakibatkannya, atau ketika kita mendapati bahawa Tuhan menghendaki kita berhenti daripada beberapa amalan yang tidak beretika yang kita biasa gunakan untuk mendapatkan wang, atau apabila kita harus menanggung penderaan ataupun penganiayaan kerana kita orang percaya. Oleh itu, kita harus menjadikan firman Tuhan, dan bukan perasaan kita, sebagai pemimpin mutlak kita.

Andaikan ada seorang wanita yang tinggal di sebuah rumah pangsa di tingkat lima suatu bangunan. Rumah pangasanya terbakar. Lalu seorang ahli bomba muncul di luar tingkapnya, di atas sebuah tangga panjang. Ahli bomba itu masuk ke dalam rumah pangsa itu dan memberitahu wanita tersebut bahawa dia harus mengizinkan ahli bomba itu mengangkatnya turun melalui tangga itu. Wanita tersebut bersetuju dan mempercayakan dirinya pada orang itu. Tetapi apabila dia melihat ke bawah dan nampak tanah jauh di bawah, dia dipenuhi perasaan takut. Tetapi perasaannya tidak mempengaruhi keselamatannya. Ahli bomba itu memegangnya dengan pegangan yang amat kuat, dan membawa dia turun dengan selamat. Oleh sebab itu, sekali kita menaruh iman kepada Kristus sebagai Penyelamat, maka kekuatan-Nya dan kesetiaan-Nya itulah yang menjamin penyelamatan kita. Perasaan kita tidak ada kena-mengena dengan keselamatan kita.

IMAN MERANGKUMI TINDAKAN MEMBUAT PENILAIAN MORAL

Mungkin ada seseorang yang berkata: “Jika saya percaya kepada Kristus untuk memberi saya keselamatan hidup yang kekal, bagaimana saya tahu bahawa saya memilikinya?” Berikut adalah jawapan Perjanjian Baru untuk soalnya itu:

Kita percaya kepada kesaksian manusia; tetapi kesaksian Allah lebih kuat lagi. Itulah kesaksian yang diberikan oleh Allah tentang Anak-Nya. Oleh itu, sesiapa yang percaya kepada Anak Allah, mempunyai kesaksian itu di dalam hatinya. Tetapi sesiapa yang tidak percaya kepada Allah, menjadikan Allah pendusta, kerana orang itu tidak percaya kepada apa yang difirmankan Allah tentang Anak-Nya. Inilah kesaksian itu: Allah sudah memberi kita hidup sejati dan kekal, dan hidup itu berasal daripada Anak-Nya. Sesiapa yang mempunyai Anak Allah, mempunyai hidup itu; dan sesiapa yang tidak mempunyai Anak Allah, tidak mempunyai hidup itu. Aku menulis surat ini kepada kamu yang percaya kepada Anak Allah, supaya kamu tahu bahawa kamu sudah mempunyai hidup sejati dan kekal (1 Yohanes 5.9-13).

Bahagian Firman Tuhan sendiri ini memberitahu kita bahawa orang yang percaya kepada Kristus boleh yakin benar bahawa dia mempunyai hidup yang kekal, atas dua alasan.

1. Kerana demikianlah firman Tuhan! Tindakan tidak mempercayai Tuhan apabila Dia memberitahu kita sesuatu menyatakan bahawa Dia pendusta.

Firman Tuhan itu jelas, mudah difahami, dan berterus-terang:

Inilah kesaksian itu: Allah sudah memberi kita hidup sejati dan kekal, dan hidup itu berasal daripada Anak-Nya. Sesiapa yang mempunyai Anak Allah, mempunyai hidup itu; dan sesiapa yang tidak mempunyai Anak Allah, tidak mempunyai hidup itu.

Penerangan ini seharusnya menjawab persoalan setiap orang percaya.

Andaikan saya berjumpa dengan anda untuk kali yang pertama dan bertanya siapa nama anda, dan anda menjawab, "Ludmilla." Dan misalkan pada masa itu juga ada orang lain yang datang dan berkata kepada saya, "Siapa nama wanita itu?" dan saya menjawab: "Saya tidak tahu. Dia kata Ludmilla. Tetapi saya pun tidak pasti." Bagaimana perasaan anda? Anda akan berasa sangat marah, kerana dengan tidak mempercayai apa yang telah anda beritahukan kepada saya, maka saya menyatakan bahawa anda pendusta. Dengan itu, saya mempersoalkan karakter moral anda. Hal itu serius, tetapi perbuatan tidak mempercayai firman Tuhan jauh lebih serius, dan dengan itu mempersoalkan karakter Tuhan. Oleh itu, mempercayai Tuhan, merangkumi membuat penilaian terhadap karakter moral-Nya: adakah Dia boleh dipercayai? Adakah Dia bercakap benar?

Masalah manusia bermula semasa di Taman Eden, apabila Iblis menipunya dan membuat dia mempersoalkan firman Tuhan dan sehingga dia diasingkan daripada Tuhan (Kejadian 3.1-7). Pengasingan itu disingkirkan apabila manusia bertaubat dan menaruh iman dengan sepenuhnya pada firman dan karakter Tuhan yang tidak dapat berdusta.

2. Kerana "sesiapa yang percaya kepada Anak Allah, mempunyai kesaksian itu di dalam hatinya" (1 Yohanes 5.10). Andaikan anda sakit, dan seorang doktor menawarkan ubat kepada anda dan berkata, "Makanlah ubat ini, dan anda akan sembuh." Mula-mula anda harus mengambil keputusan sama ada mempercayai dia atau tidak. Adakah kelayakannya sah? Adakah anda pasti bahawa apa yang diberikannya kepada anda itu ubat yang baik dan bukan racun? Tetapi misalkan anda mengambil keputusan bahawa dia seorang doktor yang berkelayakan baik dan orang yang karakternya boleh dipercayai. Anda akan memakan ubat itu; dan semasa ubat itu memberi kesan pada anda dan menyembuhkan anda, maka anda mempunyai bukti dalam diri anda bahawa doktor itu benar dan ubat itu baik.

Dengan cara yang sama, Tuhan menawarkan hidup yang kekal kepada kita sebagai satu anugerah. Jika kita percaya kepada-Nya, kita akan menyedari bahawa kita mempunyai anugerah ini, pertama, kerana Tuhan memberitahu kita demikian, tetapi juga kerana perubahan yang benar-benar berlaku di dalam hidup kita.

KEHIDUPAN IMAN

Di bahagian awal bab ini, kita telah belajar bahawa apabila sampai kepada menerima penyelamatan, iman adalah lawan perbuatan.: "*oleh iman*" bererti "*bukan dengan perbuatan.*" Sekarang kita belajar bahawa iman yang sejati memimpin kepada, atau menghasilkan perbuatan. Memang benar bahawa iman yang tidak menghasilkan perbuatan bukanlah iman yang sejati. Jika ini kedengarannya bercanggah, pertimbangkan analogi yang berikut.

Seorang petani mempunyai jantung yang sangat lemah sehingga dia tidak boleh bekerja lagi. Seorang kawannya, seorang doktor bedah, menawarkan untuk membuat pembedahan pemindahan jantung sebagai pemberian daripadanya. Petani itu mempercayai doktor bedah tersebut, mempercayakan dirinya kepada doktor itu, dan pemindahan jantung baru itu berjaya. Hasilnya, petani itu mendapati dirinya penuh dengan semangat dan tenaga baru, dan bekerja dengan gembira, bukan untuk mendapatkan jantung yang baru, tetapi kerana dia sudah mendapatkannya.

Oleh itu, Tuhan memberi kepada setiap orang yang percaya kepada Kristus anugerah rohani yang berupa hati yang baru. Ia adalah anugerah percuma yang tidak diperoleh dengan bekerja. Tetapi bersama dengan hati yang baru itu ada juga hidup baru, kekuatan, sasaran, niat, dan keinginan yang gemar diguna pakai dalam pelayanan Kristus (lihat Yehezkiel 11.19-20). Tentu sekali inilah matlamat penyelamatan, sebagaimana yang ditunjukkan oleh Paulus kepada orang yang baru percaya kepada Kristus. Ayat-ayat yang mencatat peringatannya kepada mereka bahawa mereka telah diselamatkan melalui iman dan bukan perbuatan, disusuli oleh ayat-ayat yang memberitahu mereka bahawa “*Allah telah menjadikan kita untuk mengamalkan perbuatan baik, yang sudah disediakan-Nya untuk kita lakukan*” (Efesus 2.8-10).

Selain itu, setiap langkah dalam perjalanan hidup menjadi panggilan kepada latihan iman yang berterusan; dan iman, seperti otot, akan menjadi semakin kuat apabila ada latihan. Iman akan membolehkan orang percaya itu untuk hidup dan bekerja menurut perintah Kristus. Iman akan menguatkan dia untuk mengikut teladan wira-wira iman sepanjang zaman, yang telah melalui dan mengatasi cabaran-cabaran yang besar, atau menanggung penderitaan yang berat demi Tuhan (lihat Ibrani 11).

Lagipun, Tuhan akan mengizinkan iman untuk diuji, kadang-kadang dengan amat berat, agar ia dibuktikan sebagai iman yang sejati. Dengan itu, iman dimurnikan sebagaimana emas dilebur untuk membersihkannya daripada sanga, dan menjadikan emas lebih berharga (1 Petrus 1.6-7). Tetapi orang percaya itu diyakinkan bahawa Tuhan tidak akan membiarkan dia dicubai lebih daripada apa yang dapat ditanggungnya (1 Korintus 10.13). Tentu sekali Kristus oleh doa syafaat-Nya, akan meneguhkan imannya, dan jika ia jatuh, Dia akan memulihkannya, seperti yang dilakukan-Nya untuk Petrus lama dahulu (Lukas 22.31-32; Ibrani 7.25).

Iman akan memberikan kuasa kepada orang percaya itu untuk tetap berpegang kepada doktrin asas Kristian, yang disebut oleh Perjanjian Baru sebagai “*percaya kepada Kristus*.” Seperti yang ditulis oleh Paulus, kita “*Berjuanglah sungguh-sungguh untuk hidup sebagai orang Kristian yang setia*” (1 Timotius 6.12-16). Iman akan sesungguhnya menuai pahalanya:

Aku sudah berusaha dengan sebaik-baiknya dalam perlumbaan dan aku sudah sampai di garis akhir. Aku tetap setia kepada Kristus sampai akhir. Sekarang hadiah kemenangan menantikan aku. Pada Hari Kiamat, Tuhan, Hakim yang adil akan menyerahkan hadiah itu kepadaku, kerana aku telah hidup menurut kehendak-Nya. Bukan aku sahaja yang akan menerimanya, tetapi juga semua orang yang menantikan kedatangan-Nya dengan penuh kerinduan (2 Timotius 4.7-8).

13

PEMURNIAN

Sebagaimana Bapa, Begitulah Anak

Dalam fasal ini, kita mempelajari istilah *pemurnian*. Ia menandakan proses yang digunakan Tuhan untuk mengubah orang berdosa menjadi umat Allah. Kini Perjanjian Baru, pada umumnya, penuh dengan kejutan bagi orang yang belum biasa dengannya; tetapi lebih-lebih lagi dalam penggunaannya dengan perkataan ‘kudus.’ Dalam percakapan biasa, gelaran ‘Santo’ sering digunakan sebagai gelaran penghormatan bagi rasul-rasul Kristian, St. Petrus, St. Paulus, dsb.; dan juga digunakan bagi orang yang dianggap sudah mencapai tahap kesucian yang tinggi dalam hidup mereka, seperti St. Symeon atau St. Sophia.

Bagaimanapun, penggunaan Perjanjian baru amat berbeza dengan itu. Tidak pernah dalam teks asli (judul Surat-Surat bukan asli: itu ditambah kemudian) rasul-rasul secara perseorangan dirujuk sebagai St. Petrus, atau St. Paulus, dsb., (meskipun secara berkumpulan, para rasul dan nabi kadang-kala dirujuk sebagai ‘*para rasul dan nabi yang mengabdikan diri kepada Allah*’) (Efesus 3.5; 2 Petrus 3.2). Sebaliknya, semua orang Kristian tanpa kecuali, selalu dirujuk sebagai umat Allah. Apabila dikatakan dalam Kisah Rasul 9.32, misalnya, bahawa Petrus “*melawat umat Tuhan yang tinggal di Lida,*” ini tidak bermaksud dia melawat beberapa orang Kristian tertentu sahaja: ‘umat Tuhan’ adalah cara biasa untuk merujuk kepada semua orang Kristian yang tinggal di suatu tempat.

Lebih mengejutkan lagi adalah surat Paulus kepada jemaah di Korintus yang menunjukkan bahawa kelakuan jemaah di sana tidak layak. Bagaimanapun, dalam kata-kata pembukaannya, dia menyapa semua anggotanya sebagai “*semua orang yang sudah dipanggil oleh Allah untuk menjadi umat-Nya kerana hidup bersatu dengan Kristus Yesus*” (1 Korintus 1.2).

Kata-kata seperti itu bukan di permukaan sahaja, ataupun pujian secara diplomatik. Ia mengalir dari hati Injil. Beberapa orang di kalangan orang percaya di Korintus, dahulunya adalah orang yang amat cabul; semua mereka adalah orang berdosa; ramai di kalangan mereka yang secara rohani masih lemah dan belum matang. “*Tetapi,*” kata Paulus, “*Tuhan Yesus Kristus dan kuasa Roh daripada Allah kita membersihkan kamu daripada dosa, menjadikan kamu umat Allah, dan membolehkan kamu berbaik semula dengan Allah*” (1 Korintus 6.11). Dengan berkata demikian, Perjanjian Baru bukan bermaksud bahawa orang yang telah dimurnikan itu tidak perlu berusaha untuk meningkatkan kesucian secara praktikal. Tetapi ia memang menegaskan bahawa begitulah hasil pengorbanan Kristus, bahawa semua orang yang menaruh iman kepadanya diisytiharkan Tuhan sebagai sungguh-sungguh dimurnikan dan layak disebut orang salih.

Untuk melihat bagaimana perkara ini berlaku, marilah bermula dengan takrif ‘kesucian’. Kemurnian mempunyai dua segi, satu negatif dan yang satu lagi positif.

1. Negatif, kerana melibatkan pengasingan daripada kekotoran dan kenajisan, dengan kata lain pemurnian.

2. Positif, kerana melibatkan pengasingan untuk Tuhan dan pelayanan-Nya, dengan kata lain pengabdian.

Kedua-duanya dinyatakan di dalam Ibrani 9.13-14. Di sini penulis membandingkan cara pemurnian purba orang Yahudi dengan cara orang Kristian. Dia menghubungkan pemurnian dengan pembasuhan daripada kekotoran dan dengan pengabdian kepada pelayanan kepada Tuhan.

Darah kambing dan darah lembu jantan, serta abu daripada korban anak lembu, dipercikkan ke atas orang yang najis menurut peraturan agama. Perbuatan itu menyucikan mereka daripada semua yang menajiskan mereka. Jika orang dapat disucikan dengan cara itu, darah Kristus lebih berkuasa pula! Melalui Roh yang kekal, Kristus mempersembahkan diri-Nya sendiri kepada Allah sebagai korban yang sempurna. Darah-Nya akan menyucikan hati nurani kita daripada upacara agama yang sia-sia, supaya kita boleh mengabdikan diri kepada Allah yang hidup (Ibrani 9.13-14).

Selanjutnya, kita seharusnya melihat bahawa Perjanjian Baru bercakap mengenai 'pemurnian' yang dicapai dalam tiga tahap: permulaan, progresif, dan akhir.

PEMURNIAN TAHAP PERMULAAN

Pertama, perhatikan bagaimana pemurnian yang mula-mula dilakukan:

1. Oleh persembahan tubuh Kristus:

Itulah sebabnya pada masa Kristus hampir datang ke dunia, Dia berkata kepada Allah, Engkau tidak menghendaki korban dan persembahan, tetapi Engkau sudah menyediakan tubuh bagi-Ku ... Lalu Aku berkata, Inilah Aku, ya Allah, Aku datang untuk melakukan kehendak-Mu, Yesus Kristus melakukan kehendak Allah, dan mempersembahkan diri-Nya sendiri sebagai korban. Hal itu dilakukan-Nya satu kali sahaja untuk selama-lamanya. Dengan persembahan itu, kita semua dibersihkan daripada dosa (Ibrani 10.5, 7, 10).

Oleh itu, bukanlah dengan usaha kita sendiri untuk mentaati perintah Tuhan dan untuk melakukan kehendak-Nya kita menjadikan diri kita sebagai umat Tuhan. Segala usaha kita untuk tujuan itu akan gagal mencapai kemurnian, kesucian, dan pengabdian yang dituntut oleh Tuhan. Injil bermaksud kita dijadikan suci dan berkenan kepada Tuhan kerana perbuatan seorang Peribadi—bernama Kristus. Memang kehendak Tuhan bagi-Nya untuk mempersembahkan tubuh-Nya sebagai korban yang tidak berdosa dan sebagai Pengganti kita; dan Dia melakukannya satu kali untuk selama-lamanya apabila Dia mempersembahkan diri-Nya kepada Tuhan di atas kayu salib. Pengorbanan itulah, dan bukan usaha kita, yang membuat kita, meskipun kita banyak kegagalan, diterima oleh Tuhan.

2. **Darah Kristus:** (lihat Ibrani 9.13-14.) Tiada seorang pun dapat melayani Tuhan yang hidup dengan baik jika hati nuraninya dicemarkan oleh perasaan bersalah. Perasaan bersalah menjadi bayangan dan keadaan reput serta mengerikan terhadap seluruh peribadi manusia dan atas semua yang dilakukannya. Pertambahan kegiatan agama daripada pihak kita tidak boleh menghilangkan pencemaran itu. Upacara agama dan pembasuhan ritual pun tidak (lihat Matius 15). Tetapi apa yang kita tidak dapat lakukan, boleh dilakukan

oleh darah Kristus: kerana “*darah Yesus, Anak-Nya, membersihkan kita daripada segala dosa*” (1 Yohanes 1.7). Ia membersihkan hati nurani kita dan membebaskan kita untuk melayani Tuhan yang hidup.

Oleh itu, darah Kristus melakukan unsur yang kita sebut negatif dalam pemurnian, iaitu pembersihan daripada pencemaran. Apakah yang menghasilkan unsur dipihak lain dalam pemurnian, iaitu pengabdian yang positif kepada Tuhan?

Pada pihak Tuhan, ini dihasilkan oleh pekerjaan Roh Kudus dalam hati kita, menyedarkan kita akan dosa, mendekatkan kita kepada Penyelamat, menyatakan jalan penyelamatan Tuhan bagi kita, dan menanamkan di dalam diri kita, dengan kuasa kelahiran baru daripada-Nya, hidup Tuhan sendiri dengan segala potensi untuk mengembangkan hidup yang suci.

Dia menyelamatkan kita, bukan kerana perbuatan baik kita, tetapi kerana belas kasihan-Nya. Allah menyelamatkan kita melalui Roh-Nya yang mengurniakan kita kelahiran baru dan hidup baru dengan membasuh kita (Titus 3.5).

Kamu dipilih sesuai dengan rancangan Allah Bapa, dan dijadikan umat-Nya yang suci oleh Roh Allah, supaya kamu taat kepada Yesus Kristus dan disucikan oleh darah-Nya (1 Petrus 1.2).

Pada pihak kita pula unsur negatif dan positif dalam pemurnian dilaksanakan dalam hati kita oleh iman:

Allah yang mengenal hati manusia ... mengurniakan Roh Allah kepada mereka [bukan Yahudi] seperti yang sudah dikurniakan-Nya kepada kita [Yahudi] ... Dia mengampunkan dosa mereka kerana mereka percaya (Kisah Rasul 15.8-9).

Sebagai respons kepada pekerjaan Roh Kudus di dalam hati kita, kita membuang kepercayaan dalam diri kita sendiri untuk memperoleh penyelamatan, dan menaruh kepercayaan sepenuhnya kepada Tuhan dan pengorbanan Kristus, yang menghasilkan perubahan asas dalam sikap hati kita. Pengasingan yang lama dan permusuhan dengan Tuhan sudah dilenyapkan. Sifat bertindak sesuka hati dan tidak mempedulikan Tuhan sudah lenyap. Sebagai ganti, Roh Kudus menyedarkan kita akan kasih Tuhan terhadap kita: “*kerana Allah sudah mencurahkan kasih-Nya ke dalam hati kita. Allah melakukan hal itu dengan perantaraan Roh-Nya*” (Roma 5.5). Dia membuat kita sedar bahawa kini kita sudah menjadi anak-anak Tuhan, berkongsi hidup dan sifat Bapa kita agar secara semula jadi kita memanggil Dia Abba, Bapa kita (Roma 8.14-17), dan mengenal kewajiban dan kemungkinan untuk menjadi suci sebagaimana Bapa kita itu suci (1 Petrus 1.14-16).

Pada masa yang sama, kita mendapati bahawa “*Melalui Kristus, kita semua--orang Yahudi mahupun bukan Yahudi--dapat datang ke hadirat Bapa dengan pertolongan Roh Allah yang satu*” (Efesus 2.18). Keadaan ini tidak begitu pada mulanya. Dalam abad-abad sebelum kelahiran, kehidupan, dan kematian Kristus, korban-korban yang dipersembahkan oleh orang Israel demi dosa mereka, hanyalah lambang. Korban itu tidak boleh membuang dosa mereka, kerana sebenarnya mereka tidak membayar hukuman dosa tersebut. Akibatnya, orang Israel biasa hanya dibenarkan masuk ke halaman luar khemah Tuhan atau Rumah Tuhan di dunia. Para imam masuk ke dalam Bilik Suci tetapi tidak lebih jauh. Hanya Imam Agung yang dibenarkan masuk ke dalam Bilik Maha Suci, tempat takhta Tuhan.

Tetapi sekarang, setelah Kristus datang untuk mempersembahkan korban yang sempurna bagi dosa, semua itu sudah berubah. Kristus sudah menyempurnakan mereka yang sedang dimurnikan, untuk selama-lamanya (Ibrani 10.14). Oleh itu, semua orang percaya, dan bukan hanya beberapa orang terpilih, sudah mempunyai—bahkan sekarang, di sini di bumi—hak untuk masuk secara rohani ke hadirat Tuhan di Bilik Maha Suci, iaitu di syurga, dan keyakinan untuk masuk dan menghampiri Tuhan. Ibrani 10.19-22 menerangkan bagaimana hal itu boleh berlaku: Yesus sudah membuka jalan bagi mereka melalui darah-Nya, dan hati setiap orang percaya sudah dipercikkan oleh darah tersebut untuk membersihkannya daripada hati nurani yang bersalah, dan tubuhnya, secara gambaran, dimandikan dengan air yang murni (banding Yohanes 13.6-11).

Dengan kenikmatan yang kerap kerana boleh masuk ke hadirat Tuhan, orang percaya sedar bahawa mereka telah dijadikan imam-imam bagi Tuhan, semua mereka, dipersembahkan untuk pelayanan Tuhan oleh darah Kristus (Wahyu 1.5-6; 5.9-10). Oleh itu, Rasul Petrus memberitahu sesama orang percaya:

Hendaklah kamu ... digunakan untuk membina rumah Allah yang rohani. Dengan demikian kamu menjadi imam yang hidup khas untuk Allah dan yang mempersembahkan korban rohani yang berkenan kepada Allah, melalui Yesus Kristus. Tetapi kamu bangsa yang terpilih, imam-imam yang mengabdikan diri kepada Raja, bangsa yang suci, umat Allah sendiri. Allah memilih kamu untuk mengisyiharkan perbuatan-Nya yang luar biasa. Allah sudah memanggil kamu keluar daripada kegelapan supaya masuk ke dalam cahaya-Nya yang gemilang. Dahulu kamu bukan umat Allah, tetapi sekarang kamu umat Allah. Dahulu kamu tidak mengenal rahmat Allah, tetapi sekarang kamu sudah menerima rahmat-Nya (1 Petrus 2.5, 9-10).

Semua ini menghasilkan kasih yang dalam untuk Tuhan dari hati orang percaya. “Kita mengasihi,” kata Rasul Yohanes, “kerana Allah mengasihi kita terlebih dahulu” (1 Yohanes 4.19). Inilah yang menjadi pendorong mereka supaya memberikan hidup untuk melayani Tuhan dengan gembira, di rumah, di sekolah, di kilang atau di pejabat, atau di ladang. “Aku menggesa kamu,” kata Rasul Paulus, “supaya mempersembahkan diri sebagai suatu korban yang hidup, yang khas untuk Allah, dan yang menyenangkan hati-Nya. Demikianlah seharusnya kamu beribadat kepada Allah. Janganlah ikut kebiasaan dunia, tetapi biarlah Allah membaharui cara kamu berfikir, sehingga kamu dapat mengetahui kehendak Allah -- iaitu apa yang baik dan yang menyenangkan hati-Nya, serta yang sempurna” (Roma 12.1-2).

Seruan ini didasarkan pada logik yang tidak boleh dielak. Beberapa ayat di dalam Perjanjian Baru menerangkannya. Berikut adalah satu contoh:

Kami dikuasai oleh kasih Kristus; kami sedar bahawa satu orang, iaitu Yesus Kristus sudah mati untuk semua orang. Hal ini bererti bahawa semua orang juga sudah mati secara rohani. Kristus mati untuk semua orang, supaya orang yang hidup tidak lagi hidup untuk diri sendiri, melainkan untuk Dia yang sudah mati dan dibangkitkan untuk kebaikan mereka (2 Korintus 5.14-15).

Berikut adalah ayat-ayat yang menambahkan lagi pendorong untuk menjalani hidup yang suci:

Kamu tentu tahu bahawa tubuh kamu itu tempat kediaman Roh Allah. Roh itu tinggal di dalam kamu, dan Allah sendiri yang mengurniakan Roh itu kepada kamu. Diri kamu bukanlah milik kamu, tetapi milik Allah. Kamu sudah dibeli oleh Allah dan harganya sudah dibayar lunas. Oleh itu, gunakanlah tubuh kamu untuk memuliakan Allah (1 Korintus 6.19-20).

Di sini kita melihat logik yang sama seperti dahulu: seorang percaya sudah ditebus oleh darah Kristus. Dari sekarang, orang percaya itu dan tubuhnya bukan lagi miliknya. Kedua-duanya kepunyaan Kristus. Tetapi lebih lagi: melalui penebusan Kristus, tubuh orang percaya itu sudah menjadi kediaman Roh Kudus, kerana semasa dia percaya, Tuhan menaruh Roh Kudus-Nya di dalam dia. Dengan itu, kehadiran Roh Kudus di dalam diri seorang percaya, menjadikannya suci dan mengkhususkannya sebagai tempat tinggal Tuhan. Fakta yang mengagumkan ini meletakkan pada orang percaya itu tugas untuk memuliakan Tuhan dalam tubuhnya, dan untuk mengelakkan diri daripada mencemarkan apa yang kini sudah menjadi tempat tinggal Roh Kudus.

Urutan peristiwa ini menarik dan juga memberikan ajaran. Orang percaya itu tidak diberitahu bahawa jika dia pertama-tama membersihkan hidupnya dengan secukupnya, Roh Kudus akan mungkin bersetuju datang dan menjadikan tubuhnya tempat tinggal-Nya. Hal yang sebaliknya berlaku. Kristus, oleh pengorbanan dan darah-Nya, sudah membasuh dan memurnikan tubuh orang percaya dan menjadikannya tempat tinggal Roh Kudus. Oleh sebab hal ini sudah menjadi satu fakta, orang percaya kini bertanggungjawab, dan didorong, untuk mengelak daripada kelakuan yang akan mencemarkan tubuhnya.

Marilah menyimpulkan apa yang telah kita pelajari setakat ini. Pemurnian tahap permulaan, sebagaimana kita menyebutnya, bukan sesuatu yang kita harus usahakan atau capai dengan usaha kita sendiri untuk menjalani hidup yang suci. Ia sesuatu yang dikurniakan Tuhan kepada kita sejak saat kita menaruh iman dalam Kristus: *“Tetapi Allah sudah menjadikan kamu hidup bersatu dengan Kristus Yesus. Melalui Kristus, Allah menjadikan kita bijak. Melalui Kristus juga Allah memungkinkan kita berbaik semula dengan Allah, menjadikan kita umat-Nya yang khas dan membebaskan kita”* (1 Korintus 1.30). Pemurnian tahap permulaan ini menjadikan setiap orang percaya sebagai umat Tuhan. Ia memberi setiap orang percaya kebenaran masuk secara langsung kepada Bapa. Ia mengkhususkan setiap orang percaya supaya menjadi imam bagi Tuhan, untuk mempersembahkan kepada Tuhan korban-korban rohani dan untuk memberitahu orang lain kasih dan rahmat Tuhan yang memberikan penebusan. Ia menjadikan setiap tubuh orang percaya sebagai rumah Tuhan yang suci, tempat tinggal Roh Kudus. Ia menciptakan di dalam diri setiap orang percaya suatu kesedaran yang pasti bahawa kini dia sudah menjadi anak Tuhan, dengan hidup Bapa-Nya sendiri di dalam dia, dan oleh itu memiliki segala potensi untuk menjadi suci sebagaimana Bapa itu suci. Dan ia menghasilkan dalam diri setiap orang percaya, kasih serta kesyukuran kepada Tuhan dan Kristus, yang mendorong dia untuk menjalani hidup yang penuh pengabdian kepada Peribadi-Peribadi Tuhan. Bukan hanya kasih kepada Tuhan dan Kristus, tetapi juga kasih kepada semua orang, apa pun keturunan atau bangsa mereka, yang juga dilahirkan daripada Bapa yang sama (1 Yohanes 5.1).

Tetapi pada tahap ini, mungkin ada orang yang membantah: “ini membuatnya kedengaran terlalu mudah. Bukankah Alkitab sendiri menggambarkan kehidupan Kristian sebagai hidup yang penuh dengan pergelutan, perjuangan, dan peperangan?” Ya, memang pun demikian dan kita akan melihatnya dalam bab yang selanjutnya.

14

PEMURNIAN

Anak Bukan Hamba

Dalam bab sebelum ini kita telah mempelajari pemurnian tahap permulaan; sekarang kita mesti mengkaji apa yang dimaksudkan oleh Perjanjian Baru dengan pemurnian tahap progresif dan kemudian pemurnian tahap akhir.

PEMURNIAN PROGRESIF

Perkara pertama yang kita lihat di sini adalah fakta yang jelas: Alkitab mendesak bahawa sementara orang dimurnikan dan menjadi umat Tuhan yang sejati sejak saat mereka menaruh iman kepada Kristus (seperti yang kita lihat dalam bab sebelum ini), mereka masih terus-menerus perlu untuk *“menyucikan diri daripada segala yang menjajiskan jiwa dan raga kita. Hendaklah kita takut akan Allah, supaya kita dapat mengamalkan hidup yang khas untuk Dia dengan sepenuhnya”* (2 Korintus 7.1). Perhatian terhadap hal ini akan menyelamatkan kita daripada kesalahan yang lazim. Alkitab memang mengajar bahawa orang dibenarkan oleh iman, oleh rahmat Tuhan semata-mata dan bukan berasaskan perbuatan manusia atau pencapaian kerohaniannya sama ada sebelum atau selepas pertaubatannya (Roma 3.19-28). Tetapi hal ini tidak bererti, sebagaimana yang disalah anggap oleh banyak orang, bahawa sekali dibenarkan oleh rahmat, seseorang bebas untuk menjalani hidup yang berdosa. Dengarkanlah bantahan Paulus yang berganda tegasnya: *“Jika demikian, apakah yang harus kita katakan? Haruskah kita terus-menerus berbuat dosa supaya rahmat Allah semakin bertambah? Tentu tidak! ... Apakah kesimpulannya sekarang? Bolehkah kita berdosa, kerana kita sekarang hidup di bawah rahmat Allah dan tidak di bawah kuasa Taurat? Tentu tidak!”* (Roma 6.1-2, 15).

Lagipun, Paulus menerangkannya dengan sejelas-jelasnya bahawa apabila Kristus bertindak untuk menyelamatkan kita, dia bukan sahaja mengampunkan dosa kita, Dia juga mendesak untuk menjadikan kita lebih suci. Pertaubatan yang sebenar, katanya mengingatkan orang yang baru bertaubat (Efesus 4.17-24), melibatkan persetujuan yang teguh dengan Kristus dari permulaan sampai akhir *“buanglah cara hidup yang lama,”* iaitu gaya hidup lama yang berdosa, dan *“Hendaklah kamu hidup seperti manusia baru,”* iaitu gaya hidup yang Tuhan sendiri reka bagi orang yang hubungannya sudah dipulihkan dengan Tuhan. Hal ini bererti selalu aktif berusaha untuk *“menanggalkan”* dan *“memakai”* sepanjang hidup seseorang. Dengan kata lain, bagi orang yang telah dibenarkan oleh iman kerana rahmat Tuhan semata-mata dan bukan berasaskan pekerjaannya, pemurnian progresif bukan suatu pilihan. Menurut Perjanjian Baru, hal ini wajib. Sesiapa yang menolak kewajipan ini bukan orang percaya yang sejati.

Tetapi sekarang lihatlah dengan cara apa pemurnian progresif ini dicapai.

Pada dasarnya ada dua cara untuk melaksanakannya. Kedua-dua cara ini melibatkan tindakan positif dan ketekunan dari pihak kita. Tetapi cara yang satu adalah salah, dan cara yang satu lagi adalah benar. Satu cara adalah cara hamba; cara ini tidak berkesan dan menuju kepada kekecewaan dan kecemasan (lihat Roma 7.7-25). Cara yang satu lagi adalah cara anak-anak Tuhan yang dilahirkan dalam kebebasan dan cara itu membawa mereka kepada persekutuan yang semakin mendalam dengan Bapa mereka dan pemikiran serta kelakuan yang semakin sama dengan-Nya (lihat Matius 5.43-48). Ia diringkaskan dengan baik dalam Roma 8.13-17:

Jika kamu hidup menurut tabiat manusia, kamu akan mati; tetapi jika dengan kuasa Roh Allah kamu mematikan semua perbuatan kamu yang berdosa, kamu akan hidup. Orang yang dipimpin oleh Roh Allah ialah anak-anak Allah. Roh yang dikurniakan oleh Allah kepada kamu tidak memperhamba kamu, sehingga kamu hidup dalam ketakutan. Sebaliknya Roh Allah menjadikan kamu anak-anak Allah, dan dengan kuasa Roh Allah kita memanggil Allah "Bapa, ya Bapaku" Roh Allah bersama dengan roh kita menyatakan bahawa kita anak-anak Allah. Kerana kita anak-anak Allah, kita akan menerima berkat-berkat yang disediakan oleh Allah untuk umat-Nya. Bersama dengan Kristus, kita juga akan menerima segala yang sudah disediakan oleh Allah untuk Dia, kerana jika kita menderita bersama-sama Kristus, kita juga akan mendapat kemuliaan-Nya.

Masalah dengan kaedah yang salah adalah: ia melihat bahawa hukum Tuhan itu suci, adil, dan baik; bahawa perintah-Nya munasabah; dan bahawa keuntungan daripada mematuhi hukum adalah amat diinginkan (Roma 7.12). Tetapi dari sana ia mengambil kesimpulan bahawa resipi Perjanjian Baru bagi pemurnian progresif adalah ini: "Inilah hukum Tuhan; inilah sepuluh hukum itu; inilah Khutbah Kristus di Bukit; ambillah keputusan, kawallah kehendak anda, berikan usaha yang terbaik untuk mentaatinya, dan anda akan semakin menjadi suci."

Bagaimanapun, pandangan ini tidak memperhatikan tiga fakta yang penting:

1. Manusia sudah terlalu rosak, lemah, dan dicemarkan oleh dosa, sehingga meskipun mereka sangat berusaha, mereka tidak dapat mematuhi hukum Tuhan. Mereka mungkin bersukacita atas hukum Tuhan, mematuhi secara intelektual, dan menentukan dengan segala kekuatan kehendak mereka untuk mentaatinya, sebagaimana yang diakui oleh Paulus bahawa itulah yang dibuatnya (Roma 7.22, 25, 15, 18-19). Tetapi akhirnya mereka akan mendapati, bersama dengan Paulus, bahawa mereka gagal melaksanakannya dengan sepenuhnya. Memang, mereka akan mendapati bahawa jauh di dalam hati mereka, ada suatu kuasa penentangan terhadap pelaksanaan hukum Tuhan, yang bertindak dengan segala tekad seperti kempen tentera untuk mempertahankan penguasaan dosa (Roma 7.23).

2. Dalam keadaan ini, hukum Tuhan, meskipun baik pada dasarnya, tidak dapat memberikan pertolongan kepada orang tersebut. Alkitab berkata bahawa hukum itu tidak dapat mencapai kejayaan, kerana kelemahan manusia (Roma 8.3). Sebenarnya, dengan menumpukan perhatian pada kecenderungan berbuat dosa, hal itu akan menguatkan lagi kecenderungan itu (Roma 7.7-8); dan dengan selalu menitikberatkan kegagalan orang yang kerap berlaku, ia melemahkan kekuatannya untuk mengalahkan semua itu (Rm 7.21-24).

3. Kemudian ada perkara yang ketiga yang kita mudah lupa. Hukum Tuhan memberikan petunjuk kepada kita bagaimana kita seharusnya bertindak, tetapi hal itu lebih daripada itu. Ia berupa perintah ditambah hukuman kerana kegagalan atau ketidaktaatan; dan hukuman akhirnya adalah penolakan oleh Tuhan. Manusia hanya

perlu gagal satu kali, dan kejayaan sebanyak mana pun selepas itu tidak akan dapat membayar balik kegagalan itu atau membatalkan hukumannya. Dalam sistem yang tuntutan adalah kesempurnaan yang terus-menerus, maka tiada kebaikan yang terlalu banyak untuk menggantikan apa-apa ketidaksempurnaan.

Untuk memahami implikasi praktikal hal ini, mari membentuk satu analogi.

Seandainya ada tempat tinggal dan rawatan bagi penghidap penyakit tuberkulosis (TB) di satu lembah di pedalaman. Di hujung satu lembah itu terdapat stesen kuasa nuklear dan ia mula membocorkan sinaran yang tidak kelihatan tetapi boleh membunuh. Maka pihak pemerintah menasihati para pesakit untuk lari menyelamatkan diri. Malangnya, satu-satunya jalan keluar adalah melalui empat genting gunung yang ketinggiannya mencapai 12,000 kaki; dan pemerintah memaklumkan para pesakit bahawa hanya selepas mereka keluar dari banjaran gunung itu mereka akan selamat dari sinaran yang berbahaya tersebut.

Nasihat pemerintah itu memang wajar; sesiapa pun orang yang berfikiran waras memang mahu mengikutinya. Tetapi kebetulan pihak pemerintah tidak dapat, atau tidak, memberikan bantuan kepada para pesakit itu untuk merentasi banjaran gunung: tiada helikopter, tiada bas, tiada kuda atau baghal. Mereka terpaksa berusaha sedaya upaya dengan berjalan kaki. Oleh sebab didorong oleh ketakutan terhadap sinaran yang membunuh, mungkin mereka sangat berusaha untuk melarikan diri, tetapi penyakit mereka akan sangat memperlambatkan mereka sehingga nyata sekali bahawa mereka tidak ada harapan untuk berjaya melintasi banjaran sebelum mereka menyerah kalah kepada penyakit asal mereka, atau kepada keadaan di sekeliling, atau kepada kesan sinaran maut.

Tetapi seandainya pemerintah memberitahu mereka bahawa mereka mesti merentasi banjaran itu dalam tiga hari. Sesiapa yang mengambil masa lebih daripada itu akan terlalu dicemari sinaran maut sehingga menjadi bahaya kepada orang lain pula. Oleh itu, mereka akan ditembak sebaik sahaja mereka muncul. Dalam keadaan mereka yang lemah, mereka dapati bahawa merentasi dua gunung yang mula-mula memakan masa lebih daripada tiga hari yang diperuntukkan. Dengan itu, apa lagi gunanya untuk berusaha merentasi dua gunung yang seterusnya, jika pada akhirnya, meskipun mereka sangat berusaha, mereka harus menghadapi hukuman maut?

Seluruh kekuatan dalam diri kita membantah dan berkata bahawa Tuhan tidak mungkin bertindak seperti itu; dan memang pun Dia tidak sedemikian! Cara-Nya untuk mencapai kemurnian progresif bukan hanya memberi manusia hukum-Nya dan memerintah mereka untuk melakukan yang terbaik untuk mematuhi-Nya. Jika begitu, maka kesudahan mereka tidak berbeza daripada kesudahan pesakit-pesakit tadi. Kasih dan kesedaran terhadap perkara nyata telah menggerakkan Tuhan untuk menyediakan jalan yang berlainan sama sekali.

Langkah pertama Tuhan untuk mematahkan kuasa dosa yang amat membelenggu hidup manusia adalah menyingkirkan daripada mereka hukuman atas kegagalan mereka mematuhi hukum-Nya dengan sempurna. *“Dosa tidak boleh menguasai kamu, kerana kamu tidak lagi hidup di bawah Taurat, tetapi hidup di bawah rahmat Allah”* (Roma 6.14). Kristus, dengan kematian-Nya, telah membayar hukuman itu bagi mereka untuk satu kali dan sampai selama-lamanya (Roma 6.6-11). Oleh itu, pada masa ini, mereka sudah bebas. Sekiranya mereka masih ‘di bawah kuasa hukum’ dan boleh dijatuhi hukuman, maka satu kesalahan, kejatuhan, atau dosa sudah cukup untuk mendatangkan hukuman. Dalam hal ini, segala usaha untuk maju dalam hal pemurnian tidak berfaedah. Dosa sudah mengalahkan serta membatalkan usaha mereka untuk melarikan diri dari kekuasaannya.

Tetapi kini, bukan lagi tidak berguna. Apabila mereka berdosa dan jatuh sementara berusaha, mereka boleh mengaku dosa kepada Tuhan, dan *“Dia akan menepati janji-Nya*

dan melakukan apa yang adil. Dia akan mengampunkan dosa kita dan membersihkan kita daripada segala perbuatan yang salah” (1 Yohanes 1.9). Oleh sebab tiada lagi hukuman yang dihadapi, sama ada sekarang atau pada masa depan, maka mereka bebas untuk bangun lagi dan meneruskan perjuangan menuju kesucian yang progresif.

Langkah kedua yang telah diambil oleh Tuhan untuk mematahkan kekuasaan dosa adalah memberikan bantuan dan kuasa yang tidak mungkin dapat diberikan oleh hukum. *“Saudara-saudaraku, begitu juga halnya dengan kamu. Dari segi Taurat, kamu sudah mati, kerana kamu sebahagian daripada tubuh Kristus. Kamu sekarang menjadi milik Dia yang sudah dibangkitkan daripada kematian (iaitu Kristus), supaya kita menjadi berguna bagi Allah dalam kehidupan kita”* (Roma 7.4). Kita ulang lagi bahawa bukan bererti hukum Tuhan itu jahat, ataupun tuntutan itu tidak dipedulikan. Maksud Tuhan adalah agar kita memenuhi tuntutan hukum tersebut (Roma 8.4). Tetapi hukum itu sendiri tidak dapat memberi kita kuasa untuk berbuat demikian. Oleh itu, jawapan Perjanjian Baru untuk masalah ini, adalah yang kita sebut secara gambaran, “perkahwinan dengan Kristus,” atau seperti dalam ayat-ayat di atas, *“kamu sebahagian daripada tubuh Kristus”* (lihat juga 1 Korintus 6.16-17).

Seorang wanita mungkin tidak henti-henti membaca buku-buku mengenai fisiologi dan rindu sekali mempunyai anak, tetapi dia tiada harapan untuk mendapat anak tanpa suami. Dengan itu, Kristus, yang sudah bangkit dari kematian, menjadi suami yang hidup, mengasihi, dan rohani bagi orang yang percaya kepada-Nya. Dia juga memberikan hidup dan kuasa yang diperlukan agar mereka “menjadi berguna bagi Allah” dalam bentuk kesucian yang progresif.

Nyata sekali bahawa Perjanjian Baru tidak menyatakan perhubungan ini sebagai sesuatu yang menguasai keperibadian orang percaya, sebagaimana seorang wanita yang berkahwin tidak menjadi seperti mesin belaka. Orang percaya masih seorang peribadi yang bertanggungjawab. Dialah yang harus bertekun untuk membuat kemajuan dalam kesucian (2 Petrus 1.1-11), dia yang harus hidup untuk menyenangkan dan melayani Tuhan. Tetapi bukan lagi sekadar membaca petunjuk yang ditulis dalam sebuah buku, atau pada batu tulis seperti sepuluh hukum, lalu cuba melaksanakannya. Cara itu adalah yang disebut “cara lama menurut hukum yang tertulis”:

Tetapi sekarang kita bebas daripada kuasa Taurat, kerana kita sudah mati terhadap Taurat yang dahulu menguasai kita. Kita tidak lagi mengabdikan diri dengan cara lama menurut hukum yang tertulis. Tetapi sekarang kita mengabdikan diri menurut cara baru yang ditunjukkan oleh Roh Allah (Roma 7.6).

Roh Kudus Tuhan, yang menyebabkan hukum Tuhan ditulis di dalam Alkitab sebagai ungkapan sifat Tuhan yang suci, kini tinggal di dalam hidup orang percaya untuk membaharui fikirannya, pandangannya, menyusun semula skala nilainya, menguatkan kehendaknya, mengarah semula cita-citanya, dan menentang keinginannya yang salah. *“keinginan Roh Allah bertentangan dengan keinginan manusia ... sehingga kamu tidak dapat melakukan apa yang kamu inginkan”* (lihat Galatia 5.16-24).

Bagaimanapun, perhubungan antara orang percaya dan Kristus melalui Roh Kudus bukan perasaan yang samar-samar dan kabur, tidak dapat difahami, dan penglihatan yang tak dapat diungkapkan. Kristus akan terus-menerus mengarah fikiran manusia kepada Firman Tuhan. Perjanjian Baru mencatat bahawa sementara Kristus berdoa kepada Bapa-Nya untuk kemajuan pemurnian dalam diri para pengikut-Nya: *“Jadikanlah mereka milik-Mu yang khas melalui firman-Mu yang benar; firman-Mu selalu benar”* (Yohanes 17.17). Sememangnya, orang percaya itu masih boleh memilih sama ada “menanam menurut

tabiat manusianya ... menanam menurut pimpinan Roh Allah, dia akan menuai hidup sejati dan kekal daripada Roh Allah” (banding Roma 8.26-30).

Tiada kepura-puraan di dalam Alkitab kerana kemajuan menurut jalan ini sentiasa lancar. Apabila anak Tuhan menyeleweng dari jalan, seperti yang sering berlaku dengan anak-anak, atau memerlukan semangat untuk meningkatkan kemajuannya, Tuhan sebagai Bapanya tidak ragu-ragu mendisiplinkan dia. Disiplin itu mungkin menyakitkan. Tetapi ia dilaksanakan dengan kasih dan hikmat Bapa agar orang percaya itu dapat melibatkan diri dengan lebih baik dalam kesucian Bapa (Ibrani 12.1-13). Sasarannya itu pasti dan teguh. Sejak dari permulaan kursus itu, orang percaya itu diyakinkan bahawa, setelah dibenarkan oleh iman, dia akan mendapat kemuliaan Tuhan (Roma 5.1-2).

PEMURNIAN TAHAP AKHIR

Dari semasa ke semasa, sebilangan orang telah membentuk pendapat bahawa orang Kristian boleh menjadi sempurna dan tanpa dosa dalam kehidupan ini. Alkitab menafikannya. Selama kita masih tinggal di dunia ini, kita semua harus mengaku bersama dengan Paulus:

Aku tidak berkata bahawa aku sudah berjaya melakukan semua yang harus aku lakukan, ataupun sudah menjadi sempurna. Tetapi aku terus berusaha dengan sungguh-sungguh untuk memenangi hadiah yang disediakan oleh Kristus Yesus. Itulah tujuan Kristus Yesus menjadikan aku milik-Nya (Filipi 3.12).

Pemurnian orang percaya akan disempurnakan pada Kedatangan Kristus yang Kedua Kali. Kemudian orang percaya akan menjadi sama dengan Kristus secara fizikal, moral dan rohani.

Sahabat-sahabat yang aku kasihi! Kita sekarang anak-anak Allah, tetapi keadaan kita kelak belum jelas. Tetapi kita tahu bahawa apabila Kristus datang, kita akan menjadi seperti Dia, kerana kita akan melihat Dia dalam keadaan-Nya yang sebenarnya (1 Yohanes 3.2).

15

PENGHAKIMAN AKHIR

Tuntutan Keadilan

KESEDARAN TERHADAP KEADILAN MENURUT NALURI

Fakta ini memang menarik, apabila anak-anak dalam usia yang masih sangat muda, mengembangkan perasaan yang kuat terhadap apa yang jujur dan adil, dan apa yang tidak adil. “Tidak adil,” kata seorang anak apabila adik lelakinya merebut mainannya dan ibubapanya membiarkan adiknya itu untuk mengambilnya dan bermain dengan mainan itu. “Tidak adil,” kata seorang budak sekolah apabila gurunya menuduh dia dan menghukumnya atas sesuatu yang sebenarnya tidak dilakukannya.

Mungkin semasa kita menjadi lebih dewasa, kehangatan kebencian kita terhadap ketidakadilan menjadi tumpul, kerana kita sudah melihat terlalu banyak hal itu berlaku, dan kita menjadi keras dan sinis. Bagaimanapun, kita masih merasa marah apabila kita melihat seseorang menjadi sangat kaya dengan menjual harta awam dan memasukkan harganya ke dalam saku sendiri. Mungkin kita menyerah kepada hakikat bahawa kita sendiri tidak dapat melakukan apa-apa mengenainya; tetapi kita masih membantah: “Tidak adil”; dan bantahan kita membawa bersamanya, sama ada diucapkan atau tidak, perasaan bahawa seseorang harus berbuat sesuatu: ketidakadilan tidak boleh dibiarkan berterusan; penipuan, pembohongan, pembunuhan, dan semua penyebab kejahatan tidak seharusnya dibiarkan begitu saja tanpa dihukum. Namun sejarah dan pengalaman kita sendiri menunjukkan bahawa itulah yang kelihatannya berlaku. Bahkan pemerintah pun, yang seharusnya bertanggungjawab menghukum penjenayah, terlalu sering bersalah dalam pengambilan rasuah dan kadang-kadang jenayah yang lebih dahsyat lagi. Akhirnya, kematian kelihatannya meragut semua orang tanpa perbezaan, orang yang patuh pada hukum dan yang melanggar hukum, umat Tuhan dan orang berdosa. Justeru itu, bolehkah kita menyimpulkan bahawa jenayah dan dosa, ketidakadilan yang kecil dan besar, tidak akan pernah dihukum; bahawa kesedaran kita terhadap apa yang benar dan salah itu hanyalah ilusi, dan harapan kita terhadap keadilan akan selamanya dikecewakan?

Tidak! Menurut Alkitab, Tuhan sendiri ialah penulis kesedaran kita terhadap apa yang benar dan salah. Sang Pencipta sudah menulis hukum-Nya di dalam hati kita (Roma 2.14-15); dan hati nurani adalah pengawas dalaman-Nya yang memberi kita amaran supaya tidak melanggar hukum, serta bersaksi kepada kita, apabila kita melanggarnya, bahawa kita berbuat salah, dan memenuhi kita, selepas perbuatan jahat itu dilakukan, dengan perasaan bersalah.

Pada suatu hari, Perjanjian Baru meyakinkan kita, Tuhan akan mewajarkan hukum-Nya. Penghakiman Akhir akan datang, yang menjadi judul bab ini. Dalam hal ini, satu lagi istilah digunakan, iaitu ‘Kematian Kedua’. Istilah ini menerangkan bagaimana

keadaan kekal orang yang mendapati diri mereka dihukum pada masa Penghakiman Akhir itu.

Kemudian aku nampak sebuah takhta besar berwarna putih dan Dia yang duduk di atasnya. Langit dan bumi lari dari hadirat-Nya, sehingga tidak kelihatan lagi.

Aku nampak orang yang sudah mati, baik orang besar mahupun orang biasa, semuanya berdiri di hadapan takhta itu. Lalu kitab-kitab pun dibuka dan sebuah kitab lain juga dibuka iaitu Kitab Orang Hidup. Orang yang sudah mati dihakimi menurut perbuatan mereka seperti yang tertulis di dalam kitab-kitab itu. Lalu laut menyerahkan orang mati yang ada di dalamnya. Maut dan alam maut pun menyerahkan orang mati yang di situ. Semua orang mati diadili menurut perbuatan masing-masing. Kemudian maut dan alam maut dibuang ke dalam lautan api. (Lautan api ini kematian tahap kedua.) Sesiapa yang namanya tidak tertulis di dalam Kitab Orang Hidup dibuang ke dalam lautan api (Wahyu 20.11-15).

BILA PENGHAKIMAN AKHIR ITU BERLAKU

Untuk kepentingan setiap peribadi, penghakiman itu berlaku selepas kematian: “*Semua orang mesti mati satu kali, dan setelah itu dihakimi oleh Allah*” (Ibrani 9.27). Tetapi jika kita bertanya berapa lama selepas kematian seorang individu, Penghakiman Akhir itu datang, maka jawapannya adalah: Penghakiman Akhir datang apabila langit dan bumi sudah lenyap, iaitu pada atau selepas dunia kiamat.

Mudah saja melihat mengapa hal itu demikian. Dosa, sekali dibuat, boleh mengakibatkan tindak balas berantai yang terus berlaku lama selepas orang yang melakukan dosa itu meninggal. Misalnya, seorang bapa, mungkin melalui perlakuan kasarnya dan yang tidak mengasihi, menyakiti anak lelakinya secara psikologi. Anak itu, bertumbuh dengan tidak serasi secara psikologi, lalu mungkin berlaku kasar dan menyakiti isterinya, anak-anaknya, sanak saudaranya dan rakan sekerjanya, yang juga akan bertindak balas dengan kelakuan yang tidak baik.

Demikian juga kerosakan dan ketidakadilan yang dilakukan oleh orang zalim terhadap jutaan orang, tidak berhenti apabila orang zalim itu meninggal; ia terus merebak seperti ombak air di dalam kolam. Hanya selepas seluruh tenunan sejarah manusia yang rumit itu dipotong dari alat penenun pada akhir zaman, barulah ada kemungkinan mengandaikan secara penuh dan adil kesan sebenar satu dosa yang dilakukan.

KETELITIAN PENGHAKIMAN

Bahagian Perjanjian Baru, yang dipetik dari Wahyu 20.11-15, berkata: “*Lalu kitab-kitab pun dibuka dan sebuah kitab lain juga dibuka iaitu Kitab Orang Hidup. Orang yang sudah mati dihakimi menurut perbuatan mereka seperti yang tertulis di dalam kitab-kitab itu.*” Kita tidak perlu andaikan bahawa buku catatan Tuhan sama betul dengan buku-buku kita di bumi: perkataan ‘kitab’ di sini adalah suatu gambaran. Tetapi ia mengingatkan kita bahawa Tuhan mempunyai rekod bagi segala sesuatu yang pernah difikirkan, diucapkan, dan dilakukan oleh setiap orang. Kemampuan Tuhan untuk menyimpan rekod seperti itu tidak seharusnya menghairankan kita. Manusia pun, pada masa ini, boleh membuat komputer yang mempunyai bank-memori yang tidak terhad.

Perjanjian Baru juga mengingatkan kita bahawa selepas kematian, orang bukan saja terus wujud, tetapi mereka akan dapat mengingat hidup mereka yang lampau, kemungkinan dengan lebih terperinci berbanding masa mereka hidup (Lukas 16.25). Tuhan akan menghakimi bukan sahaja perbuatan luar tetapi juga rahsia-rahsia manusia

(Roma 2.16). Sebagaimana kita dapat merakam perbuatan kita dalam video, lalu memainkannya semula, agar kita dapat melihat pada masa sekarang, apa yang kita sendiri lakukan dan katakan beberapa tahun yang lalu; demikian juga Tuhan dapat memainkan semula di hadapan orang fikiran rahsia dan perbuatan terbuka mereka sejak bertahun-tahun, atau bahkan berabad-abad, yang lalu.

Penghakiman itu akan menjadi sangat adil, kerana setiap orang akan dihakimi, sesuai dengan ayat-ayat tadi, menurut perbuatannya. Tiada seorang pun yang akan dihukum atau diberikan ganjaran kerana perbuatan orang lain. Lagipun, Hakim itu (yang sememangnya Tuhan Yesus Kristus; lihat Yohanes 5.22, 27-29), akan memperhatikan juga apa yang diketahui orang mengenai apa yang benar dan apa yang salah. Dia sendiri menyatakannya seperti berikut:

Hamba yang mengetahui kehendak tuannya, tetapi tidak bersiap sedia untuk melakukan kehendak tuannya, akan disebat dengan keras. Tetapi hamba yang tidak mengetahui kehendak tuannya, lalu melakukan sesuatu yang salah sehingga dia mesti disebat, akan disebat dengan ringan sahaja. Kepada orang yang telah diberi banyak, daripadanya akan dituntut banyak juga. Orang yang telah diberi lebih banyak, daripadanya akan dituntut lebih banyak juga (Lukas 12.47-48).

Seorang yang kejam mungkin membunuh kerana dia telah dibesarkan sejak bayi lagi dalam suku yang buta huruf, yang mengajar dia bahawa membunuh ahli suku yang berdekatan adalah perbuatan yang baik dan mulia. Perbuatannya adalah dosa menurut pandangan Tuhan; tetapi dia tidak akan dikenakan hukuman seberat ketua pengedar dadah di dalam negara yang bertamadun, yang memang tahu bahawa membunuh itu dosa, tetapi sengaja membunuh ahli-ahli kumpulan pengedar dadah yang bersaing dengan dia.

Hakim itu sudah menyatakan dengan jelas satu lagi prinsip yang akan memimpin penghakiman-Nya:

Kepada orang yang telah diberi banyak, daripadanya akan dituntut banyak juga. Orang yang telah diberi lebih banyak, daripadanya akan dituntut lebih banyak juga (Lukas 12.48).

Seseorang yang mempunyai otak yang terbaik dan kesihatan fizikal yang terbaik, yang menggunakan bakatnya bagi kepentingan diri sendiri untuk mengumpulkan kekayaan tanpa menghiraukan penderitaan orang miskin, dan tidak membuat sebarang usaha untuk mengasihi jirannya seperti dirinya sendiri, akan diperlakukan dengan lebih berat berbanding orang miskin, dan tidak berbakat yang tidak dapat menolong jirannya kerana kemiskinannya sendiri (Lukas 16.19-31).

TUJUAN YANG SAMA BAGI ORANG YANG TIDAK BERTAUBAT & TIDAK PERCAYA

Kemudian, *hukuman* yang dijatuhkan itu berbeza daripada seorang individu dengan individu lain. Sebaliknya, *tujuan* bagi semua orang yang tidak bertaubat dan tidak percaya akan sama. Ia digambarkan di dalam Wahyu 20.11-15 sebagai 'kematian kedua' dan sebagai 'lautan api'.

a) **Kematian Kedua:** Kematian kedua disebut sedemikian untuk membezakannya daripada kematian fizikal seperti yang kita ketahuinya di bumi. Kematian fizikal merupakan pintu yang dilalui oleh manusia untuk masuk ke alam yang tidak kelihatan (kepada kita), yang disebut sebagai Alam Maut (Hades dalam bahasa Yunani, yang

bererti 'Tidak Kelihatan'). Di dalam dunia yang tidak kelihatan itu, roh-roh orang yang tidak bertaubat dan tidak percaya, ditahan, sementara menunggu Penghakiman Akhir, dengan cara yang sama di bumi bagi penjenayah; apabila ditangkap, dia ditahan sehingga masanya dia dihadapkan kepada mahkamah untuk diadili di hadapan seorang hakim (banding Yudas 6).

Untuk menyediakan roh-roh ini untuk diadili, Penghakiman Akhir akan didahului oleh Kebangkitan, dan roh-roh akan dibebaskan dari pengasingan sementara, lalu digabungkan semula dengan tubuh mereka yang sudah dibangkitkan. Itulah yang dirujuk dalam Wahyu 20.13:

"Lalu laut menyerahkan orang mati yang ada di dalamnya. Maut dan alam maut pun menyerahkan orang mati yang di situ. Semua orang mati diadili menurut perbuatan masing-masing." Tubuh orang yang mati lemas di laut (atau abunya ditabur di lautan) akan dibangkitkan; roh-roh mereka, setelah dibebaskan dari tahanan sementara, akan disatukan semula dengan tubuh mereka. Perkara ini, hanyalah satu contoh dari semua yang telah mati dalam berbagai-bagai cara dan tempat.

Oleh itu, apakah yang berlaku kepada orang yang dijatuhi hukuman pada Penghakiman Akhir? Adakah mereka dihukum untuk melalui pengalaman mati fizikal sekali lagi? Tidak. Kematian fizikal, yang merupakan pintu yang dilalui mereka dari dunia sekarang ke dalam dunia yang tidak kelihatan, tidak akan mempunyai tugas untuk dijalankan. Ia akan menyerah, dan diatasi oleh, kematian yang lain dan berbeza, yang disebut dalam ayat-ayat tadi sebagai Kematian Kedua. Dan jenis apakah kematian seperti itu?

1. Bagi individu itu, ia merupakan keadaan kematian secara moral dan rohani. Perhatikan lagi apa yang kita telah pelajari dalam bab yang lalu. Perjanjian Baru mengisytiharkan bahawa setiap orang yang belum bertaubat, sudah mati dalam kehidupan ini, menjadi gelap dalam pengertian, dan terpisah dari kehidupan Tuhan kerana kekerasan hati. Setiap mereka mati secara rohani, dikelabui secara intelek, mati secara emosi (Efesus 2.1-3; 4.17-19). Kehidupan di dunia ini memberikan peluang untuk bertaubat, berbaik semula dengan Tuhan, dilahirkan semula secara rohani, dan untuk berkongsi dengan hidup Tuhan, di sini dan dalam hidup seterusnya. Tetapi jika seseorang membuang peluang tersebut, dan melalui kematian fizikal ke alam baka, dan dihukum pada Penghakiman Akhir, maka Kematian Kedua akan menetapkan dia untuk selamanya dalam keadaan terpisah daripada hidup Tuhan. Ia bukan pemusnahan; tetapi keadaan rohani yang tetap dan abadi yang mengerikan, tidak dibebaskan oleh belas kasihan Tuhan atau oleh apa pun harapan untuk diperbaiki.

2. Tetapi kematian rohani itu bukan hanya bagi individu, tetapi untuk seluruh masyarakat di tempatnya. Dosa bukan hanya penyakit rohani yang diderita oleh seseorang individu, terasing dari semua orang berdosa yang lain. Ia juga dinyatakan dalam sikap dan kelakuan seseorang terhadap orang lain. Orang yang dalam hidup ini bersifat iri hati, atau cemburu, atau berahi, atau menipu, atau kejam, atau sombong, atau kasar, tidak akan tiba-tiba berubah menjadi umat Tuhan dengan melalui kematian fizikal dan muncul di hadapan Penghakiman Akhir. Kematian tidak melakukan apa-apa keajaiban. Penerangan Alkitab mengenai dunia-akan-datang itu bukan suatu cerita dongeng. Bayangkan, apa ertinya untuk hidup dalam masyarakat yang dilanda penyakit rohani dan moral seperti itu, yang tidak lagi dijangkau oleh belas kasihan Tuhan, yang suatu masa dahulu boleh diterima oleh mereka tetapi kini sudah ditolak untuk selamanya.

Perjanjian Baru menunjukkan bahawa keberkatan hidup dengan Tuhan dan orang yang ditebus, di syurga (antara semua yang lain) dengan membandingkannya dengan jenis masyarakat yang akan wujud di luar:

Berbahagialah orang yang mencuci jubah mereka sehingga bersih. Mereka berhak makan buah pokok sumber kehidupan dan masuk ke dalam kota melalui pintu gerbang. Tetapi orang yang melakukan perbuatan cabul, orang yang mengamalkan ilmu ghaib, orang yang lucu, pembunuh, orang yang menyembah berhala, dan orang yang berdusta baik dengan kata-kata mahupun dengan perbuatan, tidak dibenarkan masuk ke dalam kota (Wahyu 22.14-15).

b) **Lautan Api:** Tujuan orang yang tidak bertaubat dan tidak percaya juga digambarkan sebagai Lautan Api. Bahkan, sekiranya kita mengandaikan bahawa istilah-istilah ini adalah gambaran dan bukan harfiah, kita boleh yakin bahawa ia menunjuk kepada suatu kenyataan yang jauh lebih dahsyat daripada apa pun tafsiran harfiah yang dapat diungkapkan oleh istilah tersebut.

Pertama-tama, akan ada penderitaan kerana selalu sedar bahawa Tuhan tidak berkenan kepadanya (Roma 2.4-6). Kedua, penderitaan kerana harus menanggung akibat dan kesan sikap serta kelakuan berdosa (Galatia 6.7-8). Ketiga, akan ada kesedihan kerana menyesal, ditambah dengan keengganan dan ketidakmampuan untuk bertaubat dari dosa yang menimbulkan penyesalan (Ibrani 6.4-8).

Api ini tidak akan menghanguskan orang yang berada di dalamnya, seperti yang dilakukan oleh api fizikal. Tuhan kita Yesus menggambarkannya dengan kata-kata ini: "...neraka. Di sana ulat tidak dapat mati dan api tidak pernah padam" (Markus 9.47-48). Apabila tiada lagi yang dapat dibakar, api akan terpadam; dan apabila tiada lagi yang dimakan oleh ulat, ia akan mati. Tetapi oleh sebab sikap berdosa orang yang sesat itu tidak pernah berubah, kesakitan kerana Tuhan tidak berkenan, yang didatangkannya, tidak akan pernah berhenti. Ingatan yang menyemarakkan api penyesalan tidak akan pernah terpadam.

Sebaliknya, sebagaimana garam menghalang pembusukan dalam daging, maka kelihatannya, api yang abadi itu akan menghalang kerosakan rohani dan moral orang yang sesat itu daripada bertambah (Markus 9.48-49). Sebagaimana C. S. Lewis mengungkapkannya, "Dalam belas kasihan Tuhan, Dia membuat kesakitan yang tetap di neraka. Penderitaan itu tetap, dan Tuhan dalam belas kasihan-Nya membuat had pada Kekekalan dan menghalang ombaknya daripada menjadi lebih besar." Kerosakan moral dan rohani setiap orang tidak dibenarkan bertambah tanpa henti sehingga sampai kepada tahap yang tidak terukur. Dalam belas kasihan Tuhan, ia akan tetapi seperti yang ada pada Penghakiman Akhir. "Api" itu akan menghalang sebarang perkembangan yang selanjutnya.

16

PENGHAKIMAN AKHIR

Kebaikan & Ketegasan Tuhan

Pemikiran bahawa keadilan akan akhirnya ditegakkan dan orang yang berbuat salah dihukum, seharusnya memenuhi, setiap orang yang berfikiran waras, dengan kepuasan hati yang sesungguhnya, ataupun kegembiraan yang besar.

Nyanyikanlah pujian untuk TUHAN, pujilah Dia dengan memetik kecapi ... Bertepuk tanganlah, hai sungai-sungai; bersorak-sorailah di hadapan TUHAN, hai bukit-bukit, kerana TUHAN datang untuk memerintah bumi. Dia akan memerintah penduduk dunia dengan adil dan jujur (Mazmur 98.5-9).

Bahkan orang ateis yang tidak percaya akan Penghakiman Akhir harus berkeinginan agar ia ada. Mereka tentunya tidak gembira bahawa jutaan orang yang telah menderita ketidakadilan semasa hidup dan mati dengan tidak adil, menurut teori mereka, tidak mendapat apa-apa keadilan akhir.

Namun, ada juga segi lain bagi perkara ini. Sementara semua orang berada di pihak keadilan dan penghakiman moral, kita bersetuju bahawa keadilan harus dilakukan, hati manusia mempunyai alasannya sendiri dan tersentak bila berhadapan dengan pendapat bahawa manusia harus dikenakan hukuman yang kekal. Hukumannya kelihatan terlalu kejam dan keterlaluan. Naluri manusia pun mencadangkan bahawa belas kasihan seharusnya menang atas keadilan yang tegas; dan jika kita berperasaan begitu, tidakkah Tuhan juga lebih berperasaan sedemikian?

Kemudian, ada lagi alasan mengapa kita tersentak terhadap pendapat Penghakiman Akhir. Inilah sebabnya. Setiap kita menyedari bahawa kita sudah berdosa, dan dosa kita pun harus dihukum, dan bukan hanya dosa orang berdosa yang amat jahat. Apabila orang menyedari hal ini, mereka cenderung berfikir memberikan bantahan, untuk cuba membuktikan kepada diri mereka sendiri bahawa tidak seharusnya ada, dan tidak akan ada, perkara seperti hukuman yang kekal. Marilah menyelidiki beberapa bantahan itu.

BANTAHAN 1:

“Tuhan yang mengasihi tidak akan pernah menghukum sesiapa pun.”

a) Jawapan Pertama: Yang sebaliknya adalah benar. Oleh sebab Tuhan itu Tuhan yang mengasihi, maka itulah alasannya Dia menghukum dosa. Jika seorang pengedar dadah memberikan suntikan kepada anak perempuan anda, membuat dia ketagih pada dadah dan merosakkan otaknya, Tuhan tidak akan pernah bertindak seolah-olah hal itu tidak perlu dipedulikan. Dia mengasihi anak anda. Apa pun dosa yang dibuat terhadapnya membuat Tuhan murka. Jika pengedar dadah itu tidak bertaubat, Tuhan

tidak akan pernah melupakan jenayahnya, kerana kasih Tuhan itu kekal. Ini bererti, Dia akan murka kepada pengedar dadah itu selama-lamanya.

b) Jawapan Kedua: Tuhan memang Tuhan yang mengasihi, dan tiada seorang pun yang memberitahu kita lebih banyak mengenai kasih Tuhan dan membuat kita merasakan kenyataannya dengan lebih dalam daripada Yesus Kristus. Mungkin pernyataan kasih Tuhan yang paling besar dan terkenal adalah: *“Allah sangat mengasihi orang di dunia ini sehingga Dia memberikan Anak-Nya yang tunggal, supaya setiap orang yang percaya kepada Anak itu tidak binasa tetapi beroleh hidup sejati dan kekal”* (Yohanes 3.16). Bagaimanapun, di dalam ayat ini kita harus melihat bahawa kasih Tuhan itu dinyatakan dengan amat jelas dalam karya-Nya untuk menyelamatkan kita daripada binasa. Dia telah memberikan kurnia yang paling besar, daripada diri-Nya sendiri, Anak Allah sendiri. Dia sudah memberikan kurnia ini agar orang berdosa seperti kita boleh diampuni, dan tidak mengalami hukuman atas dosa mereka. Tetapi sekali lagi, hakikat bahawa Tuhan harus melakukan semua itu untuk menyelamatkan kita daripada binasa mesti menegaskan ke dalam fikiran kita akan kedahsyatannya binasa bagi sesiapa pun.

Kesan yang sama diciptakan oleh kata-kata Kristus: *“Sungguh benar kata-kata-Ku ini: Sesiapa yang mendengar kata-kata-Ku dan percaya kepada Dia yang mengutus Aku, beroleh hidup sejati dan kekal. Dia tidak akan dihukum, melainkan sudah terlepas daripada kematian dan mulai benar-benar hidup* (Yohanes 5.24). Di sini dia menyeru agar kita ada iman dan kepercayaan supaya Dia dapat membebaskan kita daripada semua hukuman dan menyelamatkan kita dari kematian kekal.

Secara semula jadi kita bertanya akan haknya dia bertanya begitu, dan atas alasan apa dia membuat seruannya. Pertama, jawapannya adalah Dia membuatnya sebagai Hakim pada Penghakiman Akhir: *“Bapa tidak menghakimi sesiapa pun. Dia sudah menyerahkan segala kekuasaan untuk menghakimi orang kepada Anak-Nya ... Dia sudah memberi kuasa kepada Anak untuk menghakimi, kerana Anak itu Anak Manusia”* (Yohanes 5.22, 27).

Di tempat yang kedua, jawapannya adalah Dia yang menjadi Hakim dalam Penghakiman Akhir ialah Dia yang menanggung hukuman daripada hukum Tuhan bagi pihak semua yang akan bertaubat dan percaya, agar mereka tidak perlu menanggung hukuman atas diri mereka sendiri. Tetapi perkara yang tidak boleh dielakkan adalah yang bertentangan dengan hal ini: jika ada sesiapa yang tidak mempedulikan rayuan Kristus terhadap pertaubatan dan iman, akhirnya mereka akan binasa.

Oleh itu, pada ketika ini, kita harus melihat sekali lagi terhadap ayat-ayat yang kita pelajari dalam bab sebelumnya (Wahyu 20.11-15) dan perhatikan dengan tepat apa yang dikatakannya sebagai faktor yang penting sekali, yang menentukan sama ada seseorang dibuang ke dalam Lautan Api atau tidak. Berikut adalah ayat-ayat yang berkaitan:

Kemudian aku nampak sebuah takhta besar berwarna putih dan Dia yang duduk di atasnya. Langit dan bumi lari dari hadirat-Nya, sehingga tidak kelihatan lagi. Aku nampak orang yang sudah mati, baik orang besar mahupun orang biasa, semuanya berdiri di hadapan takhta itu. Lalu kitab-kitab pun dibuka dan sebuah kitab lain juga dibuka iaitu Kitab Orang Hidup. Orang yang sudah mati dihakimi menurut perbuatan mereka seperti yang tertulis di dalam kitab-kitab itu ... Sesiapa yang namanya tidak tertulis di dalam Kitab Orang Hidup dibuang ke dalam lautan api.

Perhatikan mula-mula apa yang tidak dikatakannya. Ia tidak berkata bahawa sekiranya seseorang didapati telah melakukan banyak dosa yang dahsyat, dia dibuang ke dalam Lautan Api; bukan juga berkata bahawa sekiranya seseorang didapati hanya melakukan beberapa dosa kecil dan sudah membayarnya dengan melakukan banyak

perbuatan baik, dia tidak dibuang ke dalam Lautan Api. Tidak, menurut ayat-ayat tadi, faktor penentu adalah: “*Sesiapa yang namanya tidak tertulis di dalam Kitab Orang Hidup dibuang ke dalam lautan api*” (Wahyu 20.15).

Kitab Orang Hidup ini adalah kitab yang dimiliki oleh Anak Domba (lihat Wahyu 21.27), dan di dalam buku itu tertulis nama-nama orang yang telah bertaubat dan menaruh iman kepada Anak Domba Allah. Oleh sebab Dia telah membayar hukuman dosa bagi pihak mereka, Perjanjian Baru memberi mereka jaminan yang mulia ini: “*Sekarang tidak ada lagi hukuman bagi mereka yang hidup bersatu dengan Kristus Yesus ... diselamatkan oleh Kristus daripada kemurkaan Allah kelak*” (Roma 8.1; 5.8-9). Tambahan pula, semua orang yang sudah menyambut Kristus menjadi Pengganti dan Penyelamat mereka boleh tahu di sini dan sekarang dalam hidup ini bahawa nama mereka ditulis di dalam buku ini, Kitab Orang Hidup. Rasul Paulus dan temannya sudah berbuat begitu (Filipi 4.3); dan semoga kita juga sudah melakukannya.

Bagaimanapun, sekiranya orang menolak Penyelamat yang telah disediakan oleh Tuhan, yang sedihnya dilakukan oleh ramai orang, maka nama mereka tidak ditulis di dalam buku yang dimiliki oleh Anak Domba. Apakah yang boleh dilakukan Tuhan untuk menyelamatkan mereka? Mereka sudah membuat pilihan sendiri. Mereka harus dibuang ke dalam Lautan Api, dan menderita hukuman dan akibat dosa mereka. Tetapi mereka tidak dapat menuduh orang lain kecuali mereka sendiri. Tentu sekali mereka tidak dapat mengkritik Tuhan kerana hal ini. Tuhan adalah jumlah seluruh kebaikan. Menurut takrif, tiada lagi firdaus lain bagi orang yang menolak Dia. Tuhan pun tidak wajib secara moral untuk menyediakan sesuatu yang mustahil. Mereka telah mencintai kegelapan dan bukan cahaya, kerana perbuatan mereka jahat (Yohanes 3.19); dan mereka akan diberikan apa yang telah dipilih mereka sendiri.

Sekarang, marilah melihat satu ciri lain mengenai keadilan Tuhan. Semua yang menolak penyelamatan Tuhan akan ditimpa hal yang sama; mereka akan dibuang ke dalam Lautan Api. Tetapi kedahsyatan hukuman yang ditanggung berlainan. Ayat-ayat tadi memberitahu kita bahawa mereka akan dihakimi menurut perbuatan mereka. Bahkan di dalam mahkamah manusia pun, dua orang akan disabit kesalahan dan dihukum penjara atas jenayah yang sama, namun menerima hukuman yang berlainan kerana keadaan yang dapat meringankan hukuman dalam kes yang satu dan ketiadaan perkara itu dalam kes yang kedua. Wanita yang sopan yang kesombongannya tidak membiarkan dia untuk merendahkan diri, bertaubat dan percaya kepada Penyelamat, akan menderita kehilangan yang berkekalan, tetapi dia tidak akan dihukum dengan penderitaan yang sama beratnya, misalkan dengan Hitler yang bertanggungjawab terhadap kematian jutaan orang.

Lagipun, untuk melihat bahawa Tuhan itu adil dan sama rata dalam semua urusan-Nya, marilah ingat semula satu lagi ciri penghakiman-Nya. Semua orang yang menaruh iman kepada Kristus untuk penyelamatan akan diselamatkan sampai kekal, berasaskan iman mereka, dan bukan perbuatan. Sebaliknya, orang yang menjalani hidup untuk menyenangkan hati Tuhan sejak pertaubatan mereka, akan menerima ganjaran bagi perbuatan baik mereka. Orang percaya yang sungguh-sungguh, tetapi yang menjalani hidup dengan tidak berhati-hati, dan menghasilkan perbuatan yang kurang baik, akan rugi. Pekerjaan mereka yang tidak layak akan terbakar walaupun mereka sendiri diselamatkan, namun mereka bagaikan ditarik dari api (1 Korintus 3.14-15).

BANTAHAN 2:

“Tetapi jutaan orang pada abad-abad sebelum Kristus, dan jutaan sejak itu, tidak pernah mendengar tentang Yesus. Adakah Tuhan adil untuk menghukum mereka kerana tidak percaya kepada Yesus?”

Tetapi Dia tidak berbuat begitu. Tuhan tidak akan pernah menghukum sesiapaupun kerana tidak percaya kepada sesuatu yang tidak pernah didengarnya (Yohanes 15.22-24). Tetapi semua orang tahu di dalam hati mereka bahawa Tuhan itu ada. Alam semesta memberikan cukup bukti akan kewujudan-Nya. Dan semua orang tahu dalam hati nurani mereka bahawa mereka sudah berbuat dosa terhadap Tuhan (Roma 1.18—2.16). Orang yang mengaku dosa dan menyerahkan diri kepada belas kasihan Tuhan akan diampuni. Kematian dan pengorbanan Yesus di kayu salib membuat Tuhan bertindak adil untuk mengampunkan dosa mereka meskipun mereka tidak pernah mendengar tentang Yesus (Roma 3.25). Manusia akan dihakimi berdasarkan respons mereka kepada terang yang diterima mereka, dan bukan menurut terang yang tidak pernah diterima mereka.

Tetapi semua orang yang membaca artikel ini telah mendengar tentang Yesus, dan mereka perlu mengizinkan Dia untuk memberi mereka amaran bahawa pada Penghakiman Akhir, pemeriksaan yang teliti akan dibuat untuk melihat apa terang yang telah diterima oleh setiap orang, dan apa peluang untuk mengetahui kebenaran dan untuk percaya. Menurut Kristus, orang yang mendapat paling banyak terang tidak semestinya memberikan respons yang betul. Ramai orang yang berpendidikan dan beragama di kalangan orang yang sebaya dengan Kristus tidak begitu rela berbanding orang bukan Yahudi, untuk bertaubat dan percaya (Lukas 11.29-32).

BANTAHAN 3:

“Tidak adil bagi Tuhan untuk menghukum seseorang sampai kekekalan kerana dosa, bagaimana besar pun dosanya, yang telah dibuat selama jangka hayat yang pendek, tujuh puluh atau sedikit lebih daripada itu.”

Tetapi bantahan ini didasarkan pada dua kebimbangan yang salah:

1. Ia mengandaikan bahawa setelah berdosa dalam hidup ini, orang yang menolak Tuhan dan Kristus akan berhenti berdosa dan berbuat dosa di dunia yang akan datang. Perkara ini tidak benar.

2. Ia mengandaikan bahawa setelah menolak pertaubatan dalam hidup ini, mereka akan bertaubat dan percaya kepada Penyelamat dalam dunia yang akan datang. Tetapi hal ini pun tidak benar. Orang yang telah menolak Penyelamat dan melawan Tuhan di sini, akan terus menolak Penyelamat dan melawan Tuhan di dunia akan datang. Mereka bersalah berbuat dosa yang kekal (Markus 3.29). Orang kaya dalam cerita yang disampaikan oleh Tuhan kita (Lukas 16.19-31) yang mendapati dirinya selepas kematian, dipisahkan daripada Tuhan, dan dalam kesengsaraan menunjukkan penyesalan dan kesedihan, tetapi tiada pertaubatan yang sebenar.

BANTAHAN 4:

“Jika semua ini benar, Tuhan yang mengasihi akan mendesak orang untuk bertaubat dan percaya meskipun bertentangan dengan kehendak mereka.”

Tidak, dia tidak berbuat begitu. Salah satu perkara yang membezakan manusia daripada binatang dan sayuran adalah kebebasan memilih yang dipunyai manusia. Manusia adalah makhluk moral dan rohani, dicipta menurut rupa Allah, dengan kuasa memilih yang kuat, sama ada untuk mengasihi dan mentaati Penciptanya atau menolak

Dia. Tuhan tidak akan menyingkirkan kebebasan memilih itu daripada manusia, bahkan untuk tujuan menyelamatkan dia pun. Kerana jika Tuhan berbuat demikian, maka yang diselamatkan itu bukan lagi manusia melainkan binatang, sayuran, atau bahkan mesin. Lagipun, Tuhan bukan diktator. Tidak mustahil bagi manusia untuk menolak dan menentang Dia, dan tetap wujud sampai kekal.

BANTAHAN 5:

“Membawa fikiran manusia untuk menumpukan perhatian kepada apa yang akan berlaku kepada mereka selepas kematian mengganggu serta melemahkan semangat mereka untuk menggunakan dengan sepenuhnya kehidupan mereka di bumi.”

Perkara yang sebaliknya adalah benar. Kepercayaan akan kewujudan syurga dan neraka melaburkan setiap fikiran, sikap, dan tindakan dalam hidup kita di bumi dengan kepentingan yang abadi. Sikap tidak percaya akan kewujudan syurga dan neraka itulah yang relatif serta merendahkan nilai moral dan rohani manusia.

BANTAHAN 6:

“Hanya raksasa yang tidak berperikemanusiaan yang tidak mempunyai perasaan, yang akan percaya pada dan berkhotbah mengenai neraka yang kekal.”

Tetapi Yesus Kristus itulah, lebih daripada yang lain, yang mengajar kita bahawa Tuhan itu mengasihi, bahawa dengan air mata-Nya dia memberi kita amaran mengenai neraka yang nyata. Dia bercakap lebih banyak mengenai subjek ini daripada sesiapa pun di seluruh Alkitab. Dia yang mati untuk menyelamatkan kita dari neraka, masih memberi kita amaran bahawa Dia tidak mati tanpa tujuan; dan Dia meratapi orang yang tidak bertaubat pada hari ini sebagaimana Dia pernah meratapi Yerusalem: *“Yerusalem, Yerusalem! Engkau membunuh nabi-nabi dan merejam para utusan Allah. Sudah beberapa kali Aku ingin memeluk semua pendudukmu seperti seekor induk ayam melindungi anak-anaknya di bawah sayapnya, tetapi engkau tidak mahu!”* (Lukas 13.34).

Melalui ratapan Kristus ini, isi hati Tuhan Sang Pencipta didengar: *“Aku tidak mahu sesiapa pun mati,” TUHAN Raja berfirman. “Bertaubatlah daripada dosa kamu dan hiduplah”* (Yehezkiel 18.32).

Kebijaksanaan kita adalah untuk mengikut teladan orang yang berjuta-juta banyaknya selama berabad-abad yang *“berkata bahawa kamu tidak mahu menyembah berhala lagi, tetapi datang kepada satu-satunya Allah yang hidup untuk mentaati dan menyembah Dia. Mereka juga berkata bahawa kamu menantikan kedatangan Anak Allah dari syurga, iaitu Yesus yang sudah dibangkitkan oleh Allah daripada kematian. Yesuslah yang menyelamatkan kita daripada kemurkaan Allah yang akan datang”* (1 Tesalonika 1.9-10).

17

PENYELAMATAN

Istilah Agung Yang Menyeluruh

Konsep penyelamatan adalah inti kepada Perjanjian Baru; dan alasan untuk itu jelas. Ketika Kristus hampir dilahirkan, Yusuf, bakal suami Maria, diarah untuk menamakan Dia ‘Yesus,’ bentuk Yunani bagi nama Ibrani yang bererti “Yahweh menyelamatkan.” Nama ini diberikan kepada-Nya, lalu malaikat itu berkata, “*kerana Dia akan menyelamatkan umat-Nya daripada dosa mereka*” (Matius 1.20-21). Oleh itu, penyelamatan adalah tujuan kedatangan Kristus ke dunia: “*Anak Manusia datang untuk mencari dan menyelamatkan orang yang sesat*” (Lukas 19.10; lihat juga Yohanes 3.17; 1 Timotius 1.15).

Itulah sebabnya perkataan penyelamatan, Penyelamat, menyelamatkan sering terdapat di dalam Perjanjian Baru. Lagipun, ‘penyelamatan’ adalah istilah yang sangat luas dan menyeluruh ertinya. Ia merangkumi banyak istilah lain, seperti membenaran, penebusan, kelahiran semula, kehidupan kekal, dsb.nya yang sudah kita pelajari; kerana setiap satunya mentakrifkan satu segi penyelamatan. Selanjutnya, konsep penyelamatan sering dipaparkan dalam konteks perkataan itu sendiri tidak digunakan secara khusus. Dengan ini, kajian terhadap ‘penyelamatan’ akan membantu kita untuk meninjau alasan yang telah kita periksa dalam buku ini.

KONOTASINYA YANG LUAS

Kata kerja Yunani ‘untuk menyelamatkan’ (*sozo*) membawa beberapa konotasi. Ia dapat digunakan untuk menyelamatkan seseorang dari bahaya; atau melepaskan seseorang dari penyakit, iaitu ‘untuk menyembuhkan’. Dalam Berita Baik kita mendapati Yesus menyelamatkan orang dalam masa-masa berlainan. Sebagai respons kepada rayuan Petrus, “*Ya Tuhan, selamatkanlah aku!*” Kristus menyelamatkan dia daripada lemas (Matius 14.30-31). Dia menyembuhkan seorang wanita yang sudah lama menghidap penyakit, dan memberikan komen, “*Anak-Ku, kerana kamu percaya kepada-Ku, kamu sembuh. Pergilah dengan sejahtera*” (Lukas 8.48). Dia meyakinkan seorang bapa yang baru saja kematian anak perempuannya, anak tunggalnya, “*Jangan takut. Percayalah sahaja dan anakmu akan sembuh*”, lalu pergi ke rumah lelaki itu dan menghidupkan semula anak perempuannya yang sudah meninggal (Lukas 8.49-56).

Di tempat lain pula Kristus menggunakan istilah ‘menyelamat’ dalam pengertian moral dan rohani. Misalnya, dia berkata kepada seorang wanita berdosa, tetapi yang bertaubat: “*Dosamu sudah diampunkan ... Oleh sebab kamu percaya kepada-Ku, kamu diselamatkan. Pergilah dengan sejahtera!*” (Lukas 7.48, 50). Sekarang, dalam pengertian inilah perkataan ‘diselamatkan’ dan ‘penyelamatan’ digunakan dengan kerap di dalam Perjanjian Baru; dan banyak penyembuhan yang dilakukan Kristus dalam penyembuhan fizikal dan pembebasan juga menjadi gambaran penyelamatan pada tahap rohani.

Dalam Yohanes 9, apabila Tuhan kita mencelikkan seorang lelaki, yang buta sejak lahir, Kristus menggunakan penyelamatan fizikal ini sebagai ilustrasi bagi kemampuan-Nya memberikan penglihatan rohani kepada yang buta secara rohani: “*Yesus berkata, “Aku datang ke dunia ini untuk menghakimi orang supaya orang yang buta dapat melihat, tetapi orang yang dapat melihat menjadi buta”* (Yohanes 9.39). Penyelamatan pada tahap moral dan rohani inilah yang menjadi tumpuan utama (meskipun bukan ini sahaja) dalam bab ini.

Oleh sebab ia merupakan istilah yang menyeluruh yang merujuk kepada apa yang telah dilakukan Tuhan, sedang dilakukan-Nya, dan yang akan dilakukan-Nya bagi orang percaya, maka ia disebut dalam tiga kala masa: lampau, sekarang, dan akan datang.

PENYELAMATAN DALAM KALA LAMPAU

Menurut Perjanjian Baru, Tuhan menginginkan semua orang supaya selamat, dan dengan itu Kristus telah menyerahkan diri menjadi penebus bagi semua orang (1 Timotius 2.3-6). Oleh itu, Berita baik adalah penyelamatan yang boleh dimiliki oleh semua, meskipun ia hanya menjadi berkesan apabila orang percaya. Sebaik sahaja seseorang percaya, dia boleh bercakap mengenai penyelamatannya sebagai sesuatu yang sudah berlaku. Dia tidak perlu membatasi diri dengan berkata, ‘Saya harap supaya selamat akhirnya.’ Dia boleh menggunakan kala lampau dengan betul dan berkata, ‘Saya sudah diselamatkan’. Ketika bercakap kepada orang percaya, Perjanjian Baru menyatakan: “*Kamu sudah diselamatkan oleh rahmat Allah*” (Efesus 2.5). Tetapi ini tidak bererti bahawa orang percaya sudah mengalami *keseluruhan* penyelamatan, kerana beberapa fasa penyelamatan masih di masa depan. Tetapi ia tetap benar bahawa beberapa fasa penyelamatan berkuat kuasa dan selesai pada saat seseorang benar-benar percaya dan menyerahkan diri secara peribadi kepada Kristus.

Antara fasa-fasa itu adalah:

1. Pengampunan: Dalam kes perempuan yang berdosa yang disebut di atas, Kristus menggunakan kala masa lampau sebanyak tiga kali: “*dosanya yang banyak sudah diampunkan! ... Dosamu sudah diampunkan ... Oleh sebab kamu percaya kepada-Ku, kamu diselamatkan*” (Lukas 7.47, 48, 50). Demikian juga Rasul Yohanes berkata: “*Anak-anakku, aku menulis kepada kamu, kerana dosa kamu sudah diampunkan demi Kristus*” (1 Yohanes 2.12); dan Rasul Paulus menulis: “*Allah telah mengampunkan semua dosa kita*” (Kolose 2.13).

Beberapa gambaran digunakan di dalam Alkitab untuk menjelaskan kepada kita mengenai kesempurnaan pengampunan ini. Dosa kita, Tuhan sudah—

a) lenyapkan daripada pandangan-Nya: “*Engkau mengampunkan segala dosaku*” (Yesaya 38.17).

b) jauhkan sehingga tidak terjangkau lagi: “*Sejauh timur dari barat, sejauh itu juga dibuang-Nya dosa kita*” (Mazmur 103.12);

c) menyingkirkannya sehingga tidak wujud lagi: “*Aku tidak akan mengingat dosa kamu*” (Yesaya 43.25);

d) melupakannya sama sekali: “*Aku (TUHAN) akan melupakan kesalahan mereka*” (Yeremia 31.34);

e) mengampunkannya sehingga tidak diungkit lagi: “*Ya TUHAN, tiada yang seperti Engkau. Engkau mengampunkan dosa ... Engkau akan memijak-mijak dosa kami dan membuangnya ke dasar laut!*” (Mikha 7.18-19).

2. Kelahiran Semula dan Kehidupan Rohani yang Baru (lihat Bab 7):

a) *“Dia menyelamatkan kita, bukan kerana perbuatan baik kita, tetapi kerana belas kasihan-Nya. Allah menyelamatkan kita melalui Roh-Nya, yang mengurniai kita kelahiran baru dan hidup baru dengan membasuh kita”* (Titus 3.5).

b) *“Tetapi Allah ... sementara kita mati secara rohani kerana pelanggaran kita, Dia menghidupkan kita semula bersama-sama Kristus ... kamu diselamatkan oleh sebab kamu percaya kepada Yesus. Penyelamatan itu bukan hasil usaha kamu sendiri, melainkan kurnia Allah. Oleh itu kamu tidak mempunyai alasan untuk bercakap besar tentang hal itu”* (Efesus 2.4-9).

3. Berbaik semula dengan Tuhan (lihat Bab 4):

“Bukan itu sahaja; kita pun bersukacita kerana apa yang sudah dilakukan oleh Allah melalui Tuhan kita Yesus Kristus. Melalui Kristus, kita sekarang dijadikan sahabat-sahabat Allah” (Roma 5.11).

PENYELAMATAN DALAM KALA SEKARANG

Penyelamatan bukan hanya berkaitan dengan masa lampau seseorang. Ia mempengaruhi masa sekarang juga. Satu contoh yang baik untuk dipaparkan adalah cerita Zakheus (bacalah ceritanya dalam Lukas 19.1-10). Apabila penyelamatan datang ke rumah Zakheus, bukan saja ia memberinya pengampunan untuk masa lampau, ia juga membawa perubahan besar dalam kehidupannya pada masa kini. Ia mula menggerakkan hati nurani sosialnya. Pada masa lalu dia memeras cukai lebih daripada yang sepatutnya, tetapi kini dia menawarkan untuk membayar balik mereka empat kali ganda. Lebih daripada itu, dia tidak lagi berpuas hati untuk mendapatkan wang untuk dirinya sendiri sahaja, walaupun dengan cara halal, sementara ramai orang sebangsanya melarat dalam kemiskinan: *“Guru, saya akan mendermakan separuh daripada harta saya,”* katanya, *“kepada orang miskin.”*

Keprihatinan terhadap orang miskin, orang sakit, dan orang cacat, sejak dahulu menjadi ciri agama Kristian yang sejati. Orang yang telah diselamatkan melalui Berita Baik Kristus, mempunyai tugas untuk berkelakuan dengan begitu rupa dalam semua perhubungan agar mereka *“sentiasa bersikap baik dan setia, supaya dengan perbuatan mereka itu orang memuji ajaran tentang Allah, Penyelamat kita”*; iaitu, mereka menunjukkan betapa menariknya Berita Baik itu dengan menyatakan kesan praktikalnya melalui gaya hidup mereka (Titus 2.10-14).

Inilah satu segi lain yang harus dikawal oleh penyelamatan dalam perbuatan seorang Kristian dalam hidupnya. Kristus mengungkapkannya dengan cara ini: *“Sesiapa yang mempertahankan hidupnya akan kehilangan hidup yang sejati. Tetapi sesiapa yang mengorbankan hidup untuk-Ku dan untuk Berita Baik daripada Allah, akan menyelamatkannya”* (Markus 8.35). Ia akan membantu kita untuk mula mengerti kenyataan ini, jika kita memperhatikan bahawa perkataan Yunani di sini yang diterjemahkan sebagai ‘hidup’ membawa erti yang luas. Ia boleh bererti hidup jasmani seseorang (seperti dalam Matius 2.20): *“orang yang cuba membunuh anak itu sudah meninggal.”* Ia juga boleh merujuk kepada hidup dalaman seseorang, semua yang membuat hidup lebih daripada wujud sahaja, iaitu kasih, tenaga, intelek, emosi, kemampuan, keinginan, cita-cita (seperti dalam 3 Yohanes 2): *“berdoa semoga semuanya baik dengan kamu, dan semoga kamu sihat (fizikal), seperti jiwamu pun sihat.”* Dalam kenyataan Tuhan kita (Markus 8.35), kedua-duanya membawa konotasi, seperti yang kita akan lihat nanti.

Tetapi bagaimanakah seseorang dapat menyelamatkan hidupnya, atau jiwanya, dengan mengorbankannya? Ia seolah-olah suatu pertentangan. Sebenarnya, mungkin juga

boleh memahaminya jika kita ingat bahwa zaman sekarang ini bukan satu-satunya zaman yang ada: ada lagi yang akan datang, yang disebut pemerintahan Tuhan yang akan datang. Inilah konteksnya ketika Kristus menyampaikan pengajaran: *“Jika seseorang malu mengakui Aku dan ajaran-Ku pada zaman yang derhaka dan jahat ini, Anak Manusia juga akan malu mengakui orang itu, apabila Dia datang kelak dengan kemuliaan Bapa-Nya berserta malaikat-malaikat-Nya yang suci”* (Markus 8.38).

Kristus baru sahaja meramalkan bahawa pihak berkuasa di Yerusalem akan membunuh Dia. Petrus, yang meramalkan bahawa sekiranya hal ini berlaku, maka mereka akan membunuh dia juga, berusaha untuk membujuk Kristus supaya mengelakkan daripada dibunuh. Tetapi Kristus tidak bertolak ansur dengan misi-Nya demi menyelamatkan hidup-Nya sendiri. Dia memberikan amaran kepada Petrus supaya tidak mencuba untuk menyelamatkan hidupnya di dunia ini dengan menyangkal Kristus; jika dia berbuat begitu, dia akan kehilangannya dalam dunia yang akan datang. Kita tahu bahawa Petrus akhirnya hilang keberanian, lalu menyangkal Kristus. Tetapi keadaan ini hanya suatu kelemahan sementara, dan Kristus memulihkan dia melalui doa syafaat-Nya (Lukas 22.31-34).

Tetapi pengajarannya tetap tinggal untuk kita semua. Tentu sekali kita tidak mendapat penyelamatan dengan mati syahid bagi Kristus. Penyelamatan adalah anugerah. Tetapi kita tidak boleh mendapat anugerah penyelamatan tanpa Penyelamat. *“Semua itu berlaku kerana kamu sudah diberi oleh Allah anugerah untuk mengabdikan diri kepada Kristus, bukan sahaja dengan percaya kepada-Nya, tetapi juga dengan menderita bagi-Nya”* (Filipi 1.29). Seandainya kita menghadapi suatu keadaan yang memaksa kita membuat pilihan sama ada menyangkal dan menolak Kristus lalu menyelamatkan hidup fizikal kita di dunia, ataupun kita tetap beriman kepada Kristus, tetap setia kepada-Nya, dan kehilangan hidup di dalam dunia ini. Dengan itu, kita mesti bersedia untuk kehilangan hidup kita di dunia ini, dengan keyakinan bahawa kita akan menyelamatkannya di dunia yang akan datang. Sebaliknya, jika kita menyelamatkan hidup kita di dunia ini dengan menyangkal Kristus, kita akan kehilangannya di dunia yang akan datang.

Lagipun, hidup di dunia ini bukan suatu benda yang boleh disimpan di dalam kotak. Kehidupan harus dijalani: tenaga, masa, cita-cita, kasih, kemampuannya, harus digunakan untuk manusia atau benda atau projek. Soalannya adalah: untuk apakah saya gunakan hidup saya?

Seorang percaya dipanggil untuk melakukan semua perkara dengan bersemangat, seolah-olah membuatnya untuk Tuhan (Kolose 3.23) dan untuk mengabdikan sebanyak mungkin dan sedapat mungkin masa dan tenaganya untuk menyebarkan Berita Baik Kristus. Jika dia bertekad untuk menggunakan hidupnya dengan cara ini, lambat laun ia akan melibatkannya dalam segala jenis pengorbanan dan penyangkalan diri. Bagi orang yang berfikiran dunia, orang percaya itu akan kelihatannya mensia-siakan hidupnya dan membuangnya begitu sahaja. Tetapi sebenarnya, segala sesuatu yang dilakukan oleh orang percaya untuk Kristus atau belanjakan demi Kristus dan kehendak-Nya, akan mendapat kepentingan yang tetap dan kekal. Hasilnya akan bertahan selama-lamanya (Yohanes 12.25).

Sebaliknya, jika orang percaya itu tidak bersedia untuk hidup bagi Kristus, dan menghabiskan masa, tenaga, kasih, kemampuannya bagi kepentingan diri sendiri dan hanya untuk benda-benda dunia yang tidak layak, maka bagi pemerintahan Tuhan yang kekal, semua yang digunakan oleh orang percaya itu bagi benda-benda dunia sudah hilang selama-lamanya. Apabila Kristus memeriksa pekerjaan orang itu pada masa Kedatangan Kedua Kali Kristus, kerjanya akan terbakar dan dia akan mengalami kerugian, walaupun dia sendiri akan diselamatkan (1 Korintus 3.10-15).

PENYELAMATAN PADA MASA DEPAN

Apabila seorang percaya berkata dengan keyakinan, “Saya sudah diselamatkan,” maka bahagian-bahagian penting dalam penyelamatannya itu masih terletak di masa depan. Itulah sebabnya orang percaya itu dikatakan mengharapkannya. Bukan berarti mereka tidak pasti tetapi kerana semua itu belum ada lagi.

Dia boleh bercakap tentangnya dengan yakin dan dengan rendah hati memberikan kepastian, “Saya akan diselamatkan.” Aspek-aspek penyelamatan yang akan datang ini termasuklah:

1. Penyelamatan dari Kemurkaan Tuhan: *“Melalui kematian Kristus, kita sekarang berbaik semula dengan Allah. Oleh itu kita pasti akan diselamatkan oleh Kristus daripada kemurkaan Allah kelak”* (Roma 5.9; dan 1 Tesalonika 5.9-10).

2. Penebusan Tubuh Fizikal kita: Inilah juga yang akan berlaku waktu Kedatangan Kristus yang Kedua Kali.

a) *“Tetapi kewarganegaraan kita di syurga. Dengan penuh harapan kita menantikan kedatangan Penyelamat kita, Tuhan Yesus Kristus dari syurga. Dia akan mengubah tubuh kita yang lemah dan fana ini, menjadi seperti tubuh-Nya sendiri yang mulia itu. Dia dapat melakukan hal itu kerana Dia memiliki kuasa untuk menaklukkan segala sesuatu”* (Filipi 3.20-21).

b) *“Bukan sahaja alam semesta yang merintah, tetapi kita juga merintah dalam batin. Kita yang sudah menerima Roh Allah sebagai kurnia Allah yang pertama, pun masih menunggu masanya Allah menjadikan kita anak-anak-Nya dan membebaskan diri kita seluruhnya. Kerana dengan berharap, kita diselamatkan. Tetapi jika kita boleh melihat apa yang kita harapkan, maka hal itu bukan lagi harapan. Siapakah mengharap sesuatu yang sudah dilihatnya? Tetapi jika kita mengharap sesuatu yang belum kita lihat, kita menunggu dengan sabar”* (Roma 8.23-25).

3. Pemurnian Tahap Akhir bagi Orang Kristian (lihat Bab 14):

a) *“Marilah kita bersyukur kepada Allah, Bapa Tuhan kita Yesus Kristus! Kerana Dia sangat mengasihani kita, Dia mengurniai kita hidup yang baru, dengan membangkitkan Yesus Kristus daripada kematian. Hal ini memberikan harapan yang kukuh kepada kita. Oleh itu, kita berharap untuk memiliki berkat-berkat yang disediakan oleh Allah bagi umat-Nya. Berkat-berkat itu disimpan-Nya di syurga, supaya tidak dapat rosak, reput, ataupun musnah. Berkat-berkat itu untuk kamu kerana kamu percaya kepada Allah. Oleh itu kamu dipelihara oleh kuasa Allah supaya kamu menerima penyelamatan yang siap dinyatakan pada akhir zaman”* (1 Petrus 1.3-5).

b) *“Hanya Kristus yang dapat menyebabkan hidup kamu betul-betul berarti, dan apabila Dia menampakkan diri lagi di bumi, kamu juga akan bersama-sama Dia dan menikmati kemuliaan-Nya!”* (Kolose 3.4).

4. Orang Kristian Masuk ke Syurga: Kemasukan orang percaya ke syurga boleh berlaku dengan salah satu cara dari dua cara. Orang yang meninggal sebelum Tuhan kembali dikatakan *“meninggalkan tubuh ini, supaya dapat tinggal bersama-sama Tuhan”* (2 Korintus 5.8) meskipun tubuh fizikal mereka belum dibangkitkan. Kemudian pada masa Tuhan kembali, tubuh orang percaya yang sudah mati akan dibangkitkan, tubuh orang percaya yang masih hidup akan diubah, dan semua akan diangkat untuk berjumpa dengan Tuhan di udara (1 Tesalonika 4.13-18).

Ketahuilah rahsia ini: Tidak semua daripada kita akan mati. Tetapi ketika trompet dibunyikan untuk kali terakhir, dengan tiba-tiba dan dalam sekejap mata kita semua akan diubah. Hal itu berlaku, kerana ketika trompet dibunyikan, orang mati akan

dibangkitkan dengan tubuh yang abadi, dan kita semua akan diubah (1 Korintus 15.51-52, 54).

Dalam pengertian inilah Alkitab berkata, “*Hal itu demikian kerana masa kita diselamatkan lebih dekat sekarang ini daripada masa kita mula percaya*” (Roma 13.11)—lebih dekat, kerana dengan berlalunya setiap saat, kedatangan Kristus semakin dekat.